



TAYLOR'S
COLLEGE
Wisdom · Integrity · Excellence



SEJARAH

TINGKATAN LIMA

NOTA RINGKAS





TAYLOR'S
COLLEGE
Wisdom · Integrity · Excellence



ENGAGE EQUIP EMPOWER



The Risers is a growing force of awesome that begins with you. Together, you can engage with like-minded peers, equip yourself with fresh skills, and empower each other to make things happen.

Be a Riser today!
<https://college.taylors.edu.my/the-risers>



Sign up by scanning the QR code.

Supported by



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

BAB 1 : Kedaulatan Negara

1.1 Konsep kedaulatan

1. Kedaulatan ditakrifkan sebagai kekuasaan tertinggi dan kewibawaan sesebuah negara serta mempunyai hak untuk melaksanakan pemerintahan dan pentadbiran negara.
2. Kedaulatan negara kita dapat dilihat sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 dan pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 mengukuhkan serta memantapkan negara bangsa kita.

Takrif Kedaulatan

Takrif kedaulatan mengikut bahasa adalah seperti yang berikut:

1. Bahasa Yunani

Kedaulatan ialah *supernuus* atau *superanus* yang bermaksud agung atau tertinggi. Perkataan ini merujuk negara yang bebas dan merdeka.

2. Bahasa Inggeris

Dalam bahasa Inggeris, kedaulatan ialah **sovereignty** yang bermaksud negara mempunyai kuasa penuh terhadap pemerintahan

3. Bahasa Arab

Perkataan kedaulatan dalam bahasa Arab berasal daripada kata *daulah* yang bermaksud kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan.

4. Bahasa Melayu

Kedaulatan merujuk perkataan *daulat* yang bermaksud kekuasaan tertinggi terhadap pemerintahan negara.

Pandangan Tokoh

Beberapa orang tokoh memberikan tafsiran mereka tentang kedaulatan yang sesuai dengan zamannya.

a. Aristotle (ahli falsafah Yuanani)

Kedaulatan merupakan kuasa tertinggi dalam sistem pemerintahan sesebuah negara. Kedaulatan merujuk kerajaan yang terikat oleh undang-undang.

b. Ibnu Khaldun (Ilmuan Islam)

Kedaulatan merupakan kekuatan dan kekuasaan sesebuah negara berasaskan semangat kekitaan

bangsanya. Kekuatan semangat kekitaan yang diiringi dengan kekuatan semangat beragama menyebabkan sesuatu bangsa rela untuk berkorban demi mencapai cita-cita yang sama.

c. Jean Bodin (ahli falsafah Politik Perancis)

Kedaulatan merupakan kuasa tertinggi dalam sesebuah negara. Kedaulatan mempunyai sifat kekal dan mempunyai kuasa tidak terbatas untuk membuat undang-undang, mentafsir dan melaksanakannya.

d. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj (Perdana Menteri Malaysia Pertama)

Kedaulatan dibina berdasarkan prinsip kebebasan dan keadilan yang sentiasa memperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat.

e. Tun Dr. Mohamed Salleh Abas (Mantan Ketua Hakim Negara).

Kedaulatan merupakan asas negara yang merdeka, memiliki kebebasan pada peringkat antarabangsa bersama dengan hak dan kuasa untuk mengatur urusan dalam negeri tanpa telunjuk asing.

Jenis Kedaulatan

1. Kedaulatan berbeza mengikut bentuk pemerintahan yang diamalkan oleh sesebuah negara. Setiap negara mempunyai hak untuk menentukan bentuk dan jenis kedaulatan yang diamalkannya.
2. Terdapat beberapa jenis kedaulatan seperti kedaulatan tradisional, kedaulatan moden, kedaulatan undang-undang dan kedaulatan antarabangsa.

a. Kedaulatan Tradisional

- i. Kedaulatan tradisional merujuk sistem pemerintahan berkuasa mutlak yang menguasai sepenuhnya segala urusan negara. Kedaulatan ini wujud sejak tamadun awal manusia.
- ii. Kedaulatan negara kita berpaksi pada kedaulatan Raja-raja Melayu. Kedaulatan terletak pada kekuasaan dan kewibawaan raja. Raja merupakan pemerintah yang mempunyai kuasa tertinggi. Kedudukan dan kedaulatan raja diperkukuh oleh taat setia rakyat.

b. Kedaulatan Moden

- i. Kedaulatan moden dikaitkan dengan idea kemunculan negara bangsa selepas Revolusi Keagungan di England dan Revolusi Perancis.

- ii. Kedaulatan juga dikaitkan dengan hak rakyat dan kerajaan berperlembagaan.
- iii. Selepas Perang Dunia Pertama, kedaulatan dikaitkan dengan nasionalisme yang menggunakan unsur persamaan rumpun bangsa dan bahasa untuk membentuk negara bangsa masing-masing.
- iv. Kedaulatan negara kita sebagai sebuah negara bangsa pula lahir hasil gabungan negeri yang dikenali sebagai Persekutuan Tanah Melayu 1957 dan Persekutuan Malaysia 1963.

c. Kedaulatan Undang-undang

Kedaulatan undang-undang bermaksud kerajaan dan rakyat terikat oleh undang-undang yang perlu dipatuhi. Kedaulatan undang-undang menjamin keadilan dalam kehidupan bermasyarakat serta menjadikan negara aman, stabil dan makmur. Badan kehakiman yang bebas dan berwibawa diwujudkan untuk memelihara dan melaksanakan kedaulatan undang-undang. Kedaulatan undang-undang menjadi prinsip keempat dalam Rukun Negara.

d. Kedaulatan Antarabangsa

- i. Kedaulatan antarabangsa merujuk pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) terhadap sesebuah negara yang tidak boleh dicabuli oleh negara lain.
- ii. Deklarasi Hubungan Persahabatan PBB 1970, mengesahkan prinsip persamaan kedaulatan dari segi undang-undang antarabangsa. Keanggotaan negara kita dalam PBB membuktikan bahawa dunia mengiktiraf negara kita sebagai negara yang bebas, merdeka dan berdaulat.

1.2 Ciri Negara yang Berdaulat

Setiap negara yang bebas dan merdeka mempunyai ciri tertentu bagi menentukan kedaulatannya. Negara kita turut mempunyai ciri yang menjadi identitinya. Ciri negara yang berdaulat ialah mempunyai pemerintahan, mempunyai sempadan, mempunyai perundangan dan mempunyai rakyat yang menjadikan negara kita sebagai sebuah negara bebas dan berdaulat.

1. Mempunyai Pemerintahan

- i. Pemerintahan negara berdaulat diwujudkan untuk menjaga kestabilan politik, keamanan, pertahanan dan ekonomi. Pemerintahan ini dijalankan secara teratur.
- ii. Malaysia sebagai sebuah negara persekutuan mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Ketua Utama Negara ialah Yang di-Pertuan Agong. Ketua Kerajaan ialah Perdana Menteri yang dibantu oleh Jemaah Menteri.

2. Mempunyai Sempadan

- i. Sempadan merupakan garis pemisah antara negeri atau negara. Malaysia merupakan negara yang berkongsi sempadan darat, air dan udara dengan negara jiran, iaitu Singapura, Thailand, Indonesia, Brunei dan Filipina.
- ii. Sempadan Malaysia diakui oleh masyarakat antarabangsa, khasnya PBB. Penetapan sempadan memudahkan urusan pemerintahan, pentadbiran, pertahanan dan pembangunan ekonomi negara kita.

3. Mempunyai perundangan

- i. Sistem perundangan menjadi asas kepada peraturan negara. Sistem perundangan penting untuk memelihara kesejahteraan, menjamin keadilan dan melindungi rakyat.
- ii. Asas kepada sistem perundangan negara kita berpandukan Perlembagaan Persekutuan. Parlimen bertanggungjawab menggubal dan menentukan sistem perundangan negara kita.

4. Mempunyai Rakyat

- i. Rakyat merupakan penduduk di sesebuah negara. Rakyat terikat kepada undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh pemerintah.
- ii. Rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan adat resam. Disatukan melalui satu bahasa dan kebudayaan, Rukun Negara serta identiti nasional yang sama.

1.3 Kepentingan Mewujudkan Negara Berdaulat

Kedaulatan negara penting bagi mewujudkan keberkesanan pentadbiran, kemakmuran ekonomi, kesejahteraan sosial dan kecemerlangan hubungan luar negara. Selain itu, negara diiktiraf setaraf

1. Keberkesanan Pentadbiran

- i. Kedaulatan memberikan kebebasan kepada negara untuk menjalankan urusan pentadbiran tanpa campur tangan pihak luar.
- ii. Dasar pentadbiran negara dilaksanakan dengan berkesan melalui Jemaah Menteri dan kementerian.
- iii. Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melalui pengagihan kuasa mewujudkan keberkesanan pentadbiran.
- iv. Sistem pentadbiran diperkukuhkan melalui peruntukan undang-undang dalam Perlembagaan Persekutuan.

2. Kemakmuran Ekonomi

- i. Kedaulatan penting untuk negara melaksanakan dasar kemakmuran ekonomi.
- ii. Selepas negara mencapai kemerdekaan, pelbagai usaha dilakukan untuk memajukan dan meningkatkan taraf hidup rakyat berbilang kaum.
- iii. Pembangunan ekonomi meliputi bidang pertanian, perindustrian dan perdagangan yang diperkenalkan melalui dasar pembangunan ekonomi negara.

3. Kesejahteraan Sosial

- i. Kedaulatan penting untuk negara melaksanakan dasar sosial bagi kesejahteraan rakyat.
- ii. Negara dapat melahirkan generasi yang berilmu dan berkemahiran melalui pendidikan.
- iii. Generasi berilmu dapat memberikan sumbangan untuk pembangunan negara.
- iv. Beberapa perkara berkaitan dengan bahasa kebangsaan, kebudayaan, sukan dan Rukun Negara diperkenalkan untuk memupuk perasaan muhibah dan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum di Malaysia.

4. Kecemerlangan Hubungan Luar Negara

- i. Kedaulatan penting bagi memberikan hak kepada negara untuk menjalinkan hubungan dengan negara lain.
- ii. Melalui penggubalan dasar luar negara kita dapat menjalinkan hubungan diplomatik dan persahabatan dengan negara lain, negara juga dapat mengadakan perjanjian dan kerjasama dalam pelbagai bidang.
- iii. Kesannya, Malaysia menikmati pelbagai faedah dan kelebihan dalam usaha mempertahankan kedaulatan.
- iv. Keanggotaan Malaysia dalam pertubuhan serantau dan antarabangsa meningkatkan imej negara. Masyarakat antarabangsa mengakui peranan dan kebolehan negara kita setaraf dengan negara lain di dunia.

1.4 Langkah Mempertahankan Kedaulatan

Pemerintah dan rakyat memainkan peranan penting bagi mempertahankan kedaulatan negara. Oleh itu, pemerintah dan rakyat perlu bekerjasama untuk mewujudkan kestabilan politik serta kemakmuran ekonomi, mengekalkan perpaduan kaum, memupuk patriotisme dan mengukuhkan pertahanan negara. Kerjasama ini penting bagi memastikan kedaulatan dapat dipertahankan demi kemajuan dan kesejahteraan negara.

1. Mewujudkan Kestabilan Politik dan Kemakmuran Ekonomi

- i. Pemerintah dan rakyat mempunyai peranan yang sama untuk menjamin kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi.
- ii. Pemerintah melaksanakan pentadbiran dengan cekap dan menjalankan pelbagai usaha serta program bagi memajukan ekonomi.
- iii. Rakyat pula memberikan kerjasama sepenuhnya untuk menjayakan semua usaha dan program yang dilaksanakan oleh pemerintah.

a. Pemerintah

- i. Mewujudkan pentadbiran yang cekap.
- ii. Mengelakkan amalan rasuah dalam pentadbiran
- iii. Memastikan agihan sumber kekayaan negara secara adil kepada semua kaum melalui dasar pembangunan ekonomi.
- iv. Melaksanakan undang-undang negara menurut perlembagaan secara berkesan.

b. Rakyat

- i. Memberikan kesetiaan kepada raja dan negara.
- ii. Menyokong segala usaha dan dasar kerajaan bagi mewujudkan kestabilan politik.
- iii. Memupuk kerjasama dengan semua kaum supaya agihan kekayaan negara dinikmati oleh semua.
- iv. Mematuhi undang-undang negara.

2. Mengekalkan Perpaduan Kaum

Sejak awal kemerdekaan, pemerintah dan rakyat berusaha untuk mengekalkan perpaduan kaum. Perpaduan penting dalam usaha kita mengekalkan kedaulatan negara. Beberapa langkah dilaksanakan untuk memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat.

a. Pemerintah

- i. Menggubal dasar dan undang-undang berkaitan dengan perpaduan kaum serta integrasi nasional.
- ii. Memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar berkaitan dengan bahasa, pendidikan dan kebudayaan oleh kementerian serta agensi berkaitan.
- iii. Merangka program serta kempen ke arah memupuk perpaduan kaum dan integrasi nasional. Memperuntukkan perbelanjaan yang mencukupi untuk program memupuk perpaduan kaum.

b. Rakyat

- i. Menggunakan bahasa kebangsaan dan menghayati prinsip Rukun Negara yang dapat menjamin perpaduan kaum.

- ii. Memahami dan menghormati agama serta budaya pelbagai kaum.
- iii. Mengamalkan semangat perkongsian, bertoleransi dan saling menghormati sesama rakyat Malaysia.
- iv. Melibatkan diri dalam program kemasyarakatan yang dapat memupuk kerjasama antara kaum.

3. Memupuk Patriotisme

Patriotisme ialah perasaan cinta yang mendalam terhadap negara serta sanggup mempertahankan sejarah, bahasa, undang-undang, warisan dan budaya. Patriotisme merupakan nadi kepada kebebasan, kestabilan dan kemajuan sesebuah negara. Semangat ini juga penting untuk melahirkan pemimpin dan rakyat yang taat setia serta sanggup berkorban demi negara.

a. Pemerintah

- i. Menganjurkan sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Pahlawan untuk menimbulkan kecintaan terhadap negara.
- ii. Mewajibkan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran teras di sekolah bagi melahirkan generasi yang peka terhadap sejarah negara.
- iii. Menganjurkan kempen dan menerbitkan filem atau rencana untuk memupuk patriotisme melalui pelbagai media.
- iv. Memberikan pengiktirafan kepada rakyat Malaysia yang berjasa kepada negara dengan mengabadikan nama mereka pada bangunan dan jalan.

b. Rakyat

- i. Menghormati lambang negara seperti bendera Jalur Gemilang, Jata Negara dan lagu Negaraku.
- ii. Menyanjungi dan menghargai adat dan warisan negara.
- iii. Meningkatkan imej negara dengan melakar kejayaan dalam bidang pendidikan, sukan dan ekonomi
- iv. Menghargai tokoh pelbagai kaum yang berjuang untuk kemerdekaan dan kedaulatan negara.

4. Mengukuhkan Pertahanan Negara

Pemerintah dan rakyat mempunyai tanggungjawab untuk mempertahankan negara daripada ancaman musuh. Pertahanan negara penting untuk mengekalkan kedaulatan negara kita.

a. Pemerintah

- i. Menggubal dasar dan undang-undang untuk melindungi keselamatan negara.
- ii. Mengadakan perjanjian pertahanan serta latihan ketenteraan bersama-sama negara serantau dan antarabangsa.
- iii. Memodenkan aset ketenteraan untuk mengukuhkan pasukan pertahanan negara.
- iv. Memastikan pasukan keselamatan sentiasa bersiap siaga menghadapi cabaran semasa.

b. Rakyat

- i. Peka terhadap isu keselamatan negara. Contohnya, memberikan maklumat tentang pencerobohan sempadan negara.
- ii. Mengelakkan kolaborasi dengan pihak luar yang boleh mengancam keselamatan dan kedaulatan negara.
- iii. Menganggotai pasukan keselamatan dan pasukan sukarelawan untuk mempertahankan negara.
- iv. Sanggup berkorban demi mempertahankan kedaulatan negara.

Bahagian A: Soalan Objektif

1. Konsep kedaulatan boleh ditakrifkan sebagai
- I. Kekuasaan tertinggi
 - II. Kemerdekaan negara
 - III. Keagungan pemerintah
 - IV. Kewibawaan sesebuah negara
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

2. Perkataan berikut merujuk negara bebas dan merdeka.

Sovereignty

Perkataan tersebut merujuk bahasa

- A Rom
B Yunani
C Inggeris
D Perancis
3. Berdasarkan Bahasa Melayu kedaulatan merujuk perkataan daulat. Nyatakan maksud daulat
- A Kekuasaan tertinggi
B Kerajaan yang berdaulat
C Kedaulatan seseorang raja
D Keagungan sesebuah kerajaan
4. Petikan berikut adalah tafsiran seorang tokoh tentang kedaulatan.

Kedaulatan dibina berdasarkan prinsip kebebasan dan keadilan yang sentiasa memperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat

Siapakah tokoh tersebut?

- A Jean Bodin
B Ibnu Khaldun
C Tun Dr. Mohamed Salleh Abas
D Tunku Abdul Rahman Putra al-haj
5. Menurut Aristotle, kedaulatan merujuk kepada kerajaan yang diikat oleh
- A Perpaduan
B Kesejahteraan
C Perlembagaan
D Undang-undang

6. Terdapat beberapa jenis kedaulatan mengikut bentuk pemerintahan yang diamalkan. Antara jenis kedaulatan tersebut ialah
- I. kedaulatan tradisional
 - II. kedaulatan moden
 - III. Kedaulatan negara
 - IV. Kedaulatan diri
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

7. Kedaulatan moden dikaitkan dengan idea kemunculan negara bangsa selepas berlakunya
- A Perang China dan Jepun
B Perang kemerdekaan Amerika
C Revolusi Keagungan England
D Revolusi menentang penjajah

8. Badan yang bertanggungjawab untuk memelihara dan melaksanakan kedaulatan undang-undang ialah
- A Dewan Negara
B Badan Kehakiman
C Dewan Parlimen
D Badan Pemerintah

9. Malaysia adalah negeri yang berdaulat. Antara ciri negara Malaysia yang berdaulat ialah
- A mempunyai raja
B mempunyai rakyat
C mempunyai pembesar
D mempunyai ketua negara

10. Badan yang bertanggungjawab menggubal dan menentukan sistem perundangan negara kita ialah
- A Parlimen
B Mahkamah
C Kehakiman
D Ketua Hakim Negara

11. Dasar pentadbiran negara dapat dilaksanakan dengan berkesan melalui
- I. Kementerian
 - II. Jemaah Menteri
 - III. Perdana Menteri
 - IV. Timbalan Perdana Menteri
- A I dan II
B I dan IV

- C II dan III
D III dan IV
12. Di awal kemerdekaan, pembangunan meliputi bidang pertanian, perindustrian dan perdagangan telah diperkenalkan melalui dasar
A Ekonomi baru
B Perpaduan negara
C Membasmi kemiskinan
D Pembangunan ekonomi negara
13. Antara berikut yang manakah tujuan Rukun Negara diperkenalkan
I. memupuk perasaan muhibah
II. memberi kebebasan mutlak
III. memelihara keamanan
IV. memupuk perpaduan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
14. Apakah faedah yang diperoleh oleh Malaysia apabila menganggotai pertubuhan serantau dan antarabangsa?
A Meningkatkan imej negara
B Perkembangan pesat ekonomi
C Mendapat bantuan ketenteraan
D Pengiktirafan daripada PBB
15. Bagaimanakah pemerintah boleh berperanan mewujudkan kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi negara?
A Mematuhi peraturan negara
B Mewujudkan kestabilan politik
C Melaksanakan pentadbiran yang cekap
D Memupuk kerjasama antara kaum
16. Bagaimanakah rakyat boleh memainkan peranan mengekalkan perpaduan kaum?
A Menghayati prinsip Rukun Negara
B Menyokong segala usaha dan dasar kerajaan
C Menyanjung dan menghargai adat dan warisan negara
D Menganggotai pasukan keselamatan dan sukarelawan
17. Mengapakah usaha memupuk semangat patriotisme penting dalam kalangan generasi muda?
I. Melahirkan rakyat yang taat setia kepada
II. Mengamalkan semangat perkongsian kuasa
III. Memupuk kerjasama antara kaum
IV. Sanggup berkorban demi negara
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
18. Rakyat Malaysia mesti berbangga dengan jalur gemilang dan jata negara kerana ia adalah lambang
A keagungan
B kegigihan
C kemajuan
D kedaulatan
19. Sebagai rakyat Malaysia, mengapakah kita perlu menghormati kepelbagaian budaya dan agama?
A Mewujudkan negara yang aman
B Mengukuhkan perpaduan bangsa
C Memastikan ekonomi negara berkembang pesat
D Meningkatkan imej negara
20. Bagaimanakah pemerintah boleh berperanan mengukuhkan pertahanan negara?
A Mengadakan kolaborasi dengan pihak luar
B Menganggotai pakatan tentera
C Memodenkan aset ketenteraan
D Melantik penasihat luar dalam bidang keselamatan

Bahagian B: Soalan Respon Terhadap

1. Kedaulatan merupakan satu konsep berkaitan dengan kenegaraan yang diasaskan dan diamalkan sejak zaman tamadun Yunani.

a. Nyatakan takrif kedaulatan.

.....
.....

2 markah

b. Apakah takrif kedaulatan dalam bahasa Arab?

.....
.....

2 markah

c. Senaraikan tiga jenis kedaulatan yang diamalkan oleh sesebuah negara

- i.
- ii.
- iii.

3 markah

d. Pada pendapat anda, mengapakah konsep kedaulatan penting kepada sesebuah negara?

.....
.....
.....

3 markah

2. Setiap negara yang bebas dan merdeka mempunyai ciri tertentu bagi menentukan kedaulatannya.

a. Senaraikan ciri negara yang berdaulat

- i.
- ii.
- iii.

3 markah

b. Nyatakan peranan pemerintah dalam sebuah negara yang berdaulat

.....
.....
.....

3 markah

- c. Jelaskan peranan anda sebagai generasi muda hari ini dalam mengekalkan kedaulatan dan kemerdekaan tanah air kita daripada diganggu gugat oleh kuasa asing.

.....

.....

.....

.....

4 markah

Bahagian C: Soalan Respon Terbuka

- 1. Kedaulatan ditakrifkan sebagai kekuasaan tertinggi dan kewibawaan sesebuah negara yang bebas serta mempunyai hak untuk melaksanakan pemerintahan dan pentadbiran negara

- a. Nyatakan takrif kedaulatan berdasarkan:-

- i. Bahasa Yunani
- ii. Bahasa Inggeris
- iii. Bahasa Arab

6 markah

- b. Huraikan tentang jenis kedaulatan yang diamalkan.

8 markah

- c. Pada pandangan anda, apakah kepentingan kedaulatan undang-undang kepada sesebuah negara

6 markah

BAB 2: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

2.1 Latar Belakang Sejarah Perlembagaan Persekutuan

Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi sebagai teras pemerintahan sesebuah negara. Sebelum kedatangan British, negara kita diperintah berdasarkan pemerintahan beraja. Raja memerintah berdasarkan undang-undang dan peraturan yang digubal.

Pada zaman British, raja terus diterima sebagai pemerintah berdaulat. Apabila merdeka, negara kita mempunyai perlembagaan yang merupakan unsur penting dalam sesebuah negara.

1. Asas Pembentukan Perlembagaan

Perlembagaan Persekutuan berasaskan nilai tradisi Kesultanan Melayu dan kemudiannya beberapa prinsip undang-undang Inggeris disesuaikan dengan nilai tempatan.

a. Undang-undang Negeri Melayu

- i. Raja sebagai pemerintah.
- ii. Rakyat memberikan ketaatsetiaan.
- iii. Undang-undang dan sistem pemerintahan ditentukan oleh raja.
- iv. Undang-undang yang wujud pada zaman Kesultanan Melayu Melaka seperti Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka mempengaruhi kandungan undang-undang bertulis di negeri Melayu yang lain. Antara undang-undang bertulis di negeri-negeri Melayu termasuklah Hukum Kanun Pahang, Undang-Undang Kedah, Undang-Undang Johor dan Undang-Undang 99 Perak.
- v. Sebelum kedatangan Kuasa Barat, negara kita sudah mempunyai undang-undang dan adat Melayu yang digunakan sebagai asas perlembagaan. Undang-undang ini menjadi panduan serta kawalan kepada raja dan pembesar dalam proses pemerintahan negara.
- vi. Undang-undang di negeri-negeri Melayu mengalami perubahan demi perubahan selaras dengan perkembangan masyarakat sehingga kemunculan dan pengenalan undang-undang dari barat sekitar awal abad ke-19.

b. Undang-undang Inggeris

- i. British memperkenalkan undang-undang di Negeri-negeri Selat (NNS) yang dikenali sebagai Charter of Justice.
- ii. Diambil daripada undang-undang yang digubal di England.

- iii. Piagam terpilih yang bersesuaian dengan kegunaan NNS sahaja diguna pakai. Contohnya, Charter of Justice 1807.
- iv. Di Sarawak pula terdapat The Sarawak Application of Laws Ordinance 1949 yang menggunakan The Common Law of England.
- v. Di Sabah terdapat undang-undang yang sama disebut Sabah Application of Laws Ordinance 1951.
- vi. Pada zaman pentadbiran British di NNS, iaitu Melaka, Pulau Pinang dan Singapura memperkenalkan undang-undang yang diambil dari England, iaitu Charter of Justice. Matlamatnya adalah untuk melindungi penduduk asal daripada penindasan dan ketidakadilan.

c. Charter of Justice di Negeri-negeri Selat

- i. Charter of Justice I - 1807
 - Mewujudkan mahkamah di Pulau Pinang.
- ii. Charter of Justice II - 1826
 - Menyatukan mahkamah di Singapura, Melaka dan Pulau Pinang.
- iii. Charter of Justice III - 1855

Mewujudkan Mahkamah:

 - Singapura dan Melaka.
 - Pulau Pinang.
- iv. Pada bulan Ogos 1956, Perlembagaan Sarawak memberikan kuasa kepada badan membuat undang-undang, iaitu Council Negri (Majlis Negeri) yang mengandungi 45 orang ahli dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha. Majlis Tertinggi pula dipengerusikan oleh Gabenor yang turut dianggotai oleh Ketua Setiausaha, Setiausaha Kewangan dan Peguam Negara. Perlembagaan Sarawak pada tahun 1959 memberikan kuasa pentadbiran negeri kepada Majlis Tertinggi dan Council Negri.
- v. Di Sabah pula ditubuhkan Majlis Undangan dan Majlis Kerja pada tahun 1950. Majlis Undangan memberikan kuasa kepada Gabenor untuk menggubal undang-undang dalam pemerintahannya.
- vi. Institusi pemerintahan beraja diteruskan apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Walaupun begitu, beberapa pindaan disesuaikan dengan konsep Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 diperkenalkan dan menjadi asas kepada perlembagaan negara kita pada hari ini. Perlembagaan inilah menjadi asas kepada sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.

2.2 Sejarah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan

Sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan bermula pada tahun 1877 hingga tahun 1957. Pembentukan undang-undang dalam sesebuah negara dilakukan oleh badan yang sah dalam perundangan.

Di Malaysia, badan perundangan dinamakan Parlimen yang berkuasa penuh membentuk undang-undang negara. Sejak negara mencapai kemerdekaan, ahli Parlimen memainkan peranan meminda perlembagaan bagi menegakkan kedaulatan negara.

Di NNS terdapat Charter of Justice untuk melindungi penduduk. Sementara itu, pembentukan undang-undang di negeri Melayu pula dimulai oleh Majlis Negeri Perak.

1. Tahun 1877

Mesyuarat pertama Majlis Negeri Perak pada tahun 1877 yang dipengerusikan oleh Raja Muda Yusuf permulaan kepada pembentukan undang-undang negara. Majlis Negeri Perak berperanan menggubal undang-undang negeri Perak. Kemudiannya, peranan yang sama ini dimainkan oleh semua Majlis Negeri di negeri Melayu yang lain.

2. Tahun 1946

Undang-undang di NNS digubal oleh Majlis Undangan Negeri manakala undang-undang di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) digubal oleh Majlis Persekutuan. Sementara itu, undang-undang di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB) pula digubal oleh Majlis Negeri.

3. Tahun 1948

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 merupakan titik penting pembentukan sebuah Persekutuan yang terdiri daripada negeri-negeri Melayu, Melaka dan Pulau Pinang. Antara kandungan yang terdapat dalam Persekutuan Tanah Melayu termasuklah pentadbiran, kuasa raja Melayu, perundangan dan kewarganegaraan.

4. Tahun 1957

Suruhanjaya perlembagaan ini dikenali sebagai Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu atau Suruhanjaya Reid. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 disesuaikan dengan model Westminster diambil dari Britain. Perlembagaan ini berkuat kuasa sejurus selepas kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Perlembagaan ini menjadi asas kepada perlembagaan negara kita. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 bermodelkan Westminster.

2.3 Ciri Utama Perlembagaan Persekutuan

Perlembagaan merupakan peraturan tertinggi dan panduan dalam sistem pemerintahan negara. Perlembagaan mempunyai dua ciri utama, iaitu tradisional dan moden yang diperlukan bagi kestabilan serta kemajuan negara.

Ciri Tradisional

1. Kesultanan atau Pemerintahan Beraja

- i. Sejak berabad-abad, negeri Melayu diperintah berdasarkan pemerintahan beraja. Sultan merupakan pemerintah berdaulat dan memiliki kuasa penuh di negeri masing-masing.
- ii. Setelah negara kita mencapai kemerdekaan, pemerintahan beraja diteruskan dan disesuaikan dengan konsep Demokrasi Berparlimen. Yang di-Pertuan Agong diperuntukkan melalui perlembagaan kuasa pemerintahan sebagai pemerintah tertinggi negara. Kuasa Yang di-Pertuan Agong termasuklah kuasa mengampun dan menanggukhkan hukuman orang yang disabitkan kesalahan oleh mahkamah. Baginda juga mempunyai kuasa membuat pelantikan bagi jawatan utama negara.
- iii. Pada peringkat negeri, raja merupakan ketua negeri. Pada baginda, terletak kuasa eksekutif yang dilaksanakan melalui nasihat Majlis Mesyuarat Negeri. Raja mempunyai kuasa mengampun dan menanggukhkan hukuman kepada mereka yang disabitkan kesalahan oleh mahkamah serta pelantikan jawatan utama negeri. Raja dikenali sebagai tonggak kehormatan dan keadilan yang membolehkan baginda mengurniakan anugerah, penghormatan dan bintang kehormat kepada individu yang terpilih.

2. Agama Islam

- i. Peruntukan perlembagaan berkaitan agama Islam antara ciri tradisional. Pada zaman British, raja di negeri Melayu tidak menerima nasihat daripada penasihat British berkaitan dengan hak dan kedaulatan raja, adat istiadat orang Melayu dan agama Islam.
- ii. Selepas merdeka, agama Islam negeri Melayu terletak di bawah kuasa raja di negeri masing-masing. Bagi Wilayah Persekutuan dan negeri tidak beraja, ia terletak di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong.

3. Bahasa Melayu

- i. Sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka, bahasa Melayu digunakan dalam pemerintahan. Bahasa

- Melayu menjadi *lingua franca* dan memainkan peranan sebagai liahasa ilmu.
- ii. Bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di negara kita.

4. Kedudukan Orang Melayu dan Bumiputera

- i. Sebelum merdeka, kedudukan orang Melayu dan bumiputera adalah di bawah kuasa raja dan ketua peribumi.
- ii. Apabila mencapai kemerdekaan, Yang di-Pertuan Agong diberi tanggungjawab memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera Sarawak dan Sabah serta kepentingan sah kaum lain.

Ciri Moden

1. Kerajaan Persekutuan

- i. Antara perkara utama yang disebut dalam Perlembagaan Persekutuan termasuklah mewujudkan satu sistem kerajaan Persekutuan.
- ii. Laporan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menyarankan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri diberi kuasa dalam bidang tertentu.
- iii. Apabila Malaysia dibentuk, Sarawak dan Sabah diberi beberapa autonomi.

2. Sistem Demokrasi Berparlimen

- i. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan sistem demokrasi di Malaysia. Asas kepada demokrasi ialah pilihan raya umum pada tahun 1955.
- ii. Tujuan utama pilihan raya adalah untuk memberikan kebebasan kepada rakyat memilih wakil pemimpin dan menubuhkan kerajaan.
- iii. Bagi menentukan pilihan raya dapat dijalankan dengan adil, maka ditubuhkan Suruhanjaya Pilihan Raya. SPR bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjalankan pilihan raya:-
 - Pilihan raya persekutuan memilih wakil bagi membentuk Kerajaan Persekutuan.
 - Pilihan raya negeri pula memilih wakil untuk membentuk Kerajaan Negeri.

3. Kewarganegaraan

- i. Kewarganegaraan Persekutuan mula diperkenalkan pada tahun 1948 melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.
- ii. Sebelum itu tidak terdapat satu kewarganegaraan yang sama bagi seluruh negara.

- iii. Rakyat dikategorikan sebagai rakyat raja dan terdapat juga penduduk yang mendapat kerakyatan British sekiranya dilahirkan di Melaka atau Pulau Pinang.
- iv. Kemerdekaan Tanah Melayu dan pembentukan Malaysia melahirkan taraf kewarganegaraan yang sama kepada rakyatnya.

2.4 Pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963 dan 1965

1. Perlembagaan Tanah Melayu 1957 menjadi asas kepada Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1963. Hal ini berlaku apabila terjadi penggabungan Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura.
2. Pindaan perlembagaan dilakukan bertujuan menyesuaikan peruntukan negeri baharu ke dalam perlembagaan tanpa mengubah kedudukan negeri yang sedia ada.
3. Terdapat beberapa pindaan perlembagaan yang utama dilakukan pada tahun 1963 dan 1965 melibatkan struktur Mahkamah Atasan dan pemisahan Singapura.

Pindaan Perlembagaan 1963

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dipinda selepas pembentukan Malaysia. Pindaan yang dibuat adalah dengan cara memasukkan klausa baharu pada bahagian tertentu bagi menyesaikannya dengan keperluan semasa. Terdapat tiga perkara utama yang berlaku dalam pindaan Perlembagaan 1963, iaitu struktur Mahkamah Atasan, pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo dan jawatan Yang di-Pertua Negeri.

1. Struktur Mahkamah Atasan

- a. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 menetapkan struktur Mahkamah Atasan mengikut model Mahkamah Tertinggi England yang membahagikannya kepada Mahkamah Atasan dan Mahkamah Rayuan. Apabila Malaysia dibentuk, Mahkamah Atasan diwujudkan, iaitu Mahkamah Persekutuan.
- b. Tiga buah Mahkamah Atasan diwujudkan, iaitu di Persekutuan Tanah Melayu, di Sarawak dan Sabah serta di Singapura. Mahkamah Persekutuan boleh mendengar mana-mana persoalan perlembagaan dan pertikaian antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri

2. Pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo

- a. Perlembagaan Malaysia mengekalkan kedudukan Mahkamah Tinggi Malaya dan pada masa yang sama diwujudkan Mahkamah Tinggi Borneo.

- b. Mahkamah Tinggi Borneo ini berperanan untuk menguruskan soal kehakiman di Sarawak dan Sabah.
- c. Pada tahun 1963, jawatan Ketua Hakim Borneo diwujudkan dengan berpusat di Kuching, Sarawak.
- d. Menjelang tahun 1994, nama jawatan ini diubah kepada Ketua Hakim Sarawak dan Sabah.

3. Jawatan Yang di-Pertua Negeri

- a. Apabila Malaysia dibentuk, Sarawak dan Sabah diketuai oleh Yang di-Pertua Negeri yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.
- b. Dalam menjalankan tugasnya, Yang di-Pertua Negeri perlu mengikut nasihat Majlis Tertinggi bagi Sarawak dan Kabinet Negeri bagi Sabah.

Pindaan Perlembagaan 1965


- a. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj selaku Perdana Menteri Malaysia pertama, membawa usul pindaan perlembagaan yang dinamakan pindaan Singapura di Parlimen pada 7 Ogos 1965.
- b. Parlimen meluluskan usul ini yang membolehkan Singapura keluar daripada Malaysia. Oleh itu, semua perkara berkaitan dengan Singapura dimansuhkan dalam Perlembagaan Malaysia (pindaan 1965). Contohnya, dari segi imigresen, kewangan, hubungan luar negara dan pertahanan.

Rumusan

1. Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi dalam sesebuah negara. Perlembagaan menjadi panduan penting bagi negara yang menjelaskan kuasa dalam setiap perkara. Negara kita juga mengalami pindaan perlembagaan pada tahun 1963 dan 1965.
2. Malaysia sebuah negara unik yang mempunyai perlembagaan berasaskan ciri tradisional dan moden. Kedua-dua ciri ini saling melengkapi antara satu sama lain.
3. Apabila Malaysia dibentuk pada tahun 1963, pindaan perlembagaan dilakukan bagi menyesuaikan dengan Sarawak dan Sabah.
4. Pindaan perlembagaan yang dilakukan pada tahun 1965 menyaksikan pemisahan Singapura daripada Malaysia. Sebagai rakyat Malaysia, kita bertanggungjawab mempertahankan perlembagaan demi kedaulatan negara.

Bahagian A: Soalan Objektif

1. Antara undang-undang kerajaan Melayu yang terpengaruh dengan undang-undang zaman Kesultanan Melayu Melaka ialah
 - A Undang-Undang Kedah
 - B Undang-Undang Pahang
 - C Undang-undang Tubuh negeri Kelantan
 - D Undang-undang Tubuh negeri Terengganu
2. British memperkenalkan undang-undang Charter of Justice. Undang-undang ini dilaksanakan di
 - A Negeri-negeri Selat
 - B Negeri Pahang
 - C Negeri Johor
 - D Negeri Perak
3. Apakah matlamat undang-undang Charter of Justice diperkenalkan oleh British?
 - A Mewujudkan mahkamah buruh
 - B Melindungi penduduk asal
 - C Menjaga kebajikan pekerja
 - D membenarkan kemasukan
4. Pada Ogos 1956, Perlembagaan Sarawak memberikan kuasa kepada badan membuat undang-undang iaitu
 - A Ketua Setiausaha
 - B Majlis Tertinggi
 - C Majlis Negeri
 - D Gabenor
5. Pada tahun 1807 British telah memperkenalkan Charter of Justice I bertujuan mewujudkan Mahkamah di
 - A Melaka
 - B Singapura
 - C Negeri Selat
 - D Pulau Pinang
6. Jadual berikut merujuk sebuah negeri di Tanah Melayu membentuk undang-undang



X adalah negeri

- A Perak
- B Kedah
- C Melaka
- D Selangor

7. Pada tahun 1946, undang-undang Negeri Melayu Bersekutu telah digubal. Badan yang bertanggung-jawab menggubalnya ialah
 - A Majlis Kerja
 - B Majlis Negeri
 - C Majlis Persekutuan
 - D Majlis Undangan Negeri
8. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah membentuk sebuah Persekutuan. Antara kandungan yang terdapat dalam Persekutuan Tanah Melayu ialah
 - I. kuasa Residen
 - II. kuasa raja Melayu
 - III. kewarganegaraan
 - IV. kuasa Pesuruhjaya Tinggi
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
9. Suruhanjaya Perlembagaan dibentuk di Tanah Melayu pada tahun 1957. Apakah terma rujukan utama perlembagaan tersebut?
 - A Ketua negara
 - B Bahasa rasmi
 - C Undang-undang
 - D Kewarganegaraan
10. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 bermodelkan kepada
 - A Application of Laws Ordinance
 - B The Common Law of England
 - C Charter of Justice
 - D Westminster
11. Perlembagaan merupakan peraturan tertinggi dan panduan dalam sistem pemerintahan. Apakah kepentingan perlembagaan?
 - I. Menjamin kemajuan negara.
 - II. Menjamin kestabilan negara
 - III. Menjaga keselamatan negara
 - IV. Mewujudkan perpaduan negara
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

12. Pada peringkat negeri, raja merupakan ketua negeri dan mempunyai kuasa eksekutif. Apakah bidang kuasa yang ada pada raja?
- Menjatuhkan hukuman
 - Melantik pengganti raja
 - Menangguhkan hukuman
 - Melantik pegawai undang-undang
13. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan sistem demokrasi diamalkan di Malaysia. Asas kepada demokrasi ialah
- Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara
 - Perdana Menteri sebagai ketua kerajaan
 - Undang-undang digubal oleh Parlimen
 - Pilihan Raya Umum pada tahun 1955
14. Bagaimanakah untuk menentukan pilihan raya yang bebas dan adil dapat di dilaksanakan di Malaysia?
- Menetapkan hari penamaan calon
 - Parti berdaftar sahaja boleh bertanding
 - Menubuhkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)
 - Melantik pemerhati bebas dari negara luar
15. Undang-undang yang terkandung dalam perlembagaan negara kita bertujuan agar
- negara berada dalam suasana aman
 - rakyat mematuhi peraturan negara
 - masyarakat hidup bersatu padu
 - wujud suasana yang harmoni
16. Terdapat beberapa pindaan perlembagaan yang utama dilakukan pada tahun 1963 dan 1965. Apakah tujuan perlembagaan dipinda?
- Perubahan ekonomi semasa
 - Mengelak tekanan pihak luar
 - Menyesuikannya dengan keperluan semasa
 - Mematuhi perintah Majlis Raja-Raja
17. Perlembagaan PTM 1957 menetapkan struktur Mahkamah Atasan mengikut model Mahkamah Tertinggi England yang membahagikannya kepada Mahkamah Atasan dan
- Mahkamah Tinggi
 - Mahkamah Rayuan
 - Mahkamah Majistret
 - Mahkamah Persekutuan
18. Pada tahun 1963, jawatan Ketua Hakim Borneo diwujudkan dan berpusat
- di Miri, Sarawak
 - di Sandakan, Sabah
 - di Kuching, Sarawak
 - di Kota Kinabalu, Sabah
19. Siapakah yang membawa usul pindaan perlembagaan di Parlimen pada 7 Ogos 1965?
- Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj
 - Tun Haji Abdul Razak
 - Tun Dr. Ismail
 - Tun. H.S. Lee
20. Apakah isi kandungan usul pindaan perlembagaan 1965?
- Penyertaan Sabah
 - Penyertaan Sarawak
 - Pemisahan Singapura
 - Pemisahan negara Brunei

Bahagian B: Soalan Respon Terhadap

1. Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi sebagai teras pemerintahan sesebuah negara.
 - a. Senaraikan undang-undang bertulis di negeri-negeri Melayu yang mewarisi undang-undang zaman Kesultanan Melayu Melaka.
 - i.
 - ii.

2 markah
 - b. Pada bulan Ogos 1956, Perlembagaan Sarawak memberikan kuasa kepada badan membuat undang-undang. Namakan badan tersebut?
 - i.
 - ii.

2 markah
 - c. Senaraikan anggota Majlis Tertinggi Sarawak yang dipengerusikan oleh Gabenor British.
 - i.
 - ii.

2 markah
 - d. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah undang-undang penting dalam kehidupan masyarakat pada masa kini?

.....

.....

.....

4 markah

2. Perlembagaan merupakan peraturan tertinggi dan panduan dalam sistem pemerintahan negara.
 - a. Senaraikan ciri tradisonal perlembagaan
 - i.
 - ii.
 - iii.

3 markah
 - b. Senaraikan ciri moden perlembagaan
 - i.
 - ii.
 - iii.

3 markah

- c. Pada pendapat anda, apakah kebaikan sistem pemerintahan demokrasi yang diamalkan di negara kita?

.....

.....

.....

.....

4 markah

Bahagian C: Soalan Respon Terbuka

- 1. Terdapat beberapa pindaan dilakukan terhadap Perlembagaan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963 dan 1965.
 - a. Huraikan perkara utama yang berlaku dalam pindaan Perlembagaan tahun 1963. 8 markah
 - b. Nyatakan proses Pindaan Perlembagaan tahun 1965 6 markah
 - c. Pada pendapat anda, mengapakah terdapat keperluan meminda perlembagaan? 6 markah

3. DEMOKRASI BERPARLIMEN

3.1 Latar Belakang Pemerintahan Beraja dan Demokrasi Berparlimen

1. Pemerintahan beraja merupakan tradisi yang berakar umbi dan menjadi teras kewujudan kerajaan Melayu. Raja memerintah dengan kuasa yang penuh dan berdaulat.
2. Cabaran terhadap pemerintahan beraja berlaku selepas pentadbiran tempatan dikuasai oleh British dan Jepun. Walau bagaimanapun, pemerintahan beraja tidak terhapus. Pemerintahan beraja berkembang sejajar dengan peredaran masa sehingga diiktiraf sebagai Raja Berperlembagaan seiring dengan konsep Demokrasi Berparlimen dalam pemerintahan negara kita pada hari ini.

Pemerintahan Beraja Kesultanan Melayu Melaka

1. Kesultanan Melayu Melaka memperlihatkan pemerintahan beraja yang berwibawa. Raja ialah pemerintah yang berkuasa mutlak. Pada baginda terletak semua kuasa pemerintahan termasuk kuasa pentadbiran, perundangan dan kehakiman.
2. Pemerintahan pula berdasarkan undang-undang, iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka. Keadaan ini membuktikan bahawa kehidupan bernegara dan ciri sistem berperlembagaan terserlah pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.
3. Pemerintahan kesultanan ini diperkukuh dengan konsep Islam. Konsep ini sekali gus menjadikan raja sebagai ketua agama Islam.
4. Pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka mempunyai pengaruh yang besar bagi membina tradisi dan adat istiadat yang diwarisi oleh kesultanan Melayu yang muncul kemudiannya. Kesultanan Melayu merujuk kerajaan yang mempunyai pertalian dengan Kesultanan Melayu Melaka sama ada dari segi keturunan mahupun pernah menjadi naungan atau jajahan takluk kesultanan ini.
5. Secara tradisinya, Raja-raja Melayu dianggap sebagai sumber undang-undang, ketua kerajaan dan ketua agama. Baginda bertanggungjawab mempertahankan adat dan struktur masyarakat dalam kerajaan Melayu. Keabsahan bagi semua tindakan terletak pada kedaulatan Raja-raja Melayu.

Sebelum Perang Dunia Kedua

1. Semasa peluasan pengaruh British, pemerintahan beraja menjadi penghalang yang menyukarkan British melakukan penjajahan di negeri Melayu.
2. British sekadar berupaya memperkenalkan Sistem Residen di NNMB dan Sistem Penasihat di NNMTB. Raja-raja Melayu memerintah dengan campur

tangan British dalam pentadbiran tempatan yang dimeterai melalui perjanjian atau surat perisytiharan daripada Raja-raja Melayu.

3. Bagi NNMB, British hanya mengambil alih pentadbiran pada peringkat pembesar negeri. Raja-raja Melayu kekal sebagai pemerintah berdaulat, walaupun dikehendaki menerima nasihat daripada pegawai British yang dilantik sebagai Residen.
4. Bagi NNMTB, kedudukan raja yang memerintah adalah lebih kukuh. British menempatkan Penasihat British, namun pentadbiran negeri tetap dilaksanakan oleh pembesar yang dilantik oleh raja.
5. Penggubalan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 dan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911 menyerlahkan ciri pemerintahan Raja Berperlembagaan dalam Kesultanan Johor dan Terengganu.
6. Penggubalan undang-undang tersebut berkait rapat dengan usaha raja, pembesar dan rakyat untuk menghalang peluasan pengaruh British dan mengekalkan kedaulatan negeri.
7. Kebijaksanaan diplomasi Raja-raja Melayu membolehkan pemerintahan beraja dipertahankan. Raja sebagai ketua negeri yang mengesahkan undang-undang membuktikan kedaulatan raja dalam struktur pentadbiran negeri Melayu.
8. Perjanjian antara Raja-raja Melayu dengan British sebelum Perang Dunia Kedua tidak memindahkan kedaulatan negeri Melayu kepada British. Negeri Melayu hanya menjadi negeri naungan British.

Semasa Pendudukan Jepun

1. Semasa pendudukan Jepun, Raja-raja Melayu diiktiraf sebagai ketua dalam hal ehwal agama Islam. Raja-raja Melayu juga memperoleh pendapatan seperti sebelum Perang Dunia Kedua.
2. Pengiktirafan tersebut diisytiharkan semasa persidangan Raja-raja Tanah Melayu dan Sumatera dengan pemerintah tentera Jepun di Singapura pada bulan Januari 1943. Kedudukan Raja-raja Melayu di negeri masing-masing diletakkan di bawah pengawasan Gabenor Jepun di Tanah Melayu.

Selepas Perang Dunia Kedua

1. Pemerintahan beraja menerima cabaran apabila Malayan Union diperkenalkan pada tahun 1946. Raja-raja Melayu kehilangan kuasa sebagai pemerintah negeri kerana kuasa pemerintahan diambil oleh Raja England.
2. British memerintah Malayan Union secara langsung melalui Gabenor yang dilantik oleh kerajaan British. Kesepakatan Raja-raja Melayu menentang Malayan Union dengan sokongan orang Melayu menyebabkan British menggantikan Malayan Union dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948.
3. Kedaulatan Raja-raja Melayu yang diwarisi daripada Kesultanan Melayu Melaka dikembalikan

seperti senium Perang Dunia Kedua melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

4. Undang-Undang Tubuh digubal oleh Raja-raja Melayu bagi negeri masing-masing dan diguna pakai sehingga hari ini mengangkat Raja-raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan

Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen Selepas Merdeka

1. Kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957 diperoleh melalui perundingan dan persetujuan Raja-raja Melayu. Pemerintahan beraja diteruskan dalam Perlembagaan Persekutuan dan beberapa pindaan dibuat supaya sesuai dengan konsep demokrasi.
2. Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan sebagai Ketua Utama Negara. Kedudukan, kuasa dan tugas Yang di-Pertuan Agong termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.
3. Ciri Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen dalam Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf raja sebagai pemerintah tertinggi negara. Sementara itu, rakyat diberi hak memilih wakil mereka melalui pilihan raya untuk membentuk kerajaan.
4. Pemerintahan beraja merupakan kesinambungan sejarah dan warisan negara yang kekal perannya sehingga hari ini. Pemerintahan beraja menjadi punca dan identiti kedaulatan negara. Pembinaan negara bangsa menuju Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen merupakan proses yang bersandarkan muafakat. Sistem tersebut mesti dipertahankan sebagai tonggak kestabilan dan teras perpaduan untuk kemakmuran negara.

3.2 Sejarah dan Kedudukan Institusi Majlis Raja-Raja

Majlis Raja-Raja yang bermula dengan pembentukan Durbar merupakan sebahagian daripada institusi Raja Berperlembagaan di negara kita. Majlis Raja-Raja mempunyai kedudukan dan peranan dalam pemerintahan negara berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.

Pembentukan Durbar Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB)

1. Durbar dibentuk pada tahun 1897 seiring dengan penubuhan NNMB.
2. Durbar dalam negeri-negeri ini berperanan sebagai sebuah majlis persidangan bagi Raja-raja Melayu negeri Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan bagi membincangkan hal ehwal pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan pihak British.

Majlis Sultan-Sultan Semasa Malayan Union

1. Perlembagaan Malayan Union 1946 memperuntukkan penubuhan Majlis Sultan-Sultan (The Council of Sultans). Di bawah The Malayan Union Order in Council 1946, Majlis Sultan-Sultan dipengerusikan oleh Gabenor Malayan Union. Ahli majlis terdiri daripada sembilan orang Raja Melayu dan tiga pegawai kanan British.
2. Antara fungsi Majlis Sultan-Sultan termasuklah membincangkan undang-undang berkaitan dengan agama Islam dan menasihati Gabenor tentang perkara yang dibangkitkan oleh Raja-raja Melayu.
3. Walau bagaimanapun, majlis tersebut tidak pernah diwujudkan dalam tempoh Malayan Union kerana Raja-raja Melayu menentang pelaksanaan Malayan Union.

Majlis Raja-Raja Semasa Persekutuan Tanah Melayu 1948

1. Majlis Raja-Raja ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1948 apabila Persekutuan Tanah Melayu dibentuk menggantikan Malayan Union. Berdasarkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, Majlis Raja-Raja menjadi institusi yang dilengkapi dengan kuasa dan sekretariat, sesuai dengan kedudukan dan perannya.
2. Majlis Raja-Raja diurus sepenuhnya oleh Raja-raja Melayu. Pengerusi mesyuarat ditentukan oleh Raja-raja Melayu dalam kalangan sembilan orang Raja Melayu. Persidangan Majlis Raja-Raja perlu disertai oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja untuk memeterai keputusan persidangan. Raja-raja Melayu diberi hak dan kuasa untuk mendapat penerangan daripada Pesuruhjaya Tinggi British tentang penggubalan undang-undang dan dasar Kerajaan Persekutuan.

Majlis Raja-Raja Selepas Merdeka

1. Selepas Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, peranan Majlis Raja-Raja dikekalkan, namun keanggotaannya mengalami perubahan.
 - i. Yang di-Pertua Negeri Melaka dan Pulau Pinang turut menjadi ahli Majlis Raja-Raja.
 - ii. Selepas Persekutuan Malaysia dibentuk pada tahun 1963, Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan Sabah turut menjadi ahli Majlis Raja-Raja.
 - iii. Yang di-Pertua Negeri tidak turut serta dalam mesyuarat khas melibatkan institusi beraja seperti pemilihan Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Kedudukan Majlis Raja-Raja dalam Perlembagaan Persekutuan

1. Berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Majlis Raja-Raja mempunyai kuasa dan fungsi dalam sistem Raja Berperlembagaan. Majlis Raja-Raja boleh bertindak menggunakan budi bicara bagi melaksanakan fungsinya. Antara fungsi Majlis Raja-Raja termasuklah seperti yang berikut:
 - i. Memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong.
 - ii. Bersetuju atau tidak bersetuju sebarang undang-undang yang memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja.
 - iii. Memberikan nasihat berkaitan dengan pelantikan jawatan tertentu.
 - iv. Menjadi rujukan dalam perubahan dasar berhubung dengan kedudukan istimewa orang Melayu, bumiputera di Sarawak dan Sabah dan kepentingan sah kaum lain.
 - v. Menjadi Lembaga Pengampunan bagi kes-kes tertentu.
 - vi. Memperkenankan perubahan persempadanan negeri setelah mendapat perkenan raja negeri berkenaan.
 - vii. Memperkenankan pindaan perlembagaan bagi perkara-perkara tertentu.
2. Majlis Raja-Raja merupakan institusi beraja di Malaysia. Berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Majlis Raja-Raja melaksanakan peranan sebagai pengimbang dalam sistem demokrasi melalui dua cara, iaitu hak untuk dirundingi dalam beberapa pelantikan penting dan hak untuk membincangkan hal berhubung dengan dasar negara.

Kita sewajarnya menghargai peranan Majlis Raja-Raja dalam memakmurkan negara. Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu berbangga dengan institusi ini kerana tidak wujud institusi seperti ini pada hari ini di negara lain.

3.3 Yang di-Pertuan Agong dan Raja dalam Perlembagaan Persekutuan

1. Raja Berperlembagaan merupakan sebahagian daripada pentadbiran negara apabila Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf kedudukan dan peranan institusi beraja. Institusi beraja ini terdiri daripada institusi Majlis Raja-Raja, institusi beraja di negeri-negeri dan institusi Yang di-Pertuan Agong pada peringkat Persekutuan.

Institusi Yang di-Pertuan Agong

- a. Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun

1957. Yang di-Pertuan Agong dipilih dalam kalangan raja yang memerintah di sembilan buah negeri dalam Persekutuan, iaitu Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Pemilihan Yang di-Pertuan Agong dilaksanakan oleh Majlis Raja-Raja menurut kaedah yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan-peraturan Majlis Raja-Raja.

- b. Seiring dengan kewujudan jawatan Yang di-Pertuan Agong, turut diperkenalkan jawatan Timbalan Yang di-Pertuan Agong berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.

Yang di-Pertuan Agong	Nama Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
Pertama Negeri Sembilan	Almarhum Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad (31 Ogos 1957 - 1 April 1960).
Kedua Selangor	Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah ibni Almarhum Sultan Alaiddin Sulaiman Shah (14 April 1960-1 September 1960).
Ketiga Perlis	Almarhum Tuanku Syed Putra Al-haj ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail (21 September 1960 - 20 September 1965).
Keempat Terengganu	Almarhum Sultan Ismail Nasiruddin Shah ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin (21 September 1965 - 20 September 1970).
Kelima Kedah	Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah (21 September 1970 - 20 September 1975).
Keenam Kelantan	Almarhum Sultan Yahya Petra ibni Almarhum Sultan Ibrahim (21 September 1975 -29 Mac 1979).
Ketujuh Pahang	Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah (26 April 1979 - 25 April 1984).
Kelapan Johor	Almarhum Sultan Iskandar ibni Almarhum Sultan Ismail (26 April 1984 - 25 April 1989).
Kesembilan Perak	Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah ibni Almarhum Sultan Yussuf Izzuddin Shah Ghafarullahu-lah (26 April 1989 -25 April 1994).
Kesepuluh Negeri Sembilan	Almarhum Tuanku Ja'afar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman (26 April 1994 - 25 April 1999).
Kesebelas Selangor	Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Al-haj (26 April 1999 - 21 November 2001).

Kedua belas Perlis	TuanKu Syed Sirajuddin ibni Al-Marhum TuanKu Syed Putra Jamalullail (13 Disember 2001 - 12 Disember 2006).
Ketiga belas Terenggan	Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah (13 Disember 2006 - 12 Disember 2011).
Keempat belas Kedah	Almarhum Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin TuanKu Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah (13 Disember 2011 - 12 Disember 2016).
Kelima belas Kelantan	Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V (13 Disember 2016 8 Januari 2019).
Keenam belas Pahang	Keenam belas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka pahang Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah (mulal 31 Januari 2019).

Kedudukan Yang di-Pertuan Agong

1. Kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara termaktub dalam Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan. Sebagai Ketua Utama Negara, Yang di-Pertuan Agong menjadi punca kedaulatan, ketaatan, perpaduan, kebesaran dan kemuliaan negara.

Perkara 32: Ketua Utama Negara bagi Persekutuan, dan Isterinya

(1) Maka hendaklah ada seorang Ketua Utama Negara bagi Persekutuan. digelar Yang di-Pertuan Agong, yang hendaklah diberi keutamaan daripada segala orang di dalam Persekutuan dan yang tidak boleh dikenakan apa-apa jua pun prosiding di dalam mana-mana mahkamah kecuali di dalam Mahkamah Khas yang ditubuhkan di bawah Bahagian XV.

(2) Isteri Yang di-Pertuan Agong (digelar Raja Permaisuri Agong) hendaklah diberi keutamaan daripada segala orang lain di dalam Persekutuan selepas Yang di-Pertuan Agong.

(3) Yang di-Pertuan Agong hendaklah dipilih oleh Majlis Raja-Raja bagi tempoh lima tahun, tetapi boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui surat yang ditandatangani sendiri olehnya yang ditujukan kepada Majlis Raja-Raja atau boleh dipecat daripada

jabatannya oleh Majlis Raja-Raja, dan hendaklah berhenti memegang jawatan apabila terhenti

Keutamaan Kedudukan dalam Persekutuan

1. Yang di-Pertuan Agong.
2. Raja Permaisuri Agong.
3. Raja-raja dan Pemangku Raja.
4. Yang di-Pertua bagi Negeri-ncgeri.
5. Bekas Raja Permaisuri Agong yang menerima saraan Diraja daripada Kerajaan Persekutuan.
6. Perdana Menteri.
7. Timbalan Perdana Menteri.

Institusi beraja merupakan penaung rakyat, melangkaui semua agama, bangsa, budaya dan fahaman politik. Sebagai rakyat Malaysia, menjadi tanggungjawab kita untuk memartabatkan institusi beraja kerana institusi ini menjadi lambang kedaulatan negara.

Kuasa Yang di-Pertuan Agong

Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa atau peranan yang luas dalam pemerintahan negara meliputi kuasa eksekutif, perundangan dan kehakiman.

Kuasa Eksekutif

- i. Yang di-Pertuan Agong bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri.

Melantik Perdana Menteri dan Jemaah Menteri

- i. Yang di-Pertuan Agong melantik seorang Ahli Dewan Rakyat yang pada budi bicara baginda mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli Dewan Rakyat sebagai Perdana Menteri.
- ii. Baginda dengan nasihat Perdana Menteri melantik Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri daripada Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara.

Pelantikan Jawatan Penting

- i. Yang di-Pertuan Agong melantik Peguam Negara, Panglima Angkatan Tentera dan Ketua Audit Negara.
- ii. Baginda juga melantik Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya, Ahli Suruhanjaya Polis dan sejumlah ahli dalam Majlis Angkatan Tentera.

Ketenteraan

- i. Yang di-Pertuan Agong ialah pemerintah tertinggi seluruh Angkatan .Tentera Malaysia.
- ii. Baginda dibantu oleh Majlis Angkatan Tentera yang bertanggungjawab di bawah kuasa baginda bagi pemerintahan, tatatertib dan pentadbiran angkatan

tentera serta perkara yang bersangkutan dengan gerakan tentera.

Diplomatik

- i. Yang di-Pertuan Agong melantik diplomat Malaysia ke luar negara.
- ii. Baginda juga menerima menghadap diplomat asing sebelum mereka mula menjalankan tugas di Malaysia.

Kuasa Perundangan

- i. Yang di-Pertuan Agong memperkenalkan sesuatu Rang Undang-Undang yang melalui proses pembentangan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Persidangan Parlimen

- i. Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa memanggil Parlimen bersidang.
- ii. Baginda juga berkuasa memberhentikan dan membubarkan Parlimen.

Ugama

- i. Yang di-Pertuan Agong merupakan Ketua Agama Islam di negeri baginda sendiri, Wilayah Persekutuan, Melaka, Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah.
- ii. Ketua agama Islam di negeri-negeri lain ialah sultan atau raja yang memerintah di negeri masing-masing.

Hak dan Keistimewaan

- i. Yang di-Pertuan Agong bertanggungjawab menjaga serta melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera di Sarawak dan Sabah.
- ii. Baginda juga bertanggungjawab melindungi kepentingan sah kaum lain di Malaysia.

Pengisytiharan Darurat

- i. Yang di-Pertuan Agong boleh membuat pengisytiharan darurat.
- ii. Pengisytiharan darurat dibuat setelah baginda memastikan kebenaran wujudnya keadaan yang mengancam keselamatan awam dan ekonomi negara.

Kuasa Kehakiman

- i. Yang di-Pertuan Agong melantik hakim Mahkamah Atasan atas nasihat Perdana Menteri setelah dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Pelantikan

Kehakiman dan berunding dengan Majlis Raja-Raja.

- ii. Hakim Mahkamah Atasan terdiri daripada Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Mahkamah Tinggi Malaya, Hakim Besar Mahkamah Tinggi Sarawak dan Sabah, Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Tinggi.

Kuasa Pengampunan

- i. Dalam hal jenayah di Wilayah Persekutuan, seseorang yang sudah dihukum boleh memohon keampunan daripada Yang di-Pertuan Agong.
- ii. Baginda akan bertindak atas nasihat Lembaga Pengampunan.
- iii. Baginda berkuasa mengampunkan, menangguhkan dan meringankan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tentera, Mahkamah Syariah di Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan.

3.4 Amalan Demokrasi dan Pengasingan Kuasa

Demokrasi Berparlimen diterima sebagai sistem pentadbiran negara. Ciri demokrasi seperti amalan pilihan raya, jaminan kepada kebebasan asasi serta pembahagian kuasa pada peringkat Persekutuan dan negeri dinyatakan secara jelas dalam Perlembagaan Persekutuan.

Amalan Pilihan Raya

- i. Pilihan raya ialah elemen penting yang menandakan wujudnya amalan demokrasi di negara kita. Pada asasnya, pilihan raya umum diadakan dalam tempoh lima tahun. Pilihan raya diadakan sejak negara kita mencapai kemerdekaan membuktikan amalan demokrasi dilaksanakan di Malaysia sehingga hari ini.
- ii. Sebagai rakyat dalam sebuah negara demokrasi, kita sewajarnya memahami kepentingan pilihan raya yang memberikan mandat untuk membentuk kerajaan. Warganegara yang layak mengundi perlu menunaikan hak dan tanggungjawab melalui pilihan raya untuk memilih pemimpin berwibawa bagi mencorakkan pemerintahan demi kemakmuran negara.

Kebebasan Asasi

- i. Kebebasan asasi atau hak asasi merupakan hak yang dimiliki oleh seseorang individu di sisi undang-undang. Perlembagaan Persekutuan menggariskan peruntukan berkaitan dengan kebebasan asasi. Antaranya termasuklah kebebasan diri, kebebasan beragama, hak berkenaan dengan pendidikan serta kebebasan bersuara, berhimpun dan berpersatuan.

Kebebasan Asasi Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan

Kebebasan Diri

Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang.

Kebebasan Beragama

Islam ialah agama Persekutuan. Penganut agama lain boleh mengamalkan agama masing-masing.

Hak Berkenaan dengan Pendidikan

Tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara atas alasan agama, ras, keturunan atau tempat lahir.

Kebebasan Bersuara, Berhimpun dan Berpersatuan

Setiap warganegara berhak kepada kebebasan bersuara, berhimpun secara aman dan membentuk persatuan.

Kebebasan asasi yang diperuntukkan dalam perlembagaan tidak bersifat mutlak, tetapi tertakluk pada sekatan yang ditentukan oleh undang-undang yang digubal oleh Parlimen Malaysia. Sekatan tersebut bertujuan memastikan ketenteraman dan kesejahteraan awam terjamin dalam masyarakat yang demokratik.

Pengasingan Kuasa dalam Pemerintahan

Pengasingan kuasa diamalkan sejak negara mencapai kemerdekaan hingga hari ini. Kuasa pemerintahan di negara kita dibahagikan kepada tiga badan, iaitu badan perundangan (legislatif), eksekutif (pelaksana) dan kehakiman (judisiari). Kuasa badan tersebut ditentukan oleh Perlembagaan Persekutuan. Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara merupakan punca kuasa kepada ketiga-tiga badan ini.

Badan Perundangan

Badan perundangan berfungsi menggubal undang-undang. Badan perundangan pada peringkat Kerajaan Persekutuan ialah Parlimen. Badan perundangan pada peringkat Kerajaan Negeri pula ialah Dewan Undangan Negeri (DUN).

Parlimen

Parlimen ialah badan perundangan tertinggi di Malaysia. Parlimen terdiri daripada tiga komponen, iaitu Yang di-Pertuan Agong, Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Parlimen merupakan lambang demokrasi dan

mencerminkan aspirasi rakyat melalui perwakilan yang dipilih.

Parlimen berkuasa menggubal undang-undang. Selain itu, Parlimen juga boleh membuat pindaan undang-undang Persekutuan sedia ada, menyemak dasar kerajaan, meluluskan perbelanjaan kerajaan dan sistem cukai yang baharu.

Yang di-Pertuan Agong

Salah satu komponen dalam badan perundangan.

Dewan Negara atau Senat

Dewan tertinggi dalam sistem perundangan negara. Membahaskan rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dengan lebih teliti.

Dewan Rakyat atau Perwakilan

Dewan yang ahlinya dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya. Menggubal dan meluluskan undang-undang pada peringkat Dewan Rakyat.

Dewan Undangan Negeri (DUN)

Di Malaysia, terdapat DUN di setiap negeri kecuali bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Ketiga-tiga wilayah tersebut hanya mempunyai ahli Parlimen.

Dewan ini terdiri daripada Sultan atau Yang di-Pertua Negeri selaku ketua negeri, Speaker Dewan dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang dipilih melalui pilihan raya peringkat negeri. DUN berfungsi untuk menggubal undang-undang bagi negeri masing-masing.

Badan Eksekutif

Badan eksekutif ialah badan pemerintah yang melaksanakan kuasa eksekutif mengikut Perlembagaan Persekutuan. Badan eksekutif peringkat Kerajaan Persekutuan ialah Jemaah Menteri manakala badan eksekutif peringkat Kerajaan Negeri ialah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Jemaah Menteri (Kabinet)

- i. Jemaah Menteri terdiri daripada Perdana Menteri dan menteri seperti Menteri Kewangan, Menteri Pendidikan dan Menteri Kesihatan.
- ii. Tugas utama Jemaah Menteri menggubal dasar negara dan melaksanakan pembangunan.
- iii. Perdana Menteri mengetuai Jemaah Menteri, memimpin kerajaan dan menjalankan pentadbiran pada peringkat Kerajaan Persekutuan.

- iv. Menteri mengetuai kementerian untuk melaksanakan dasar kerajaan yang diputuskan oleh Jemaah Menteri.
- v. Anggota Jemaah Menteri berpegang pada prinsip tanggungjawab bersama secara kolektif kepada Parlimen. Setiap menteri mesti mempertahankan keputusan yang dibuat oleh Jemaah Menteri.
- vi. Sekiranya seseorang menteri tidak bersetuju dengan dasar kerajaan, beliau hendaklah meletakkan jawatan sebagai ahli Jemaah Menteri.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

- i. Pada peringkat negeri, kuasa eksekutif terletak pada Sultan atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri.
- ii. Bagi negeri di Semenanjung Malaysia, kuasa eksekutif ini dilaksanakan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau EXCO (Executive Council). Di Sarawak dan Sabah, badan eksekutif negeri dikenali sebagai Kabinet Negeri.
- iii. Pentadbiran Kerajaan Negeri diketuai oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri.

Badan Kehakiman

Badan kehakiman ialah badan yang bertanggungjawab mentafsirkan dan melaksanakan undang-undang serta mempertahankan Perlembagaan Persekutuan.

- i. Badan kehakiman diketuai oleh Ketua Hakim Negara. Kuasa badan kehakiman dilaksanakan oleh mahkamah.
- ii. Hakim dilantik untuk memastikan sistem kehakiman dan keadilan ditegakkan di negara kita.
- iii. Peranan badan kehakiman adalah untuk mengadili pertikaian antara pemerintah dengan rakyat mahupun sesama rakyat. Badan kehakiman juga menyelesaikan konflik Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.
- iv. Fungsi badan kehakiman bergantung pada status mahkamah yang terdiri daripada Mahkamah Atasan dan Mahkamah Bawahan serta Mahkamah Khas (Tidak terletak dalam hierarki mahkamah biasa, antaranya Mahkamah Khas Raja-Raja dan Mahkamah Tentera).
- v. Selain itu, terdapat mahkamah pada peringkat negeri, iaitu Mahkamah Syariah serta Mahkamah Anak Negeri di Sarawak dan Sabah.

Hakim mestilah bebas daripada pengaruh politik bagi memastikan badan kehakiman sebagai institusi keadilan.

3.5 Keunikan Amalan Demokrasi Berparlimen di negara kita

Keunikan amalan Demokrasi Berparlimen dapat dilihat dari aspek gabungan unsur tradisional dan moden,

mekanisme semak dan imbang, kuasa budi bicara raja serta kerjasama politik.

Gabungan Unsur Tradisional dan Moden dalam Pentadbiran

1. Keunikan pemerintahan di Malaysia teradun antara unsur tradisional dengan moden. Unsur tradisional terletak pada kedudukan raja sebagai warisan sosiopolitik masyarakat Melayu. Unsur moden pula ialah Demokrasi Berparlimen berdasarkan model Westminster England.
2. Kombinasi Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen merupakan kaedah terbaik untuk mengimbangi amalan demokrasi dalam persekitaran sosiopolitik di negara kita yang mempunyai kepelbagaian bangsa, agama dan budaya.

Mekanisme Semak dan Imbang dalam Pentadbiran

1. Sistem Raja Berperlembagaan dan demokrasi Berparlimen mewujudkan mekanisme semak dan imbang dalam pemerintahan di negara kita.
2. Pemerintahan beraja berperanan bagi mengimbangi pemerintahan demokrasi kerana raja berkecuali dalam hal politik, ekonomi dan dasar negara.
3. Kuasa pengimbang yang pada raja mampu meredakan konflik yang berlaku dalam demokrasi pertikaian parti politik yang pelbagai ideologi dan perselisihan antara kaum.
4. Mekanisme semak dan imbang juga berlaku melalui pengasingan kuasa, iaitu badan perundangan, eksekutif dan kehakiman. Badan perundangan diberi peranan menggubal undang-undang yang akan dilaksanakan oleh badan eksekutif. Sekiranya timbul konflik dan kekeliruan, penyelesaian dibuat melalui badan kehakiman.


Kuasa Budi Bicara Raja

1. Secara umumnya, kuasa budi bicara raja ialah kuasa yang boleh dilaksanakan oleh baginda tanpa mendengar atau menurut nasihat ketua kerajaan dalam perkara tertentu.
2. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa budi bicara kepada Yang di-Pertuan Agong dalam soal pelantikan ketua Kerajaan Persekutuan, iaitu Perdana Menteri. Raja dan Yang di-Pertua Negeri mempunyai kuasa budi bicara melantik ketua Kerajaan Negeri, iaitu Menteri Besar dan Ketua Menteri.
3. Yang di-Pertuan Agong juga mempunyai kuasa budi bicara untuk tidak memperkenankan permintaan pembubaran Parlimen. Raja dan Yang di-Pertua Negeri pula mempunyai kuasa budi bicara tidak memperkenankan pembubaran DUN.

Bahagian A: Soalan Objektif

1. Dalam sistem pentadbiran kerajaan Melayu Melaka, pemerintahannya berdasarkan undang-undang
 - I. Hukum kanun Melaka
 - II. Hukum adat Melaka
 - III. Undang-undang Melaka
 - IV. Undang-undang Laut Melaka
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
2. Kerajaan yang terawal diasaskan di negara kita dan mengakui pertuanan Kesultanan Melayu Melaka ialah
 - A Negeri Sembilan
 - B Pahang
 - C Kedah
 - D Perak
3. Antara sebab yang membolehkan Raja-raja Melayu mempertahankan sistem pemerintahan beraja ialah
 - I. Kebijaksanaan
 - II. Diplomasi
 - III. Ketabahan
 - IV. Kecekalan
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
4. Kedudukan Raja-raja Melayu semasa pentadbiran tentera Jepun diletakkan di bawah pengawasan
 - A Pesuruhjaya
 - B Gabenor
 - C Residen
 - D Mayor
5. Apakah kesan kesepakatan Raja-raja Melayu menentang Malayan Union?
 - A Penubuhan Majlis Raja-Raja
 - B Pelaksanaan sistem penasihat
 - C Penyelarasan sistem pewarisan takhta
 - D Pengenalan sistem Raja Berpelembagaan
6. Ciri Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen dalam Perlembagaan mengiktiraf raja sebagai
 - A pemerintah tertinggi negara
 - B ketua kerajaan Persekutuan
 - C penasihat jemaah kabinet
 - D mengetuai dewan negara
7. Durbar dibentuk pada tahun 1897 seiring dengan penubuhan NNMB. Durbar dipengerusikan oleh
 - A Sultan Perak
 - B Sultan Kedah
 - C Sultan Pahang
 - D Pesuruhjaya Tinggi
8. Perlembagaan Malayan Union 1946 memperuntukkan penubuhan Majlis Sultan-Sultan. Keanggotaan Majlis ini terdiri daripada
 - I. Sembilan orang Raja Melayu
 - II. Gabenor Malayan Union
 - III. Penyimpan mohor Besar
 - IV. Pesuruhjaya Tinggi
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
9. Apakah kepentingan cop Mohor Besar Raja-raja Melayu?
 - A Mengiktiraf kerajaan yang dipilih oleh rakyat
 - B Mengesahkan perlantikan Jemaah Menteri
 - C Melambangkan kedaulatan Raja-raja Melayu
 - D Meluluskan undang-undang yang digubal oleh Parlimen
10. Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa atau peranan yang luas dalam pemerintahan negara. Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan kuasa baginda?
 - I. Melantik Jemaah Menteri dan kabinet
 - II. Melantik diplomat Malaysia ke luar negara
 - III. Berkuasa penuh dalam hal kewangan negara
 - IV. Berhak membatalkan sesuatu undang-undang
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
11. Seorang pegawai tertinggi angkatan tentera telah dijatuhi hukuman. Siapakah yang berkuasa memberi pengampunan kepada pegawai tersebut?
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- A Perdana Menteri
B Menteri Pertahanan
C Yang di-Pertuan Agong
D Mahkamah Persekutuan
12. Apakah bidang kuasa perundangan Yang di-Pertuan Agong seperti termaktub dalam Perlembagaan Malaysia?
A Membubarkan Parlimen
B Memilih ahli Dewan Rakyat
C Menggubal Undang-undang
D Menetapkan tarikh pilihan raya
13. Mengapakah kebebasan asasi yang diperuntukkan dalam perlembagaan tidak bersifat mutlak?
A Menjamin kesejahteraan awam
B Memastikan pembangunan negara
C Mewujudkan suasana yang harmoni
D Mewujudkan masyarakat yang bersatu padu
14. Apakah bukti yang menunjukkan keabsahan kerajaan yang dipilih oleh rakyat dalam pilihan raya?
A Parti politik dibenarkan mengemukakan Manifesto
B Pengundi berdaftar sahaja layak mengundi
C Diberi peluang berkempen
D Undi adalah rahsia
15. Rajah berikut berkaitan dengan sistem pemerintahan Malaysia.



Berdasarkan sistem tersebut, Malaysia mengamalkan

- A pemerintahan raja berkuasa mutlak
B konsep pengasingan kuasa
C prinsip negara kesatuan
D dasar pintu terbuka

16. Pada peringkat negeri di Semenanjung, kuasa eksekutif terletak pada
A Sultan
B Menteri Besar
C Kabinet negeri
D Majlis Mesyuarat kerajaan negeri
17. Apakah bidang kuasa Badan Kehakiman dalam Perlembagaan Persekutuan?
A Melantik Jemaah Menteri
B Menggubal undang-undang
C Menentukan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong
D Menentukan kesahihan undang-undang
18. Kuasa pengimbang mampu meredakan konflik seperti pertikaian parti politik yang pelbagai ideologi dan perselisihan antara kaum. Kuasa pengimbang ini ada pada tangan
A raja
B Parlimen
C Mahkamah
D Perlembagaan
19. Antara kuasa budi bicara Yang di-Pertuan Agong seperti termaktub dalam Perlembagaan Malaysia ialah
A Melantik ketua kerajaan
B Memilih ahli Dewan Rakyat
C Menggubal Undang-undang
D Membubarkan Dewan Undangan
20. Kuasa budi bicara bermaksud kuasa tertentu yang boleh dilaksanakan oleh raja tanpa
A pengesahan parlimen
B kelulusan majlis Raja-raja
C kelulusan Jemaah menteri
D menurut nasihat ketua kerajaan

Bahagian B: Soalan Respon Terbuka

1. Majlis Raja-Raja yang bermula dengan pembentukan Durbar pada tahun 1897 seiring dengan penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB).
- a. Senaraikan keahlian Durbar Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB).
- i.
- ii.
- 2 markah
- b. Senaraikan fungsi Majlis Raja-Raja yang boleh bertindak menggunakan budi bicaranya
- i.
- ii.
- iii.
- iv.
- 4 markah
- c. Sebagai warga negara yang cinta akan negara, apakah reaksi kita terhadap peranan Majlis Raja-Raja?
-
-
-
- 4 markah
2. Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa atau peranan yang luas dalam pemerintahan negara meliputi kuasa eksekutif, perundangan dan kehakiman
- a. Senaraikan kuasa Eksekutif Yang di-Pertuan Agong
- i.
- ii.
- iii.
- 3 markah
- b. Senaraikan kuasa Perundangan Yang di-Pertuan Agong
- i.
- ii.
- iii.
- 3 markah

- c. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah institusi beraja sangat penting dalam pembentukan negara Malaysia pada masa kini?

.....

.....

.....

.....

4 markah

Bahagian C: Soalan Esei

- 1. Sistem pemerintahan di Malaysia merupakan sistem pemerintahan Beraja dan Demokrasi Berparlimen.
 - a. Jelaskan maksud raja berperlembagaan 4 markah
 - b. Terangkan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong mengikut perlembagaan Malaysia. 8 markah
 - c. Pada pendapat anda, mengapakah institusi Raja Berperlembagaan perlu dipertahankan? 8 markah

BAB 4 : SISTEM PERSEKUTUAN

4.1 Latar Belakang Sistem Persekutuan di Negara Kita

Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem Persekutuan. Persekutuan bermaksud penyatuan beberapa buah negeri dan membentuk sebuah negara bersekutu. Antara unsur penting dalam sebuah negara Persekutuan termasuklah wujudnya Kerajaan Persekutuan (Kerajaan Pusat) dan Kerajaan Negeri serta pembahagian kuasa dalam sistem pentadbiran.

Pembentukan Sistem Persekutuan di Malaysia

Sistem persekutuan di negara kita mempunyai latar belakang sejarah tersendiri, iaitu bermula pada tahun 1896 hingga tahun 1963.

1. Persekutuan 1896

- i. Berikutan peluasan pengaruh British, sebuah Persekutuan yang terdiri daripada empat buah negeri Melayu ditubuhkan berdasarkan Perjanjian Persekutuan 1895.
- ii. Persekutuan berkuat kuasa pada tahun 1896 dan dikenali sebagai NNMB. Persekutuan tersebut tidak mempunyai agihan kuasa dan fungsi khusus antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.
- iii. Banyak keputusan pentadbiran dibuat oleh Residen Jeneral di Kuala Lumpur sebagai pusat pentadbiran NNMB.

2. Majlis Mesyuarat Persekutuan 1927

- i. Majlis ini distruktur semula pada tahun 1927 untuk memperkemas tadbir urus Persekutuan dan mengukuhkan kedudukan British di negeri Melayu.
- ii. Raja-raja Melayu dan pembesar bergambar selepas menandatangani perjanjian penstrukturan semula Majlis Mesyuarat Persekutuan pada tahun 1927.

3. Kesatuan Malaya 1946 (Malayan Union)

- i. Pada tahun 1946, British berusaha untuk menyatukan pentadbiran semua negeri Melayu serta Pulau Pinang dan Melaka untuk membentuk sebuah kerajaan berbentuk kesatuan yang dinamakan Kesatuan Malaya 1946 atau Malayan Union.
- ii. Konsep kesatuan yang diperkenalkan di bawah Malayan Union ini turut membayangkan pembentukan sebuah kerajaan pusat yang kuat di bawah kuasa Gabenor British.
- iii. Malayan Union dilaksanakan dalam tempoh masa yang terhad dan gagal diteruskan setelah mendapat bantahan daripada Raja-raja Melayu dan orang Melayu.

4. Persekutuan Tanah Melayu 1948

- i. Satu gabungan sembilan buah negeri Melayu dan dua buah NNS yang dikenali sebagai Persekutuan Tanah Melayu terbentuk melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.
- ii. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 menetapkan kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
- iii. Pengagihan kuasa peringkat persekutuan dan negeri menandakan bermula era moden amalan Persekutuan di negara kita. Pesuruhjaya Tinggi British dilantik sebagai ketua Persekutuan. Raja-raja Melayu memerintah negeri mengikut perlembagaan negeri masing-masing.

5. Persekutuan Tanah Melayu 1957

Pada 31 Ogos 1957, muncul Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

- i. Persekutuan yang berasaskan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 mewujudkan sebuah Kerajaan Persekutuan yang kuat bagi melicinkan pentadbiran negara yang berdaulat.
- ii. Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan sebagai Ketua Persekutuan. Konsep Persekutuan diperkukuh dengan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen melalui peruntukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

6. Persekutuan Malaysia 1963

- i. Pada 16 September 1963, berdasarkan Perjanjian Malaysia, maka lahir sebuah Persekutuan yang terdiri daripada 11 buah negeri Tanah Melayu, Singapura dan dua buah negeri Borneo, iaitu Sarawak dan Sabah. Persekutuan ini dinamakan Malaysia.
- ii. Pembentukan sistem Persekutuan di negara kita merupakan penerusan tradisi sejarah. Sistem tersebut berakar umbi daripada pemerintahan beraja dan berkait rapat dengan peluasan pengaruh British dalam pentadbiran negeri Melayu.

4.2 Kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

Pentadbiran Kerajaan Malaysia dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan.

1. Pembahagian Kuasa

- i. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa yang khusus antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri yang

meliputi kuasa perundangan dan kuasa pemerintahan.

- ii. Pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri bertujuan melicinkan perjalanan sistem Persekutuan serta mengelakkan permasalahan antara kedua-dua peringkat kerajaan.
- iii. Peruntukan kuasa lebih besar diberikan pada peringkat Persekutuan untuk mewujudkan Kerajaan Persekutuan yang kuat bagi menjamin kestabilan dan kemajuan negara.

Tiada peruntukan kuasa khusus kepada Kerajaan Tempatan, sebaliknya Kerajaan Tempatan diletakkan di bawah kuasa Kerajaan Negeri.

2. Kuasa Kerajaan Persekutuan

- i. Pada peringkat Persekutuan, institusi yang mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang bagi seluruh Malaysia ialah Parlimen.
- ii. Kuasa pemerintahan Kerajaan Persekutuan meliputi perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai Senarai Persekutuan.
- iii. Senarai Persekutuan menjelaskan kuasa Kerajaan Persekutuan yang luas meliputi skop kepentingan nasional dan merangkumi semua aspek perkhidmatan berhubung dengan pentadbiran negara.
- iv. Antara yang terkandung dalam Senarai Persekutuan termasuklah:
 - Hal ehwal luar negeri.
 - Pertahanan.
 - Keselamatan dalam negeri.
 - Pentadbiran keadilan.
 - Kewarganegaraan.
 - Kewangan.
 - Perhubungan dan pengangkutan.
 - Pelajaran.
 - Perubatan dan kesihatan.

3. Kuasa Kerajaan Negeri

- i. Setiap negeri di Malaysia mempunyai Dewan Undangan Negeri (DUN) yang mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang bagi negerinya.
- ii. Kuasa pemerintahan Kerajaan Negeri meliputi perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai Senarai Negeri.
- iii. Antara perkara yang terkandung dalam Senarai Negeri termasuklah:
 - Undang-undang Islam.
 - Tanah.
 - Pertanian dan perhutanan.
 - Kerajaan tempatan.
 - Hari kelepasan negeri.

4. Senarai Bersama

- i. Senarai Bersama ialah perkara yang membolehkan Parlimen dan DUN menggubal undang-undang untuk perkara yang sama.
- ii. Sekiranya ada percanggahan bagi perkara di bawah Senarai Bersama, undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen harus dipatuhi.
- iii. Antara perkara yang terkandung dalam Senarai Bersama termasuklah:
 - Kebajikan awam.
 - Biasiswa.
 - Perlindungan haiwan liar dan taman negara.
 - Perancangan bandar dan luar bandar.
 - Kesihatan awam, kebersihan dan pencegahan penyakit.
 - Kebudayaan dan sukan.
 - Perumahan.

5. Peruntukan Tambahan bagi Sarawak dan Sabah

- i. Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah diberi kuasa tambahan bagi menyesuaikan kemasukan negeri berkenaan ke dalam Persekutuan Malaysia.
- ii. Antara tambahan kepada Senarai Negeri bagi Sarawak dan Sabah termasuklah:
 - Undang-undang dan adat anak negeri.
 - Mahkamah Anak Negeri.
 - Kereta api di Sabah.
 - Undang-undang diri berhubung dengan perkahwinan, perceraian, penjagaan anak, nafkah dan sebagainya berkaitan dengan undang-undang keluarga.
 - Penyelidikan pertanian dan perhutanan, pengawalan makhluk perosak dan pencegahan penyakit tumbuhan.
 - Pilihan raya bagi Dewan Negeri.
- iii. Di bawah Akta Imigresen 1963, Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah diberi kuasa untuk mengekalkan kuasa kawalan, kemasukan dan kediaman di negeri-negeri berkenaan.

Peranan Kerajaan Tempatan

Kerajaan Tempatan merupakan kerajaan peringkat ketiga yang diberi kuasa untuk mentadbir dan melaksanakan tanggungjawab dalam sesebuah kawasan tempatan atau daerah kecil yang diwartakan. Kerajaan Tempatan lebih dikenali sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Kerajaan Tempatan merupakan perantara antara Kerajaan Negeri dengan rakyat serta berperanan memberikan perkhidmatan kepada penduduk setempat. Fungsi Kerajaan Tempatan digariskan oleh Akta

Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], merangkumi semua jenis Kerajaan Tempatan seperti Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah.

Antara Fungsi Kerajaan Tempatan (Pihak Berkuasa Tempatan)

- Menyediakan perkhidmatan pembersihan
- Mengeluarkan lesen dan kawalan penjaja
- Membangunkan perumahan awam.
- Menyediakan kemudahan sukan dan kebudayaan.
- Menyediakan pasukan bantuan dan penyelamat.
- Menyediakan perkhidmatan kecemasan.
- Menyediakan kemudahan awam.
- Menyenggara jalan raya
- Menyenggara sistem saliran.
- Mengindahkan kawasan.
- Menjaga kesihatan awam.

Pembahagian kuasa dalam sistem Persekutuan menggambarkan kepentingan mewujudkan pentadbiran yang sistematik bagi melicinkan tadbir urus negara. Setiap peringkat kerajaan dalam Persekutuan mempunyai peranan untuk membentuk pentadbiran yang berwibawa bagi kemajuan bangsa dan negara.

4.3 Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri penting untuk memastikan segala usaha pembangunan dapat memberikan manfaat demi kesejahteraan rakyat di seluruh negara. Kerjasama ini antaranya meliputi aspek pembangunan sosioekonomi, pemeliharaan khazanah negara, perumahan dan keselamatan.

Kerjasama Pembangunan Sosioekonomi

- Bagi menjayakan pembangunan sosioekonomi, Kerajaan Persekutuan menubuhkan agensi yang dapat memberikan bantuan kewangan dan kepakaran kepada Kerajaan Negeri.
- Kerajaan Negeri pula menyediakan tanah untuk tujuan pembangunan kerana tanah di bawah bidang kuasa kerajaan Negeri.

Pembangunan Tanah

- Pada peringkat awal kemerdekaan, kerjasama sosioekonomi tertumpu pada pembukaan tanah baharu dan pembangunan *In-Situ*.
- Pada tahun 1956, Kerajaan Persekutuan menubuhkan Federal Land Development Authority (FELDA) atau Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan untuk mengurus dan menyalurkan bantuan kewangan kepada Kerajaan Negeri dalam usaha melaksanakan rancangan pembangunan tanah baharu.

- Kejayaan FELDA mendorong Kerajaan Persekutuan menubuhkan Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority (FELCRA) atau Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan pada tahun 1966 untuk menyatukan, memulihkan dan membangunkan tanah Kerajaan Negeri yang terbiar di seluruh negara.

Pembangunan Wilayah

Selepas tahun 1970, kerjasama sosioekonomi diperluas kepada pembangunan wilayah berdasarkan pembangunan kawasan. Kerajaan Persekutuan membuka kawasan lebih luas di beberapa buah negeri untuk membangunkan wilayah baharu.

- i. Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)
- ii. Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)
- iii. Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)
- iv. Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA)
- v. Lembaga Kemajuan - Terengganu Tengah (KETENGAH)
- vi. Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)

Pembangunan Koridor Wilayah

- i. Selepas tahun 2005, kerjasama sosioekonomi dilaksanakan melalui Pembangunan Koridor Wilayah berlandaskan projek pembangunan.
- ii. Pembangunan Koridor Wilayah merupakan perancangan strategik jangka panjang yang memberikan tumpuan kepada pembangunan di negeri dan wilayah yang kurang pesat untuk mewujudkan keseimbangan pembangunan negeri dan wilayah.

Kerjasama Pemeliharaan Khazanah Negara

- i. Malaysia merupakan negara yang terkenal dengan kekayaan flora dan fauna. Bagi mengekalkan warisan biodiversiti untuk kepentingan generasi kini dan akan datang, kerajaan pada setiap peringkat bekerjasama mewujudkan rangkaian kawasan perlindungan seperti taman negara dan taman laut.

Pengurusan Taman Negara

- i. Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, pengurusan hidupan liar dan taman negara merupakan tanggungjawab bersama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. Bagi mengukuhkan kerjasama ini, Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 [Akta 76] diwujudkan pada tahun 1972. Pada tahun 2010, akta ini digantikan dengan Akta Pemuliharaan

Hidupan Liar 2010 yang dikenali sebagai Akta 716. Antara tahun 1972 hingga tahun 1978, Kerajaan Persekutuan mengambil alih pentadbiran semua Jabatan Mergastua Negeri di Semenanjung Malaysia.

- ii. Jabatan Mergastua kemudiannya dinamakan sebagai Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia.
- iii. Pengurusan taman negara di Sarawak terletak di bawah pengurusan Perbadanan Perhutanan Sarawak manakala taman negara di Sabah terletak di bawah Jabatan Hidupan Liar Sabah.

Pengurusan Taman Laut

- i. Bagi memulihara khazanah laut di negara kita, 42 buah pulau di perairan Kedah, Terengganu, Pahang, Johor, Sabah dan Labuan diwartakan sebagai taman laut sejak tahun 1994.
- ii. Kerajaan Persekutuan membentuk dasar berkaitan dengan taman laut. Kerajaan Negeri berkuasa terhadap pembangunan pulau.
- iii. Penyelarasan pentadbiran taman laut dibuat melalui Mesyuarat Majlis Penasihat Kebangsaan Taman Laut dan Rizab Laut yang dianggotai oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
- iv. Jabatan Taman Laut Malaysia ditubuhkan pada tahun 2007 sebagai agensi Kerajaan Persekutuan yang bertanggungjawab secara keseluruhan dalam dasar pengurusan taman laut di Malaysia. Pada tahun 2018, pengurusan taman laut dipindahkan ke Jabatan Perikanan Malaysia. Kawasan perlindungan marin di perairan Sabah pula di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri melalui agensinya, iaitu Taman-Taman Sabah.

Kerjasama Penyediaan Perumahan Rakyat

Perumahan terletak di bawah kuasa bersama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Pelbagai strategi dan langkah kerjasama diambil oleh kerajaan untuk memastikan rakyat dapat memiliki rumah sendiri.

Perumahan Awal Kemerdekaan

- i. Pada awal kemerdekaan, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bekerjasama menyediakan perumahan kos rendah terutamanya di kawasan bandar.
- ii. Kerajaan Persekutuan menubuhkan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan pada tahun 1964 untuk menggiatkan usaha menyediakan perumahan kos rendah.
- iii. Kerajaan Negeri menyediakan tanah yang dijual pada harga rendah kepada Kerajaan Persekutuan untuk membina rumah.

Perumahan untuk Mengatasi Masalah Kemiskinan

- i. Selepas tahun 1970, Kerajaan Persekutuan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri bagi membina rumah untuk rakyat berpendapatan rendah. Kerajaan mengenal pasti penyediaan perumahan bukan sahaja untuk menyelesaikan masalah kekurangan rumah tetapi juga sebagai langkah menghapuskan kemiskinan.
- ii. Kerajaan Persekutuan melaksanakan Program Perumahan Rakyat (PPR) pada tahun 1997 untuk membina perumahan awam di seluruh negara.
- iii. Kerajaan Negeri menubuhkan agensi pembangunan negeri seperti Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perak untuk membina rumah bagi rakyat berpendapatan rendah. Kerajaan Negeri juga memperkenalkan program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) melalui peruntukan kewangan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan.

Perumahan Mampu Milik

- i. Pada tahun 2014, Majlis Perumahan Negara ditubuhkan untuk merangka strategi menyediakan perumahan mampu milik.
- ii. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri menubuhkan pelbagai agensi serta memperkenalkan program khusus untuk membolehkan golongan pertengahan memiliki rumah.
- iii. Antara program peringkat Persekutuan termasuklah:
 - Perbadanan Perumahan 1 Malaysia (PRIMA).
 - Rumah Mesra Rakyat di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
 - Antara program peringkat negeri termasuklah:
 - Rumah Selangorku (Selangor).
 - Rumah Mampu Milik Johor (Johor).

Kerjasama Menjamin Keselamatan dan Kedaulatan Negara

- i. Keselamatan dan pertahanan negara adalah di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan.
- ii. Pada umumnya, keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam di bawah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri (KDN) manakala pertahanan negara di bawah Kementerian Pertahanan (KEMENTAH).
- iii. Kedua-dua aspek tersebut diselaraskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).
- iv. Namun begitu, Kerajaan Persekutuan mengadakan kerjasama erat dengan Kerajaan Negeri untuk memastikan keselamatan rakyat dan kedaulatan negara terpelihara seperti mewujudkan kawasan keselamatan khas di Sarawak dan Sabah.

Pemerintahan Keselamatan Daerah Rajang di Sarawak

- i. Berikutan ancaman komunis yang semakin meningkat di Sarawak, Tun Abdul Razak Hussein, Perdana Menteri Malaysia mengisytiharkan Bahagian Ketiga Sarawak sebagai Rajang Area Security Command (RASCOM) atau Pemerintahan Keselamatan Kawasan Rajang.
- ii. Ketua Menteri Sarawak dilantik sebagai Pengarah Operasi Negeri dalam RASCOM. Beliau bertanggungjawab menyelaraskan fungsi dan aktiviti pasukan keselamatan dengan pejabat awam dalam kawasan RASCOM.
- iii. Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melalui RASCOM berjaya memulihkan serta mengekalkan keselamatan dan keamanan di bahagian tengah Sarawak. Pada tahun 1995 RASCOM dibubarkan dan semua operasi keselamatan diselaraskan di bawah MKN.

Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah

- i. Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri menubuhkan Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) atau Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah ekoran pencerobohan pengganas dari Kepulauan Sulu di Kampung Tanduo, Lahad Datu, Sabah pada 12 Februari 2013. Misi ESSCOM untuk meningkatkan keselamatan Kawasan Timur Sabah daripada sebarang ancaman melalui kerjasama strategik antara agensi kerajaan.
- ii. ESSCOM bertanggungjawab mengawasi keselamatan 10 daerah di Pantai Timur Sabah yang dikenali sebagai Eastern Sabah Security Zone (ESSZONE) atau Zon Keselamatan Timur Sabah.

4.4 Faktor yang Mengukuhkan Sistem Persekutuan

Kekukuhan sistem Persekutuan di negara kita berkait rapat dengan konsep keluhuran Perlembagaan.

1. Keluhuran Perlembagaan Mengukuhkan Persekutuan

- i. Sejak negara mencapai kemerdekaan, Perlembagaan Persekutuan diangkat sebagai undang-undang tertinggi bagi mentakrifkan prinsip Persekutuan dan pentadbiran negara. Undang-undang yang digubal oleh Parlimen dan DUN tidak boleh bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.
- ii. Parlimen dan DUN tidak boleh menggubal undang-undang yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan..
- iii. Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan menyebutkan bahawa jika mana-mana undang-

undang Negeri tidak selaras dengan sesuatu undang-undang Persekutuan, maka undang-undang Persekutuan hendaklah mengatasi undang-undang Negeri.

2. Penyelarasan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri

Penyelarasan pentadbiran dibuat antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri serta majlis khas.

Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri

Mesyuarat dipengerusikan oleh Perdana Menteri serta dihadiri oleh Menteri Besar dan Ketua Menteri. Mesyuarat membincangkan pelaksanaan sesuatu dasar yang diputuskan oleh kerajaan.

Majlis yang Termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan

Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan penubuhan Majlis Negara untuk menyelaraskan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri, iaitu:

- Majlis Kewangan Negara.
- Majlis Tanah Negara.
- Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan.

Majlis Kewangan Negara

Mentadbir hal ehwal berkaitan dengan kewangan seperti pemberian wang, bayaran cukai dan pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri.

Majlis Tanah Negara

Membentuk dasar dan mengawal penggunaan tanah untuk kegiatan pertanian, perlombongan, perhutanan dan sebagainya.

Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan

Perundingan Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri untuk membangunkan Kerajaan Tempatan.

Majlis yang Ditubuhkan oleh Kerajaan

Perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri juga dibuat melalui majlis yang ditubuhkan oleh kerajaan seperti yang berikut:


- Majlis Keselamatan Negara.
- Majlis Air Negara.
- Majlis Perumahan Negara.

Bahagian A: Soalan Objektif

- Sejarah Pembentukan Konfederasi (gabungan antara negeri) bermula di
 - Perak
 - Pahang
 - Selangor
 - Negeri Sembilan
- Majlis Mesyuarat Persekutuan distruktur semula pada tahun 1927 bertujuan memperkemas tadbir urus Persekutuan dan
 - melantik pegawai baru
 - melibatkan Raja-raja Melayu
 - melantik Residen Jeneral baru
 - menguatkan kedudukan British
- Mengapakah Kesatuan Malaya 1946 (Malayan Union) dilaksanakan dalam tempoh masa yang terhad?
 - Bantahan orang Melayu
 - Kurang sumber kewangan
 - Penentangan Parti Komunis
 - Tentangan pegawai tinggi British
- Apakah yang menandakan bermulanya era moden dalam amalan Persekutuan di negara kita?
 - Permuafakan
 - Pemusatan kuasa
 - Pengagihan kuasa
 - Perkongsi kuasa
- Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 menetapkan kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Siapakah yang dilantik sebagai ketua Persekutuan?
 - Residen Jeneral
 - Gabenor Jeneral
 - Residen Kaunselor
 - Pesuruhjaya Tinggi British
- Tiada peruntukan kuasa khusus kepada Kerajaan Tempatan, sebaliknya Kerajaan Tempatan diletakkan di bawah kuasa
 - Kerajaan Negeri
 - Kerajaan Persekutuan
 - Pihak berkuasa negeri
 - Pihak berkuasa Persekutuan
- Pada peringkat Persekutuan, institusi yang mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang bagi seluruh Malaysia ialah
 - Parlimen
 - Dewan rakyat

- Dewan negara
- Mahkamah Persekutuan

- Rajah berikut menerangkan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan



Apakah X?

- Pelajaran
 - Perhubungan
 - Hiburan awam
 - Perancangan bandar
- Antara berikut, yang manakah kuasa tambahan yang diberi kepada kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah apabila menyertai Malaysia?
 - Kebajikan awam
 - Kebudayaan dan sukan.
 - Pencegahan penyakit tumbuhan
 - Perancangan bandar dan luar bandar.
 - Apakah fungsi Kerajaan Tempatan seperti yang digariskan oleh Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)?
 - Melindungi haiwan liar
 - Menyenggara jalan raya
 - Menyediakan kemudahan awam
 - Membangunkan kebudayaan dan sukan
 - I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
 - Kerajaan Tempatan lebih dikenali sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berada di bawah bidang kuasa
 - Parlimen
 - Kerajaan Negeri
 - Kerajaan Persekutuan
 - Dewan undangan Negeri
 - Apakah yang diberi penekanan oleh kerajaan dalam pembangunan In-situ?
 - Menambah peluang pekerjaan
 - Menekankan pembangunan fizikal
 - Memperkemas sistem pemasaran
 - Memulihkan kawasan berproduktif rendah

13. Apakah yang diberi tumpuan dalam projek Pembangunan Koridor Wilayah?
- Pembangunan negeri
 - Pembangunan daerah
 - Membuka kawasan baru
 - Memulihkan tanah terbiar
14. Antara berikut, yang manakah kawasan perlindungan hidupan liar dan Taman Negara di Malaysia?
- Taman Negara Perak
 - Taman Negara Kedah
 - Taman Negeri Royal Belum
 - Taman Negara Endau Rompin
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
15. Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan ditubuhkan pada tahun 1964 bertujuan menyediakan perumahan
- rakyat
 - kos rendah
 - mampu milik
 - kos sederhana
16. Apakah tujuan Kerajaan Persekutuan melaksanakan Program Perumahan Rakyat (PPR) pada tahun 1997?
- Menyelesaikan masalah kekurangan rumah
 - Untuk membina perumahan awam
 - Menyediakan perumahan mampu milik.
 - Membina rumah bagi rakyat berpendapatan rendah
17. Siapakah yang dilantik sebagai pengarah operasi Rajang Area Security Command (RASCAM) untuk membendung ancaman Komunis
- Perdana Menteri
 - Menteri Dalam Negeri
 - Ketua Menteri Sarawak
 - Ketua Polis Sarawak
14. Apakah faktor yang mengukuhkan Sistem Persekutuan di negara kita?
- Keluhuran Perlembagaan
 - Sistem demokrasi berparlimen
 - Kerjasama antara kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri
 - Penyelarasan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
19. Apabila berlaku ketidakselarasan antara undang-undang Persekutuan dengan undang-undang Negeri tempat menjadi rujukan ialah
- Parlimen
 - Mahkamah
 - Yang di-Pertuan Agong
 - Perlembagaan Persekutuan
20. Apakah pendekatan terbaik untuk menjamin kekuatan, kekuasaan dan kestabilan negara kita?
- Permuafakatan
 - Perpaduan kaum
 - Semangat toleransi
 - Pembahagian kuasa

Bahagian B: Soalan Respon Terhad

1. Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem Persekutuan.

a. Jelaskan maksud Persekutuan

.....
.....
.....

3 markah

b. Senaraikan latar belakang sejarah pembentukan Persekutuan bermula pada tahun 1896 hingga tahun 1963.

- i.
- ii.
- iii.

3 markah

c. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah Malayan Union dilaksanakan dalam tempoh masa yang terhad?

.....
.....
.....
.....

4 markah


2. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri menjalinkan kerjasama dalam usaha pemuliharaan khazanah negara seperti taman negara dan taman laut.

a. Senaraikan taman negara yang mendapat pengiktirafan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada tahun 2000.

- i.
- ii.

2 markah

- b. Peta di menunjukkan kawasan Taman Negara di Semenanjung Malaysia. Namakan Taman Negara dalam peta tersebut



- X.
- Y.
- Z.

3 markah

- c. Senaraikan Taman Laut di bawah pengurusan Taman-Taman Sabah.

- i.
- ii.

2 markah

- d. Pada pendapat anda, mengapakah Khazanah Negara ini perlu dipelihara?

.....

.....

.....

3 markah

Bahagian C : Soalan Respon Terbuka

- 1. Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem Persekutuan.

- a. Jelaskan tentang latar belakang sistem Persekutuan di negara kita. 8 markah
- b. Pada pendapat anda, apakah kesan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1957? 6 markah
- c. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah pentadbiran yang cekap perlu diwujudkan dalam sesebuah negara Persekutuan seperti Malaysia. 6 markah

BAB 5: PEMBENTUKAN MALAYSIA

5.1 Konsep Gagasan Malaysia

Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu disusuli oleh pembentukan Malaysia melahirkan negara ini sebagai sebuah negara yang berdaulat. Pembentukan Malaysia memperlihatkan kerjasama tokoh dari Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura dalam rundingan dengan kerajaan British. Kesepakatan antara semua pihak ini menzahirkan pembentukan Malaysia dan kemudiannya terbentuklah Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1963.

Idea Gagasan Malaysia

1. Idea gagasan Malaysia ialah konsep yang menggabungkan beberapa bekas tanah jajahan British di Asia Tenggara.
2. Antara idea lain yang pernah dilahirkan termasuklah Melayu Raya oleh gerakan nasionalis sebelum Perang Dunia Kedua yang mahu mendapatkan kemerdekaan wilayah Alam Melayu daripada kuasa penjajah British, Belanda dan Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, idea ini tidak berjaya dilaksanakan.
3. Bagi pihak pegawai British, mereka mengemukakan idea penyatuan wilayah penguasaan British di Asia Tenggara dalam satu sistem pentadbiran dan ekonomi. Langkah ini bertujuan memudahkan pentadbiran pihak British.
4. Idea gagasan Malaysia yang dicadangkan oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj ialah penggabungan Persekutuan Tanah Melayu dengan Sarawak, Siatoh, Singapura dan Brunei untuk merdeka dalam satu sistem Kerajaan Persekutuan.

5.2 Perkembangan Idea dan Usaha Pembentukan Malaysia

Idea pembentukan Malaysia dikemukakan pada akhir abad ke-19 yang melibatkan pihak British dan penduduk tempatan.

Idea Pegawai British

1. Tahun 1887

- i. Cadangan terawal dikemukakan oleh Lord Brassey, Pengarah Syarikat Berpiagam 1887 Borneo Utara di Dewan Parlimen Britain pada tahun 1887. Beliau mencadangkan penggabungan Sarawak, Sabah, negeri Melayu dan NNS supaya menjadi tanah jajahan yang besar. Cadangan ini dikemukakan kerana pegawai British melihat potensi ekonomi melalui penggabungan wilayah ini.

2. Tahun 1951

Setelah tamat Perang Dunia Kedua, Sir Malcolm MacDonald, Gabenor Jeneral British di Asia Tenggara mencadangkan penggabungan tanah jajahan British di Asia Tenggara bagi membentuk satu entiti politik dan ekonomi. Langkah ini bertujuan menyesuaikan dengan rancangan dekolonisasi. Pada tahun 1951, Sir Malcolm MacDonald mengadakan perbincangan dengan Dato' Onn Jaafar, pemimpin United Malays National Organisation (UMNO) dan ahli Majlis Perundangan Persekutuan berkaitan dengan usaha menggabungkan Tanah Melayu, Singapura dan wilayah Borneo.

3. Tahun 1952

Sir Gerald Templer, Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu meminta penggabungan wilayah ini disegerakan bagi tujuan keselamatan. Pada Januari 1960, mesyuarat pegawai tinggi British di Borneo bersetuju dengan cadangan pertahanan dan keselamatan.

4. Tahun 1960

Sir Geofroy Tory, Pesuruhjaya Tinggi British di Persekutuan Tanah Melayu mencadangkan penyatuan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu atas kepentingan ekonomi. Cadangan ini mendapat sokongan Pejabat Kolonial

Idea Penduduk Tempatan

1. Tahun 1906 Majalah *Al-Imam* menggesa penyatuan raja dan orang Melayu dalam pendidikan dan pembangunan ekonomi di Alam Melayu.
2. Tahun 1936 Konsep Meliyu Raya diperjuangkan oleh nasionalis Tanah Melayu. Antaranya termasuklah Ibrahim Haji Yaakob, Harun Aminurrahid, Ahmad Boestamam, Ishak Haji Muhammad (Pak Sako) dan Dr. Burhanuddin al-Helmi sejak sebelum Perang Dunia Kedua. Idea mereka untuk menggabungkan Tanah Melayu dengan Indonesia. Idea ini tidak berhasil apabila Presiden Soekarno mengisytiharkan kemerdekaan Indonesia pada tahun 1945 tanpa melibatkan Tanah Melayu.
3. Tahun 1955 Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dalam ucapan di Persidangan Agung UMNO pada bulan Oktober 1955 mencadangkan Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei menyertai Persekutuan Tanah Melayu.
4. Tahun 1958 Datu Mustapha Datu Harun, pemimpin Sabah dalam satu pertemuan dengan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj di Kuala Lumpur pada tahun 1958 menyatakan minat untuk membawa Sabah bergabung dengan Persekutuan Tanah Melayu.

5. Tahun 1960 Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj memaklumi Lord Perth pada 10 Jun 1960 bahawa beliau berminat untuk bergabung dengan Sarawak, Sabah, dan Singapura.

Rasional Idea Pembentukan Malaysia

Rancangan pembentukan Malaysia mula berjalan apabila Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj memberikan komitmen terhadap rancangan penggabungan semua wilayah yang terlibat dan mendapat sokongan kerajaan British. Terdapat beberapa faktor pembentukan Malaysia, iaitu keselamatan, keseimbangan komposisi penduduk, mempercepat kemerdekaan dan pembangunan wilayah.

1. Keselamatan

a. Ancaman Komunis di Singapura

Ancaman komunis di negeri ini telah menggugat keselamatan Persekutuan Tanah Melayu. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj menganggap Singapura akan menjadi pusat kegiatan komunis. Oleh itu, langkah penyatuan dengan Singapura ini dapat memberikan kuasa kepada Kerajaan Persekutuan dalam bidang keselamatan dan pertahanan bagi membendung ancaman komunis di Singapura.

b. Perkembangan di Sarawak

Sarawak berhadapan dengan ancaman komunis melalui gerakan Clandestine Communist Organization (CCO). Dengan penyertaan Sarawak, kerajaan British berharap dapat membendung ancaman komunis.

2. Keseimbangan Komposisi Penduduk

Keputusan untuk menerima Singapura dalam Persekutuan akan mewujudkan ketidakseimbangan komposisi penduduk antara orang Melayu dengan orang Cina. Perkara ini dibimbangi oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dan pemimpin UMNO. Penggabungan Sarawak, Sabah dan Brunei akan menyeimbangkan komposisi antara kaum.

3. Mempercepat Kemerdekaan

Bagi pihak British, pembentukan Malaysia dapat merealisasikan rancangan dekolonisasi serta mempercepat kemerdekaan wilayah Borneo, terutamanya Sarawak dan Sabah.

4. Pembangunan Wilayah

Cadangan penyertaan Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei membentuk sebuah negara bertujuan agar wilayah ini dapat bersatu dalam usaha mempercepat pelbagai bidang pembangunan. Pembentukan Malaysia boleh

meningkatkan taraf hidup peribumi dalam pelbagai aspek seperti infrastruktur, sosial dan ekonomi yang lebih seimbang.

5.3 Reaksi Tempatan dan Negara Jiran terhadap Pembentukan Malaysia

Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mengumumkan pembentukan Malaysia pada 27 Mei 1961. Pembentukan Malaysia mendapat reaksi daripada pelbagai pihak. Terdapat pihak yang menerima baik cadangan pembentukan dan ada juga pihak yang menentang. Reaksi tempatan terdiri daripada penduduk dan pemimpin Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei. Reaksi negara jiran pula daripada Indonesia, Filipina dan Thailand.

Reaksi Awal terhadap Gagasan Malaysia

1. Reaksi Tempatan

Pembentukan Malaysia mendapat reaksi daripada pemimpin dan penduduk di Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei.

a. Persekutuan Tanah Melayu

Pada umumnya, rancangan pembentukan Malaysia mendapat sambutan baik daripada penduduk dan parti politik di Persekutuan Tanah Melayu. Parti politik secara prinsipnya bersetuju dan menerima cadangan pembentukan Malaysia, Walaupun wujud perbezaan pendapat dalam melaksanakannya. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mendapat sokongan UMNO berkaitan dengan rancangan pembentukan Malaysia.

b. Sarawak

Di Sarawak pula terdapat pelbagai reaksi daripada pemimpin dan penduduk terhadap rancangan pembentukan Malaysia.

Menyokong

BARJASA yang dipimpin oleh Datuk Patinggi Abdul Rahman Ya'kub dan Datu Tuanku Haji Bujang Tuanku Othman menyokong pembentukan Malaysia. Sementara itu, PANAS yang dipimpin oleh Datu Bandar Abang Haji Mustapha, PESAKA pimpinan Temenggung Jugah anak Barieng dan SCA turut menyokong Malaysia.

Menentang

Pada peringkat awal, SUPP yang dipimpin oleh Ong Kee Hui dan SNAP yang diketuai oleh Stephen Kalong Ningkan menentang cadangan pembentukan Malaysia.

Menentang Kemudian Menyokong

Pada peringkat awal, SNAP turut menentang rancangan pembentukan Malaysia. Walau bagaimanapun, SNAP kemudiannya menyokong berdasarkan cadangan Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM).

Pada bulan Oktober 1962, PANAS, SNAP, BARJASA, SCA dan PESAKA bergabung membentuk Parti Perikatan Sarawak untuk menyokong Malaysia. Parti politik Sarawak menubuhkan gabungan menyokong Malaysia yang dinamakan Sarawak Alliance pada bulan Januari 1963.

c. Sabah

Penduduk di Sabah turut memberikan pelbagai reaksi terhadap rancangan pembentukan Malaysia. Pada peringkat awal, penduduk Sabah berasa curiga dan bimbang. Ketika itu, Sabah sedang berkembang dalam kegiatan perdagangan manakala sistem perkhidmatan awam semakin baik. Penduduk pula bebas menjalankan kegiatan harian mereka. Sementara itu, kehadiran pasukan tentera British menjamin keselamatan mereka. Oleh itu, penduduk berpendapat bahawa tiada keperluan untuk bergabung.

Menyokong

- i. Menjelang pembentukan Malaysia, terdapat parti politik utama ditubuhkan. antaranya termasuklah UNKO, USNO, Pasok Momogun dan Sabah Chinese Association (SCA). USNO yang dipimpin oleh Datu Mustapha Datu Harun menyokong idea pembentukan Malaysia sejak awal lagi.
- ii. Parti politik di Sabah menubuhkan gabungan menyokong Malaysia yang dinamakan Sabah Alliance pada bulan Oktober 1962. Parti gabungan ini terdiri daripada UNKO, USNO, United Pasok Momogun (UPKO), Democratic Party dan Sabah Indian Congress.

Menentang

- i. Cadangan pembentukan Malaysia mengejutkan pemimpin dan penduduk di Sabah. Mereka melahirkan keinginan untuk mendapatkan kemerdekaan secara berasingan atau membentuk sebuah Kesatuan Negeri-negeri Borneo yang merdeka.
- ii. Kebanyakan penduduk di Sabah menganggap Tanah Melayu terasing seperti Indonesia dan Filipina. Mereka mempersoalkan keadaan pemimpin tempatan yang perlu menyesuaikan diri dengan kegiatan politik, pilihan raya dan berkerajaan sendiri yang sudah diamalkan di Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu. Pada masa yang sama, jarak antara Sarawak, Sabah dengan Kuala Lumpur yang jauh juga menimbulkan masalah.

- iii. Disebabkan oleh kebimbangan tersebut, para pemimpin di Borneo membentuk Barisan Bersatu (United Front) pada 9 Ogos 1961 untuk mencabar rancangan pembentukan Malaysia. Barisan Bersatu ini dianggotai oleh Ong Kee Hui (Pengerusi SUPP), A.M. Azahari (Parti Rakyat Brunei) dan Donald Stephens (Fuad Stephens) daripada UNKO. Walau bagaimanapun, UNKO kemudiannya menyokong pembentukan Malaysia.

d. Singapura

- i. Pemimpin dan penduduk Singapura turut memberikan reaksi terhadap pembentukan Malaysia. Menyokong
- ii. People's Action Party (PAP) yang dipimpin oleh Lee Kuan Yew menyambut baik rancangan ini.
- iii. Bagi golongan pedagang dan pengusaha industri pula, mereka menyokong pembentukan Malaysia kerana membuka peluang pasaran yang lebih besar kepada industri mereka.
- iv. Parti lain seperti Parti Buruh Singapura pada hakikatnya bersetuju tetapi menganggap gabungan ini sebagai suatu usaha yang sukar untuk dilaksanakan.

Menentang

Parti Rakyat Singapura menentang gagasan Malaysia.

- i. Barisan Sosialis juga menentang penggabungan kerana menganggap pembentukan Malaysia sebagai penjajahan baharu. Mereka mencadangkan agar pandangan rakyat diperoleh sebelum Singapura menyertai Malaysia.

e. Brunei

Terdapat pelbagai reaksi daripada penduduk Brunei terhadap pembentukan Malaysia.

Menyokong

- i. Sultan Brunei, iaitu Sultan Omar Ali Saifuddin mengalu-alukan cadangan pembentukan Malaysia.
- ii. Rakyat Brunei juga pada peringkat awalnya berminat untuk menyertai gabungan ini. Namun begitu, mereka ingin mencapai kemerdekaan terlebih dahulu.

Menentang

- i. Parti Rakyat Brunei yang dipimpin oleh A.M. Azahari menentang cadangan tersebut kerana beliau lebih berminat untuk menggabungkan Brunei, Sarawak, Sabah dan Kalimantan Utara dalam satu kesatuan. A.M. Azahari berpendapat bahawa pembentukan Malaysia merupakan satu cara kerajaan British

- untuk mengekalkan pengaruh agar dapat menguasai ekonomi dan menjamin keselamatan.
- ii. Parti Rakyat Brunei khawatir Brunei akan kehilangan sebahagian besar kekayaan sekiranya menyertai gabungan ini.

2. Reaksi Negara Jiran

Negara jiran seperti Indonesia, Filipina dan Thailand turut memberikan pelbagai reaksi terhadap rancangan pembentukan Malaysia.

Pada peringkat awal rancangan pembentukan Malaysia, kerajaan Indonesia tidak menentang. Dr. Mohammad Hatta, iaitu Naib Presiden Indonesia dan Dr. Subandrio, Menteri Luar Indonesia mengalu-alukan idea pembentukan Malaysia.

a. Indonesia

Pada peringkat awal rancangan pembentukan Malaysia, kerajaan Indonesia tidak menentang. Dr. Mohammad Hatta, iaitu Naib Presiden Indonesia dan Dr. Subandrio, Menteri Luar Indonesia mengalu-alukan idea pembentukan Malaysia.

b. Filipina

Presiden Diosdado Pangan Macapagal (Macapagal) dari Filipina menentang pembentukan Malaysia kerana menuntut wilayah Sabah. Walau bagaimanapun, bagi kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tuntutan ini adalah di bawah urusan kerajaan British.

c. Thailand

Kerajaan Thailand memberikan reaksi positif dan menerima idea pembentukan Malaysia. Pembentukan Malaysia dianggap memperkuat usaha ke arah keamanan di rantau Asia Tenggara.

5.4 Langkah Pembentukan Malaysia

Usul pembentukan Malaysia dibentangkan di Dewan Rakyat pada 16 Oktober 1961 dan mendapat sokongan majoriti ahli dewan. Sokongan ini membolehkan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu menggerakkan usaha membentuk Malaysia. Pelbagai cara dilakukan untuk merealisasikan pembentukan Malaysia. Antaranya termasuklah mengadakan lawatan ke negeri yang terlibat, penubuhan Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM), referendum Singapura, rundingan London, Suruhanjaya Cobbold dan Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK).

1. Siri Lawatan

Julai 1961 -Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mengadakan lawatan ke Sarawak dan Brunei. Lawatan ini untuk meninjau dan bertemu dengan pemimpin

tempatan bagi menerangkan rancangan pembentukan Malaysia.

Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mengatur lawatan pemimpin Sarawak dan Sabah ke Persekutuan Tanah Melayu. Pada bulan Ogos 1962, Datu Bandar Abang Haji Mustapha, Temenggung Jugah anak Barieng, Donald Stephens dan Datu Mustapha Datu Harun mengadakan lawatan untuk meninjau kemajuan di Persekutuan Tanah Melavu.

November 1962 - Lawatan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj ke Sarawak dan Sabah.

Lawatan rombongan Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Ghafar Baba ke Sarawak dan Sabah. Lawatan ini menunjukkan terdapat kesepakatan dalam kalangan ahli politik di Tanah Melayu untuk menjelaskan gambaran sebenar tentang rancangan Malaysia kepada penduduk Sarawak dan Sabah.

2. Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM)

Malaysia Solidarity Consultative Committee (MSCC) atau dikenali sebagai Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM) ditubuhkan ketika Persidangan Ahli-ahli Parlimen Komanwel di Singapura pada 23 Julai 1961. Mesyuarat JSKM diadakan sebanyak empat kali, iaitu di Jesselton, Kuching, Kuala Lumpur dan Singapura.

Tujuan Penubuhan

1. Meyakinkan penduduk Sarawak dan Sabah tentang pembentukan Malaysia.
2. Menyediakan ruang perbincangan bagi mendapatkan kata sepakat terhadap pembentukan Malaysia.
3. Mengumpulkan pandangan tentang pembentukan Malaysia.
4. Menyebarkan maklumat berkaitan dengan Malaysia.
5. Memupuk aktiviti penghebahan dan mempercepat pembentukan Malaysia. Aktiviti penghebahan seperti mendedahkan perkembangan kemajuan dalam bidang pentadbiran serta projek pembangunan di Persekutuan Tanah Melayu.

Jawatankuasa ini terdiri daripada wakil pemimpin dari Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah. Donald Stephens dilantik menjadi pengerusi JSKM. Dalam mesyuarat kedua, JSKM membuat keputusan menyokong rancangan Malaysia. Jawatankuasa ini memainkan peranan penting dalam memberikan kelahaman kepada pemimpin tempatan dan mendapatkan sokongan terhadap pembentukan Malaysia.

3. Referendum Singapura

Rundingan antara kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura yang diadakan pada buian Ogos

1962 hingga bulan September 1962 menghasilkan persetujuan penyertaan Singapura ke dalam Malaysia.

- i. Satu referendum diadakan di Singapura pada awal bulan September 1962 menyatakan bentuk pilihan Singapura menyertai Malaysia.
- ii. Keputusan referendum mendapati rakyat Singapura bersetuju untuk bergabung membentuk Malaysia seperti syarat yang ditetapkan oleh kerajaan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu. Keputusan ini membolehkan Singapura menyertai Malaysia.

4. Rundingan London

Pada bulan November 1961, rundingan berhubung dengan pembentukan Malaysia diadakan di London antara kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan kerajaan British.

Kedua-dua kerajaan bersetuju agar ditubuhkan sebuah suruhanjaya bagi meninjau reaksi penduduk di Sarawak dan Sabah.

5. Suruhanjaya Cobbold

Suruhanjaya ini dibentuk secara rasmi pada bulan Januari 1962. Suruhanjaya Cobbold mengandungi wakil yang dilantik oleh kerajaan British dan Persekutuan Tanah Melayu.

- i. Lord Cobbold dilantik menjadi Pengerusi.
- ii. Ahli-ahli terdiri daripada Sir Anthony Abell, Sir David Watherston, Muhammad Ghazali Shafie dan Wong Pow Nee.
- iii. Suruhanjaya ini melawat 35 pusat lawatan (20 pusat lawatan di Sarawak dan 15 pusat lawatan di Sabah).
- iv. Menjelang bulan Jun 1962, Suruhanjaya Cobbold menyerahkan laporan kepada kerajaan British dan Persekutuan Tanah Melayu. Antara laporan tersebut termasuklah:

- Menyatakan dua pertiga penduduk menyokong pembentukan Malaysia.
- Mengesyorkan agar Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dijadikan asas Perlembagaan Persekutuan yang baharu.
- Mencadangkan kuasa autonomi dan jaminan khas diberi kepada Sarawak dan Sabah yang tidak boleh dipinda atau dibatalkan oleh Kerajaan Persekutuan tanpa mendapat persetujuan daripada Kerajaan Negeri berkenaan.

6. Pembentukan Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK)

Kerajaan British dan Persekutuan Tanah Melayu mengumumkan penubuhan Inter-Governmental Committee atau dikenali sebagai Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) pada bulan Ogos 1962. Jawatankuasa

ini diwakili oleh kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah. Penubuhan JAK bertujuan menyediakan rangka perlembagaan dan membentuk keperluan melindungi kepentingan Sarawak dan Sabah.

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Lord Lansdowne, Menteri Tanah Jajahan.

- i. Timbalan pengerusi ialah Tun Abdul Razak Hussein.
- ii. Wakil Sarawak ialah Ketua Setiausaha, Peguam Negeri, Setiausaha Kewangan, Datu Bandar Abang Haji Mustapha, Temenggong Jugah anak Barieng, Pengarah Montegrai, Ling Beng Siew dan Chia Chin Sin.
- iii. Wakil Sabah terdiri daripada Ketua Setiausaha, Peguam Negeri, Setiausaha Kewangan, Datu Mustapha Datu Harun, Donald Stephens dan Koo Siak Chiew.

JAK mempunyai lima jawatankuasa kecil:

- Perlembagaan.
- Kewangan.
- Perkhidmatan Awam.
- Perundangan dan Kehakinihan.
- Organisasi Jabatan.

Jawatankuasa ini lelah mengadakan mesyuarat pertama di Jesselton (Kota Kinabalu), Sabah pada 30 Ogos 1962. Mesyuarat terakhir diadakan di Kuala Lumpur pada 18-20 September 1962.

- iv. Jawatankuasa ini mengusulkan 18 perkara bagi Sarawak dan 20 perkara bagi Sabah yang perlu dimasukkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan untuk menjamin hak serta kepentingan rakyat Sarawak dan Sabah. Antara perkara yang menjadi teras utama dalam perlembagaan termasuklah:
 - Islam ialah agama Persekutuan Malaysia tetapi dikecualikan ksp-ada Sarawak dan Sabah.
 - Bahasa Melayu ialah bahasa rasmi Persekutuan Malaysia tetapi bahasa Inggeris juga digunakan sebagai bahasa rasmi di Sarawak dan Sabah.
 - Sistem pendidikan dikekalkan di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan kecuali di Sarawak dan Sabah. Sistem pendidikan di Sarawak dan Sabah kekal di bawah kawalan Kerajaan Negeri sehingga Majlis Negeri membuat pindaan.
 - Dalam Parlimen Malaysia, sebanyak 24 kerusi hendaklah diperuntukkan kepada Sarawak, 16 kerusi kepada Sabah dan 15 kerusi, Singapura.
 - Kuasa imigresen terletak di bawah Kerajaan Persekutuan tetapi Sarawak dan Sabah diberi kuasa tersendiri untuk mengendalikan hal ehwal imigresen.

5.5 Perjanjian Julai 1963 dan Peristiwa Pengisytiharan Malaysia

Perjanjian Julai 1963 yang turut dikenali sebagai Perjanjian Malaysia atau Malaysia Agreement (MA63) ialah sebuah dokumen yang ditandatangani oleh kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura. Perjanjian ini ditandatangani pada 9 Julai 1963 di London. Kandungan perjanjian ini adalah seperti yang dikemukakan oleh JAK. Prinsip utama perjanjian ini mengiktiraf hak yang sama kepada semua negeri dalam Malaysia.

1. Inti Pati Perjanjian Malaysia

Antara inti pati Perjanjian Malaysia termasuklah:

- i. Tarikh pembentukan Malaysia adalah pada 31 Ogos 1963.
- ii. Sarawak, Sabah dan Singapura akan menjadi ahli dalam Persekutuan Malaysia bersama-sama Persekutuan Tanah Melayu.
- iii. Kerajaan British akan mengiktiraf kedaulatan Sarawak, Sabah dan Singapura dalam Malaysia.
- iv. Memberikan kelebihan kepada Sarawak dan Sabah menubuhkan kabinet negeri.
- v. Memperuntukkan tempoh masa peralihan, contohnya dalam bidang pentadbiran awam serta pendidikan kepada Sarawak dan Sabah.
- vi. Kerusi Parlimen diberikan kepada Singapura sebanyak 15 kerusi; Sarawak 24 kerusi; dan Sabah 16 kerusi.
- vii. Penduduk bumiputera di Sarawak dan Sabah mendapat pengiktirafan sama seperti orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan.

2. Misi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

Indonesia membuat bantahan rasmi pembentukan Malaysia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Oleh itu, U Thant, Setiausaha Agung PBB mengumumkan penubuhan sebuah jawatankuasa, iaitu United Nations Malaysia Mission (UNMM) pada 12 Ogos 1963 untuk menilai dan membuat laporan. Laurence Michelmores, Duta Amerika Syarikat di PBB mengetuai rombongan melakukan tinjauan di Sarawak dan Sabah. Pembentukan Malaysia yang sepatutnya diisytiharkan pada 31 Ogos 1963 ditangguhkan kerana laporan Setiausaha Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu hanya dapat disiapkan pada 14 September 1963. Pada 14 September 1963, misi ini menerbitkan laporan penduduk Sarawak dan Sabah yang menerima pembentukan Malaysia.

3. Peristiwa Pengisytiharan Malaysia

Malaysia diisytiharkan pada 16 September 1963. Istiadat pengisytiharan di adakan serentak di Kuala Lumpur, Sarawak dan Sabah.

a. Kuala Lumpur

Yang di-Pertuan Agong membacakan Pengisytiharan Malaysia di Stadium Merdeka dan disaksikan oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj.

b. Sarawak

Datu Abang Haji Openg Abang Sapiee mengangkat sumpah jawatan Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Pengisytiharan Malaysia dibaca oleh Khir Johari wakil Kerajaan Persekutuan di Kuching, Sarawak. Turut hadir ialah anggota kabinet negeri.

c. Sabah

Datu Mustapha Datu Harun mengumumkan Pengisytiharan Malaysia di Kota Kinabalu, Sabah serta menandatangani surat sumpah jawatan sebagai Yang di-Pertua Negeri Sabah yang pertama. Tun Abdul Razak Hussein mewakili Kerajaan Persekutuan.

Pembentukan Malaysia dilakukan dengan cara yang teratur melibatkan semua pihak. Penduduk yang terlibat diberi peluang untuk menyuarakan pandangan mereka bagi menjaga kepentingan bersama. Oleh itu, kita perlu menjaga kepentingan kesepakatan untuk memastikan kestabilan negara terpelihara.

5.6 Konfrontasi dan Usaha Menangani

Kerajaan Indonesia tidak menentang pada peringkat awal rancangan pembentukan Malaysia. Penentangan mula muncul selepas Pemberontakan Brunei 7 Disember 1962, apabila Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj membuat kenyataan bahawa Indonesia terlibat membantu pemberontakan. Partai Komunis Indonesia menggunakan kesempatan ini menyelar rancangan Malaysia sebagai penerusan dasar neokolonialisme yang dirancang oleh kerajaan British.

Peristiwa Penentangan

INDONESIA

1. 20 Januari 1963 melancarkan dasar konfrontasi terhadap Tanah Melayu "Ganyang **Malaysia**".
2. 16 Januari 1963 - 27 Mac 1963 Tentera Indonesia melancarkan serangan **gerila** di Sarawak.
3. Ogos - Disember 1964 Pendaratan gerila di Johor.
4. Tindakan ketenteraan terawal berlaku apabila pendaratan tentera dan separa tentera Indonesia di Tebedu, Sarawak pada 12 April 1963.
5. Pada 29 Disember 1963, berlaku peristiwa berbalas tembakan antara tentera Malaysia dengan Indonesia di Kalabakan, Sabah.
6. Pada 2 September 1964, berlaku peristiwa pendaratan seramai 30 orang gerila Indonesia di Labis, Johor. Gerila Indonesia yang masuk ke Johor ditahan oleh pasukan tentera Malaysia.

7. Dr. Ismail Abdul Rahman membawa isu serangan ini ke dalam Majlis Keselamatan PBB. Kaedah provokasi tidak mengubah pendirian Malaysia untuk bertindak selain cara diplomatik.

Langkah Menamatkan Konfrontasi

Malaysia menggunakan pendekatan diplomatik dalam usaha menangani konfrontasi. Tanggungjawab menyusun strategi diserahkan kepada Kementerian Luar Negeri yang diketuai oleh Muhammad Ghazali Shafie. Tugas utama kementerian ini adalah untuk mematahkan kempen propagandas, mendapatkan sokongan negara luar.

1. Usaha awal menamatkan konfrontasi dilakukan oleh U Thant, Setiausaha Agung PBB. Beliau mengutus wakilnya C.V. Narasimhan pada bulan Februari 1963 untuk berunding dengan pemimpin kerajaan Indonesia dan Persekutuan Tanah Melayu.
2. Presiden Macapagal menganjurkan rundingan peringkat pegawai di Manila pada 9 April 1963 Negara kita diwakili oleh Muhammad Ghazali Shafie.
3. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj menerima undangan Presiden Soekarno untuk bertemu di Tokyo pada 1963. Dalam pertemuan ini, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj menerangkan tujuan pembentukan Malaysia.
4. Tun Abdul Razak Hussein menghadiri mesyuarat peringkat Menteri Luar di Manila pada 7-11 Jun 1963 bagi mencari penyelesaian konfrontasi. Dr. Subandrio, Menteri Luar Indonesia, hadir bagi pihak negaranya.

5. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj menghadiri mesyuarat bersama-sama Presiden Soekarno dan Presiden Macapagal di Manila pada 31 Julai - 5 Ogos 1963. Hasil penting ialah penerimaan kerajaan Indonesia dan Filipina terhadap pembentukan Malaysia selepas penilaian dibuat oleh PBB terhadap Sarawak dan Sabah.

6. Rundingan Malaysia, Indonesia dan Filipina berlangsung pada tahun 1964 melibatkan dua persidangan peringkat menteri di Bangkok dan satu sidang kemuncak di Tokyo. Peranan utama dimainkan oleh Than Khoman, Menteri Luar Thailand yang menganjurkan pertemuan dengan Menteri Luar Indonesia.
7. Peralihan kepimpinan di Indonesia pada 30 September 1965 menamatkan konfrontasi. Jeneral Suharto melantik Jeneral Ali Moertopo dan Adam Malik untuk berunding menamatkan konfrontasi.
8. Kerajaan Indonesia mengumumkan penamatan konfrontasi pada 4 Ogos 1966.
9. Tun Abdul Razak Hussein menandatangani perjanjian Persetujuan Normalisasi Hubungan Indonesia-Malaysia di Jakarta pada 11 Ogos 1966.

Konfrontasi memberikan pengalaman kepada negara kita untuk mengurus krisis pada peringkat serantau dan antarabangsa. Komitmen tinggi yang diberikan oleh pemimpin dan pegawai kerajaan berjaya mengelakkan masalah ini menjadi konflik yang lebih besar. Oleh itu, penting bagi rakyat Malaysia bersatu padu untuk memastikan kestabilan negara dan mengelakkan ancaman luar.

Bahagian A : Soalan Objektif

1. Apakah tujuan pegawai British mengemukakan idea penyatuan wilayah penguasaan British di Asia Tenggara?
 - A Menjimatkan pebelanjaan
 - B Memudahkan pentadbiran
 - C Menjamin keselamatan
 - D Memajukan Wilayah
2. Pada tahun 1952, Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu meminta penggabungan wilayah disegerakan bagi tujuan
 - A Kemajuan wilayah
 - B Keselamatan wilayah
 - C Penguasaan ekonomi
 - D Mempercepatkan kemerdekaan
3. Apakah alasan Sir Geofroy Tory, Pesuruhjaya Tinggi British di Persekutuan Tanah Melayu mencadangkan penyatuan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu?
 - A Perluasan pengaruh.
 - B Mengukuhkan kuasa
 - C Kepentingan ekonomi
 - D Kecekapan pentadbiran
4. Jadual berikut menunjukkan Majalah yang menggesa diadakan penyatuan.

X

Menggesa penyatuan raja dan orang Melayu dalam pendidikan dan pembangunan ekonomi di Alam Melayu.

X adalah majalah

- A Al-Imam
 - B Saudara
 - C Keluarga
 - D Bulan Baru
5. Mengapakah Tunku Abdul Rahman mengemukakan idea penggabungan Tanah Melayu, Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei?
 - I. Pembangunan wilayah.
 - II. Mempercepat kemerdekaan
 - III. Menyediakan kemudahan sosial
 - IV. Mengukuhkan sistem persekutuan
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

6. Pada 27 Mei 1961, Tunku Abdul Rahman telah mencadangkan pembentukan Malaysia di Singapura. Mengapakah beliau bertindak demikian?
 - A Memperkasa sistem beraja
 - B Memperkukuh politik Negara
 - C Mengimbangi komposisi penduduk
 - D Mengimbangi pengaruh kuasa pembesar
7. Pada bulan Oktober 1962, Parti politik Sarawak membentuk Parti Perikatan Sarawak menyokong Malaysia. Antara parti terlibat ialah
 - I. Parti Negara Sarawak
 - II. Barisan Rakyat Jati Sarawak
 - III. Sarawak United People Party
 - IV. Parti Kebangsaan Melayu Sarawak
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
8. Mengapakah pada peringkat awal penduduk Sabah menolak rancangan pembentukan Malaysia?
 - A Tentangan daripada Indonesia
 - B Terpengaruh dengan fahaman komunis
 - C Kurang yakin untuk memerintah sendiri
 - D Menyokong Persekutuan Borneo
9. USNO telah menyokong idea pembentukan Malaysia sejak awal lagi. Tokoh yang memimpin USNO ialah
 - A Ong Kee Hui
 - B Donald Stephens
 - C Stephen Kalong Ningkan
 - D Datu Mustapha Datu Harun
10. Mengapakah Barisan Sosialis menentang pembentukan Malaysia?
 - A Menggugat proses kemerdekaan
 - B Memecahbelahkan perpaduan kaum
 - C Membantutkan perkembangan ekonomi
 - D Satu bentuk penjajahan baru
11. Parti Rakyat Brunei pimpinan A.M. Azahari telah menentang gagasan Malaysia. Mengapakah beliau menentang?
 - A Menjaga hak peribumi
 - B Tekanan penjajah British
 - C Mengawal sumber ekonomi Borneo
 - D Menggabungkan Borneo dalam satu Kesatuan

12. Kerajaan Thailand memberikan reaksi positif dan menerima idea pembentukan Malaysia kerana
- memesatkan perkembangan ekonomi
 - menguatkan perpaduan negara serantau
 - membantu perkembangan ekonomi Thailand
 - memperkuat usaha ke arah keamanan serantau
13. Tokoh dari Sabah yang mengadakan lawatan untuk meninjau kemajuan Persekutuan Tanah Melayu pada bulan Ogos 1962 ialah
- Datu Mustapha Datu Harun
 - Datu Patinggi Abang Haji Abdillah
 - Temenggung Jugah anak Barieng
 - Datu Bandar Abang Haji Mustapha
14. Apakah tujuan Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM) ditubuhkan pada 23 Julai 1961?
- Meninjau pandangan penduduk Sarawak dan Sabah
 - Meyakinkan penduduk Sarawak dan Sabah
 - Mendapatkan sokongan penduduk Sarawak dan Sabah
 - Mendapatkan sokongan penduduk Sarawak dan Sabah
15. Badan yang ditugaskan meninjau pandangan pembentukan Malaysia di pengurusikan oleh
- Sir Anthony Abell
 - Sir Lord Cobbold
 - Sir David Watherston
 - Muhammad Ghazali Shafie
16. Perjanjian Malaysia atau Malaysia Agreement (MA63) telah ditanda-tangani pada 9 Julai 1963 di London. Apakah prinsip utama perjanjian ini?
- Hak yang sama
 - Perpaduan rakyat
 - Kerjasama ekonomi
 - Meningkatkan taraf hidup rakyat
17. Siapakah yang mewakili kerajaan Persekutuan dalam majlis Pengisytiharan Malaysia di Kota Kinabalu?
- Khair Johari
 - Ghaffar Baba
 - Tun Abdul Razak Hussein
 - Tunku Abdul Rahman Putra
18. Alasan Dr. Subandrio, Menteri Luar Indonesia mengumumkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia kerana
- satu bentuk penjajahan baru
 - Indonesia tidak diajak berunding
 - mengancam kedudukan Indonesia
 - menggagalkan usaha pembentukan Melayu Raya
19. Apakah tujuan Tun Abdul Razak Hussein menandatangani perjanjian Indonesia-Malaysia di Jakarta pada 11 Ogos 1966.?
- Meningkatkan ekonomi
 - Menamatkan konfrontasi
 - Memantapkan pertahanan
 - Mengatasi ancaman komunis
20. Nilai yang perlu diamalkan oleh rakyat Malaysia bagi memastikan kestabilan negara dan mengelakkan ancaman daripada negara luar ialah
- bertoleransi
 - bersatu padu
 - bekerjasama
 - tolong menolong

Bahagian B: Soalan Respon Terhad

- 1. Pembentukan Malaysia mendapat reaksi daripada pelbagai pihak.
 - a. Mengapakah pada peringkat awal cadangan pembentukan Malaysia, penduduk Sabah berasa curiga dan bimbang?

.....

.....

.....

3 markah

- b. Mengapakah Parti Rakyat Brunei yang dipimpin oleh A.M. Azahari menentang cadangan pembentukan Malaysia?

.....

.....

.....

3 markah

- c. Pada pandangan anda, apakah iktibar yang boleh diambil daripada usaha pemimpin negara kita menjayakan pembentukan Malaysia?

.....

.....

.....

.....

4 markah

- 2. Gambar berikut menunjukkan Tunku Abdul Rahman mengadakan sidang akhbar mengumumkan akan ke London bagi menandatangani Perjanjian Pembentukan Malaysia



a. Nyatakan tiga inti pati yang terkandung dalam Perjanjian Malaysia 1963?

- i.
- ii.
- iii.

3 markah

b. Senarai tokoh yang terlibat mengumumkan Istiadat pengisytiharan Malaysia diisytiharkan pada 16 September 1963. serentak di Kuala Lumpur, Sarawak dan Sabah.

- i. Kuala Lumpur :
- ii. Kuching :
- iii. Kota Kinabalu :

3 markah

c. Pada pendapat anda, apakah kesan pembentukan Malaysia terhadap kemakmuran negara kita sehingga hari ini

.....

.....

.....

.....

4 markah

Bahagian C: Soalan Respon Terbuka

1. Pembentukan Malaysia telah mendapat tentangan daripada Kerajaan Indonesia. Pada 20 Januari 1963, Menteri Luar Indonesia Dr Subandrio mengumumkan dasar konfrantasi dengan Malaysia.

- a. Nyatakan peristiwa penentangan Indonesia. 6 markah
- b. Jelaskan langkah-langkah yang diambil untuk menamatkan konfrantasi dengan Indonesia. 6 markah
- c. Andaikan anda sebagai seorang pemimpin negara, bagaimanakah anda menyelesaikan penentangan pihak yang tidak bersetuju dengan pembentukan Malaysia? 8 markah

6. CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA

6.1 Cabaran Dalam Malaysia

Pembentukan Malaysia membuktikan kejayaan Persekutuan yang terdiri daripada 13 buah negeri terpaksa berhadapan dengan cabaran dalaman kerana mempunyai penduduk yang terdiri daripada pelbagai latar belakang kaum dan etnik. Negara perlu mewujudkan keseimbangan pembangunan dan sosioekonomi.

Cabaran utama Malaysia adalah dalam bidang pembangunan dan ekonomi terutama di Sarawak dan Sabah selain menghadapi cabaran dalam persaingan politik yang boleh menggugat perpaduan kaum. Ancaman komunis turut menjadi cabaran bagi mewujudkan keamanan dan keselamatan negara.

Cabaran yang Dihadapi oleh Malaysia

Negara kita menghadapi pelbagai cabaran selepas pembentukan Malaysia. Antara cabaran yang dihadapi termasuklah pembangunan dan sosioekonomi di Sarawak dan Sabah, krisis politik di Sarawak dan perpaduan kaum.

1. Cabaran Pembangunan dan Sosioekonomi di Sarawak dan Sabah

- i. Pembentukan Malaysia menawarkan peluang ekonomi yang lebih luas kepada semua negeri. Hasil bahan asli yang disumbangkan oleh Sarawak dan Sabah meningkatkan jumlah eksport negara.
- ii. Pengeluaran ekonomi negara bertambah daripada getah dan bijih timah kepada lada hitam, petroleum, minyak kelapa sawit, kayu balak dan koko. Walau bagaimanapun, negara menghadapi cabaran bagi menyeimbangkan pembangunan dan ekonomi di kedua-dua negeri ini.

a. Mempelbagaikan Kegiatan Ekonomi

- i. Sarawak dan Sabah mempunyai kekayaan hasil bumi yang banyak, namun rakyat masih mengamalkan pertanian sara diri. Bagi melibatkan rakyat dengan aktiviti ekonomi komersial, maka kerajaan perlu menyusun bidang pekerjaan.
- ii. Dalam usaha menghadapi cabaran ini, kerajaan mempelbagaikan pertanian komersial seperti kelapa sawit, getah dan koko. Kerajaan juga membuka peluang kepada penduduk menyertai kegiatan ekonomi berkaitan dengan petroleum.

b. Memajukan Sistem Perhubungan dan Pengangkutan

- i. Saiz negeri yang besar bagi Sarawak dan Sabah menjadi cabaran dalam bidang perhubungan dan pengangkutan. Kedua-dua negeri masih

bergantung pada sistem pengangkutan air (sungai dan laut) bagi tujuan perhubungan.

- ii. Tugas utama kerajaan adalah untuk membina sistem perhubungan dan pengangkutan terutama kepada penduduk di kawasan pedalaman.
- iii. Usaha menyeimbangkan pembangunan dilakukan melalui Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia. Sarawak dan Sabah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Pertama bermula pada tahun 1966.

c. Memajukan Sistem Pendidikan

- i. Kebanyakan sekolah yang wujud pada zaman British ialah sekolah vernakular Inggeris dan Cina yang berada di kawasan bandar. Penduduk di kawasan pedalaman tidak mendapat peluang secukupnya untuk bersekolah.
- ii. Usaha ditumpukan untuk membina sekolah dan melatih tenaga guru bagi memberikan pendidikan kepada penduduk, khususnya kaum bumiputera.

2. Cabaran Politik di Sarawak

- i. Krisis perlembagaan berlaku di Sarawak pada bulan Jun 1966, apabila 21 orang ahli Council Negri tidak berpuas hati dengan kepimpinan Stephen Kalong Ningkan sebagai Ketua Menteri Sarawak. Beliau dipecat oleh Gabenor pada bulan Jun 1966.
- ii. Stephen Kalong Ningkan mencabar tindakan ini di Mahkamah Tinggi Sarawak dan memenangi kes ini pada bulan September 1966. Beliau kembali menjadi Ketua Menteri, namun beliau mendapat undi tidak percaya daripada Council Negri.
- iii. Krisis politik menyebabkan ketidakstabilan di Sarawak serta mengancam keselamatan dan keamanan. Pada bulan September 1966, darurat diisytiharkan di Sarawak. Stephen Kalong Ningkan digantikan dengan Tawi Sli.

3. Cabaran Perpaduan Kaum

- i. Usaha mewujudkan perpaduan kaum dan integrasi nasional merupakan cabaran besar yang dihadapi oleh Malaysia.
- ii. Penduduk negara kita mempunyai pelbagai kaum antaranya termasuklah Melayu, Cina, India, Melanau, Iban, Bidayuh, Kadazandusun, Murut dan Bajau. Dengan penduduk yang pelbagai budaya ini, perpaduan sentiasa menjadi agenda bagi pengurusan masyarakat dan pemerintahan negara ini.
- iii. Selain itu, jarak antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah yang jauh menjadi cabaran kepada integrasi nasional serta sukar memupuk semangat satu negara.

6.2 Pemisahan Singapura

Pemisahan Singapura menjadi cabaran utama selepas pembentukan Malaysia. Masalah hubungan antara

pemimpin Persekutuan dengan Singapura disebabkan faktor politik, ekonomi dan sosial yang telah ada sebelum Singapura menyertai Malaysia.

Faktor Pemisahan

1. Politik

Lee Kuan Yew tidak berpuas hati dengan peranan kerajaan Singapura yang terhad.

Konflik antara pemimpin PAP dengan Perikatan. Kempen Malaysian Malaysia oleh Lee Kuan Yew menuntut hak sama untuk semua kaum menimbulkan keresahan dalam kalangan penduduk.

2. Ekonomi

Singapura menuntut pembukaan pasaran bersama (common market) disegerakan. Singapura tidak berpuas hati dengan cadangan tambahan cukai yang perlu diberikan kepada Kerajaan Persekutuan.

Singapura juga mahu mengenakan kadar faedah terhadap sebahagian daripada pinjaman sebanyak RM150 juta kepada Kerajaan Persekutuan untuk pembangunan Sarawak dan Sabah.

3. Masalah Perkauman

Telah berlaku rusuhan kaum di Singapura pada 21 Julai 1964 yang menimbulkan ketegangan antara kaum. Rusuhan ini berlaku ekoran daripada usaha menuntut persamaan hak yang sama rata bagi semua kaum. Perkara ini menjadi isu antara kaum.

Pemisahan Singapura daripada Malaysia

- i. 29 Jun 1965 Kegagalan rundingan Tun Abdul Razak Hussein dengan Lee Kuan Yew
- ii. 1 Julai 1965 Setelah rundingan tidak berjaya, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mengarahkan Tun Abdul Razak Hussein bermesyuarat dengan beberapa menteri seperti Dr. Ismail Abdul Rahman, Tan Siew Sin dan V.T. Sambanthan untuk berbincang tentang pemisahan.
- iii. Awal Ogos 1965 Mesyuarat Khas Kabinet Malaysia bersetuju dengan rancangan pemisahan
- iv. 7 Ogos 1965 Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dan Lee Kuan Yew menandatangani persetujuan untuk Singapura keluar daripada Malaysia.
- v. 9 Ogos 1965 Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj membawa usul pemisahan Singapura ke dalam Parlimen Malaysia. Parlimen meluluskan rang undang-undang pemisahan Singapura.

6.3 Menangani Ancaman Komunis

Kegiatan komunis menjadi ancaman kepada keselamatan negara sejak sebelum merdeka. Antara

kegiatan yang dilakukan oleh komunis termasuklah melakukan serangan bersenjata terhadap anggota pasukan keselamatan, menyerap masuk ideologi komunis dan melakukan kegiatan sabotaj terhadap kemudahan awam. Kerajaan mengambil langkah yang serius untuk membanteras kegiatan komunis di negara kita

1. Ancaman Keselamatan di Sarawak

Gerakan komunis di Sarawak bermula sejak pendudukan Jepun oleh CCO. Bahagian Pertama dan Ketiga di Sarawak menjadi sasaran utama komunis. Komunis melakukan kegiatan serangan dan subversif terhadap orang awam.

a. Bentuk Ancaman

Komunis melakukan ancaman melalui gerakan politik dan serangan bersenjata.

i. Gerakan Politik

Gerakan komunis juga terlibat dalam politik. Mereka menentang gagasan Malaysia. Pelibatan mereka menyebabkan kerajaan Sarawak memburu dan menangkap ahli yang terlibat. Mereka melarikan diri ke Kalimantan dan membentuk Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU). PKKU meneruskan penentangan melalui Pasukan Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU) dan Pasukan Gerila Rakyat Sarawak (PGRS) untuk membentuk republik komunis di Sarawak.

ii. Serangan Bersenjata

Pada 5 Ogos 1952, komunis menyerang kawasan Batu Kitang, Kuching, Sarawak yang menandakan permulaan serangan komunis terhadap orang awam.

b. Usaha Mengatasi

Kerajaan melaksanakan dua kaedah, iaitu gerakan perang saraf dan operasi ketenteraan bagi mengatasi ancaman komunis.

i. Perang Saraf

- Pihak berkuasa mengambil langkah yang berikut:
- Mengadakan perhimpunan awam dengan memberikan kesedaran tentang bahayanya ancaman komunis.
- Menyebarkan risalah untuk menyampaikan maklumat tentang bahaya ancaman komunis dan menanamkan kebencian terhadap komunis.
- Mengisytiharkan kawasan putih yang bebas daripada ancaman komunis.
- Tawaran program pengampunan kepada anggota komunis.

- Pembangunan infrastruktur dengan menyediakan kemudahan perhubungan yang lebih baik kepada penduduk.

ii. Operasi Ketenteraan

Beberapa operasi ketenteraan dijalankan, iaitu Operasi Hammer 1965 di Bahagian Pertama. Operasi oleh RASCOM pula dilaksanakan di Bahagian Ketiga. Seterusnya, Operasi Sri Aman dilancarkan di Bahagian Kedua. Semua operasi ini berjaya melemahkan gerakan komunis di Sarawak.

Operasi Hammer Sarawak

- Ancaman komunis di Sarawak membangkitkan semangat penentangan daripada penduduk tempatan. Penentangan berlaku kerana komunis membunuh orang awam. Kerajaan menggunakan kaedah sama yang diguna pakai dalam Rancangan Briggs untuk dilaksanakan di Sarawak. Rancangan berbentuk memenangi hati rakyat ini dinamakan Operasi Hammer.
- Bermula pada bulan Julai 1965, rancangan ini dilaksanakan dengan mendirikan petempatan baharu untuk seramai lebih kurang 7500 orang. Dalam tempoh tiga hari, seramai 1200 keluarga yang kebanyakannya berketurunan Hakka diarahkan berpindah ke tiga kawasan petempatan baharu sepanjang Jalan Kuching-Serian. Penempatan ini dikawal sepanjang masa dan dikenakan perintah berkurung dalam tempoh 24 jam sehari bagi melindungi penduduk daripada ancaman komunis.
- Operasi Hammer menyebabkan gerakan komunis di Sarawak mulai goyah. Langkah pembanterasan yang berterusan menyebabkan komunis ditangkap. Operasi Jala Raja pula dilancarkan di Asajaya di Bahagian Pertama pada awal tahun 1970.
- Pada 13 Oktober 1973, Bong Kee Chok, pemimpin komunis menulis surat kepada Datuk Patinggi Abdul Rahman Ya'kub, Ketua Menteri Sarawak bagi menyatakan hasrat untuk berunding. Selepas beberapa hari, seramai lebih kurang 500 anggota komunis keluar dari hutan dan menyerah diri.

Langkah Membanteras Ancaman Komunis

- 6 Julai 1965 Operasi Hammer dilancarkan. Tiga kampung baru dibuka di Bahagian Pertama.
- 8 Ogos 1973 Operasi besar-besaran rampasan senjata di Bahagian Ketiga
- 24 Februari 70 Operasi Jala Raja di Asajaya, Bahagian Pertama
- 8 Ogos 1971 Operasi Ngayau dilancarkan di Bahagian Ketiga
- 26 Mac 1972 Rajang Area Security Command (RASCOM) dibentuk di Bahagian Ketiga
- 21 Oktober 1973 Operasi Sri Aman dilancarkan.

- 4 Julai 1974 Operasi Sri Aman ditamatkan. Anggota komunis menyerah diri.
- 17 Oktober 1990 Perjanjian damai menamatkan ancaman komunis yang diadakan antara pihak komunis dengan kerajaan Sarawak.

c. Ancaman Keselamatan di Semenanjung Malaysia

Parti Komunis Malaya (PKM) meneruskan kegiatan mengancam keselamatan di Semenanjung Malaysia. PKM bertindak agresif dengan menyerang anggota keselamatan dan orang awam serta memusnahkan kemudahan awam.

i. Pembunuhan Anggota Keselamatan dan Orang Awam

Komunis melakukan serang hendap terhadap pasukan keselamatan. Kemuncak ancaman komunis ialah pembunuhan pegawai kanan polis.

- Pada 17 Jun 1968, PKM telah melakukan serang hendap terhadap pasukan keselamatan di Kroh, Perak yang mengorbankan seramai 16 anggota keselamatan.
- Pada 7 Jun 1974, menembak mati Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahman Hashim di Kuala Lumpur.
- Pada 13 November 1975, menembak mati Ketua Polis Negeri Perak, Tan Sri Khoo Chong Kong dan pemandunya di Ipoh.

Selain itu, orang awam dan kemudahan awam turut menjadi sasaran komunis.

- Pada bulan Julai 1969, seorang wanita diseksa sehingga mati di Sintok, Kedah.
- Periuk api dipasang di sepanjang Jalan Changlun, Kedah.
- Jalan raya dan jambatan kereta api diletupkan.

ii. Pengeboman Tugu Negara

Pada pagi 26 Ogos 1975, PKM meletupkan Tugu Negara di Kuala Lumpur. Tindakan mengebom tempat awam menimbulkan kemarahan rakyat terhadap komunis dan menuntut kerajaan mengambil tindakan tegas termasuklah mengenakan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Pihak keselamatan telah mengambil langkah bagi mengawasi kegiatan komunis.

Usaha Mengatasi

Terdapat pelbagai langkah yang diambil bagi melindungi rakyat dan orang awam daripada ancaman komunis. Antara langkah yang diambil termasuklah:

1. Strategi Counterinsurgency (COIN)

Langkah ini merupakan usaha keselamatan dan pembangunan untuk memenangi hati dan fikiran rakyat bagi menyokong agenda dan dasar kerajaan memerangi komunis. Strategi yang digunakan ialah kerjasama antara pasukan keselamatan, ahli politik dan agensi kerajaan untuk menjalankan strategi COIN yang berkesan.

2. Perjanjian Kerjasama Sempadan

- i. Usaha membanteras komunis menghadapi masalah kerana mereka membina khemah di luar sempadan negara. Oleh itu, langkah utama yang diambil seperti mengadakan persefahaman antara kerajaan Malaysia dengan kerajaan Thailand melalui Perjanjian Kerjasama Sempadan Memerangi Komunis 1976 di Thailand. Antara langkah yang dijalankan termasuklah membina pagar sempadan dan operasi bersama.
- ii. Perjanjian Hat Yai pula diadakan pada 2 Disember 1989 di Hat Yai, Thailand antara PKM, Malaysia dan Thailand. PKM bersetuju membubarkan unit bersenjata serta memusnahkan segala senjata api, bahan letupan dan jerangkap samar.

6.4 Isu Pembangunan dan Ekonomi

Kerajaan telah membentuk rancangan pembangunan lima tahun bagi memastikan usaha pembangunan dan ekonomi nasional dapat dilaksanakan di semua negeri. Kerajaan Persekutuan meneruskan usaha ini dengan melibatkan Sarawak dan Sabah dalam Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia sebaik-baik terbentuknya Malaysia.

1. Rancangan Malaysia Pertama

Dalam usaha menangani isu pembangunan dan ekonomi negara, kerajaan memperkenalkan Rancangan Malaysia Pertama. Antara isu yang dihadapi termasuklah kedudukan sosioekonomi penduduk berpendapatan rendah serta taraf pendidikan yang masih rendah. Pelbagai usaha dilaksanakan oleh kerajaan bagi meningkatkan taraf hidup ekonomi rakyat melalui rancangan ini.

Isu Pembangunan Ekonomi

Terdapat pelbagai isu yang perlu ditangani oleh kerajaan dalam usaha meningkatkan taraf hidup penduduk. Antaranya termasuklah kurangnya penyediaan bantuan kewangan oleh institusi kewangan bagi pengusaha bumiputera. Selain itu, kemudahan pengangkutan dan perhubungan terutama di kawasan luar bandar juga perlu ditambah baik.

ISU

- i. Terlalu bergantung pada eksport getah dan bijih timah.
- ii. Kejatuhan harga bahan mentah. Penduduk yang terlibat dalam bidang pertanian masih ketinggalan terutama penggunaan teknologi dan peralatan. Petani masih merupakan golongan berpendapatan rendah.
- iii. Pertanian komersial lain masih kurang diusahakan oleh petani.

Usaha Mengatasi

- i. Mempelbagaikan kegiatan ekonomi pertanian dan industri pemprosesan.
- ii. Mencari pasaran baharu bagi getah dan bijih timah.
- iii. Mempelbagaikan bidang pertanian terutama kelapa sawit dan koko.
- iv. Mempelbagaikan pengeluaran komoditi negara.

ISU

Taraf hidup yang berbeza.

Usaha Mengatasi

- i. Melancarkan program pembangunan negara berasaskan satu rancangan bersepadu.
- ii. Menggerakkan aktiviti perkilangan dan pembuatan negara dengan membuka kawasan baharu.
- iii. Mempercepat integrasi dalam kalangan penduduk dan negeri di Malaysia.
- iv. Mendapatkan bantuan Bank Dunia.

ISU

- i. Peluang pekerjaan yang terhad.
- ii. Kadar pengangguran meningkat.

Usaha Mengatasi

- i. Menubuhkan pusat latihan vokasional dan teknikal.
- ii. Meluaskan peluang pekerjaan kepada penduduk.

ISU

- i. Masalah kesihatan dan social.
- ii. Keperluan asas dan hak wanita dari segi kehamilan yang terhad untuk memperoleh kesihatan terbaik.
- iii. Kurangnya kemudahan perkhidmatan kesihatan profesional kepada ibu-ibu yang mengandung.
- iv. Kadar kelahiran tidak normal dan kematian yang tinggi.

Usaha Mengatasi

- i. Mengurangkan kadar kelahiran.
- ii. Memperkenalkan program Perancang Keluarga.

- iii. Menambah baik perkhidmatan kesihatan di kawasan luar bandar.

6.5 Tragedi Hubungan antara Kaum

Peristiwa rusuhan antara kaum berlaku pada 13 Mei 1969, bermula beberapa hari setelah diadakan Pilihan Raya Umum Ketiga. Keputusan pilihan raya menyebabkan berlakunya ketegangan antara penyokong parti politik yang memprovokasikan keadaan. Situasi ini mencetuskan rusuhan antara kaum di negara kita. Rusuhan yang berlaku lebih tertumpu di Kuala Lumpur, Selangor dan kawasan di sekitarnya.

1. Rusuhan Kaum

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya rusuhan kaum di negara kita. Antaranya termasuklah:

- i. Kesan daripada ketidakseimbangan dalam ekonomi dan sosial di negara kita.
- ii. Keadaan dan keputusan Pilihan Raya Umum Ketiga 1969 merupakan sebab utama teretusnya peristiwa ini. Ketegangan bermula dengan kempen pilihan raya. Terdapat parti politik mengeksploitasi isu yang menyentuh sensitiviti sesuatu kaum semasa berkempen.
- iii. PKM mengambil kesempatan semasa pilihan raya untuk mempengaruhi penduduk supaya bermusuhan antara kaum.
- iv. Parti yang bertanding telah berkempen menggunakan sentimen perkauman dan keagamaan untuk mendapat sokongan daripada pengundi.
- v. Perarakan kemenangan pilihan raya tidak terkawal menimbulkan kekacauan dan perbuatan provokatif.

2. Langkah yang Diambil bagi Mengatasi Masalah Peristiwa 13 Mei 1969

Peristiwa 13 Mei 1969 menyebabkan berlaku ketegangan hubungan antara kaum. Langkah serta-merta telah diambil bagi mengelakkan kekacauan dan menghentikan rusuhan serta menghalang daripada merebak ke bandar-bandar lain. Antara langkah yang diambil termasuklah pengisytiharan darurat, pembentukan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) dan peranan yang dimainkan oleh Raja-raja Melayu.

a. Darurat

Pengisytiharan perintah darurat dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong pada 16 Mei 1969 ke seluruh negara. Antara perkara yang diputuskan termasuklah:

- i. Perlembagaan digantung manakala Parlimen ditangguh.
- ii. Mewujudkan pusat perlindungan di beberapa tempat semasa darurat.

- iii. Pihak polis menguatkuasakan perintah berkurung. Orang ramai tidak dibenarkan keluar dan dikehendaki tinggal di kediaman masing-masing.
- iv. Penubuhan jawatankuasa bertugas untuk menyusun semula perkhidmatan penerangan kerajaan
- v. Semua berita daripada pihak media ditapis bagi memastikan kesahihannya.
- vi. Kerajaan juga memastikan bekalan makanan diperoleh penduduk terutama di pusat perlindungan.
- vii. Mangsa rusuhan dipindahkan ke pusat perlindungan di Stadium Merdeka dan Tiong Nam Settlement. Semangat saling membantu ketika ketegangan dalam kalangan anggota masyarakat dapat dilihat di pusat perlindungan ini.
- viii. Pihak berkuasa memagar kawasan Kampung Baru dan menjadikannya kawasan perintah berkurung yang besar. Sementara itu, tentera memberikan perlindungan kepada penduduk yang berlindung di beberapa kem tentera.

b. Majlis Gerakan Negara [MAGERAN]

Yang di-Pertuan Agong memperkenankan penubuhan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) dipengerusikan oleh Tun Abdul Razak Hussein. Ahlinya terdiri daripada pegawai perkhidmatan awam, pegawai tinggi polis dan tentera. MAGERAN diberi kuasa memerintah semasa darurat dari 16 Mei 1969 hingga 23 Februari 1971 dan bertanggungjawab mengawal ketenteraman negara. Fokus utama yang perlu diselesaikan oleh MAGERAN ialah masalah perpaduan kaum dan ketidakseimbangan ekonomi.

Tanggungjawab MAGERAN termasuklah:

- i. Mengembalikan keamanan dan undang-undang
- ii. Menentukan pentadbiran yang licin dalam negara
- iii. Mengembalikan keharmonian dan kepercayaan antara kaum dalam negara
- iv. Menggantung sementara penerbitan semua akhbar sehingga keadaan negara kembali tenang
- v. Menguatkuasakan Akta Hasutan 1948.
- vi. Jabatan Penerangan menapis berita palsu dan menerangkan usaha kerajaan

C. Peranan Raja

Raja-raja Melayu turut memainkan peranan dalam usaha memulihkan keadaan negara. Semasa berlakunya rusuhan kaum, Sultan Perak, Sultan Idris Iskandar Shah II, menasihati rakyat agar menjaga keamanan.

Berikutan itu, pemimpin masyarakat dan politik negeri Perak menubuhkan Jawatankuasa Muhibah. Jawatankuasa ini menulis surat merayu penduduk agar bertenang dan membantu negara mengekalkan keamanan.

Bahagian A: Soalan Objektif

1. Cabaran utama bagi Malaysia terutama di Sarawak dan Sabah selepas pembentukan Malaysia adalah dalam bidang
 - A perpaduan kaum
 - B persaingan politik
 - C pembangunan dan ekonomi
 - D mewujudkan keamanan dan keselamatan
2. Apakah permintaan Tun Abdul Razak Hussein kepada semua rakyat Malaysia dalam buku Strategy For Action dalam usaha membangunkan negara?
 - A Berdikari
 - B Berdedikasi
 - C Bekerjasama
 - D Bertolak ansur
3. Usaha yang ditumpukan bagi memberikan pendidikan kepada penduduk, khususnya kaum bumiputera di Sarawak dan Sabah ialah
 - I. membina sekolah
 - II. melatih tenaga guru
 - III. mewajibkan pendidikan
 - IV. memperkenalkan sukatan baru
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
4. Langkah yang diambil untuk menyelesaikan krisis politik di Sarawak yang mengancam keselamatan dan keamanan ialah
 - A melantik Gabenor baru
 - B mengisytiharkan darurat
 - C Mengadakan pilihan raya
 - D menggantung Perlembagaan
5. Mengapakah Lee Kuan Yew tidak berpuas hati dengan Persekutuan sehingga membawa kepada pemisahan Singapura?
 - A Menuntut kuasa politik yang lebih
 - B Peranan kerajaan Singapura yang terhad
 - C Penguasaan ekonomi oleh kerajaan persekutuan
 - D Campur tangan kerajaan persekutuan dalam krisis di Singapura
6. Pada 9 Ogos 1965 Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj membawa usul ke dalam Parlimen Malaysia. Usul tersebut berkaitan
 - A Pemisahan Singapura
 - B Konfrontasi Indonesia

- C Keganasan Bintang Tiga
- D Penyertaan Brunei dalam Malaysia

7. Gerakan komunis di Sarawak bermula sejak pendudukan Jepun oleh CCO. Bahagian menjadi sasaran utama komunis di Sarawak ialah
 - I. Miri
 - II. Bintulu
 - III. Pertama
 - IV. Ketiga
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
8. Maklumat berikut antara langkah bagi mengatasi ancaman komunis di Sarawak

- Mengadakan perhimpunan awam
- Menyebarkan risalah

Kaedah yang digunakan ialah

- A Gerakan perang saraf
 - B Operasi ketenteraan
 - C Operasi Sri Aman
 - D Operasi Hammer
9. Kaedah sama yang diguna pakai dalam Rancangan Briggs untuk dilaksanakan di Sarawak ialah
 - A Rajang Area Security Command
 - B Gerakan perang saraf
 - C Operasi Ngayau
 - D Operasi Hammer
 10. Datuk Patinggi Abdul Rahman Ya'kub menandatangani memorandum persefahaman yang membawa kepada berakhimya ancaman komunis di Sarawak. Memorandum tersebut ditandatangani di
 - A Bandar Kuching
 - B Rumah Sarawak
 - C Rumah Sri Aman
 - D Bandar Sarekei
 11. Pada 13 November 1975, Ketua Polis Negeri dan pemandunya ditembak mati. Peristiwa berikut berlaku di
 - A Ipoh
 - B Raub
 - C Seremban
 - D Kuala Lumpur

12. Apakah langkah yang diambil oleh pihak keselamatan untuk mengatasi kegiatan komunis supaya peristiwa pengeboman Tugu Negara tidak berulang?
- A Perkuatkan perkhidmatan risikan
 - B Mengawal kawasan Tugu Negara
 - C Mengambil tindakan tegas terhadap komunis
 - D Mengenakan Akta Keselamatan Dalam Negeri
13. Apakah Strategi Counterinsurgency (COIN) dalam usaha keselamatan dan pembangunan bagi menyokong agenda dan dasar kerajaan memerangi komunis?
- A Membina pagar di sempadan
 - B Memenangkanhati dan fikiran rakyat
 - C Melaksanakan Akta Keselamatan Dalam Negeri
 - D Perjanjian Kerjasama dengan kerajaan Thailand
14. Pengumuman Rancangan Malaysia Pertama dibuat di bilik Gerakan Pembangunan Negara. Tokoh yang membuat pengumuman tersebut ialah
- A Tun Hussien Onn
 - B Tun Abdul Razak Hussein
 - C Tunku Abdul Rahman Putra
 - D Tun Dr. Ismail Abdul Rahman
15. Apakah masalah yang dihadapi oleh pengusaha bumiputera dengan institusi kewangan untuk memajukan kegiatan mereka?
- A Kemudahan kredit
 - B Skim pinjama modal
 - C Kadar faedah yang tinggi
 - D Penyediaan bantuan kewangan
16. Kerajaan melaksanakan pelbagai program dalam usaha mengatasi isu pembangunan dan ekonomi negara. Apakah langkah penting yang perlu diambil oleh rakyat bagi mengekalkan keamanan negara?
- A Hidup bersatu padu
 - B Saling bekerjasama
 - C menjaga kestabilan politik
 - D Mengamalkan sikap toleransi
17. Apakah isu yang wujud dalam usaha mempercepat integrasi dalam kalangan penduduk dan negeri di Malaysia?
- A taraf hidup yang berbeza
 - B masalah kesihatan dan sosial
 - C peluang pekerjaan yang terhad
 - D kadar pengangguran meningkat
18. Pihak mengambil kesempatan semasa Pilihan Raya Umum 1969 untuk mempengaruhi penduduk supaya bermusuhan antara kaum sehingga mencetuskan rusuhan ialah
- A Parti Sayap Kiri
 - B Parti Perikatan
 - C Parti Komunis Malaya
 - D Parti Tindakan Rakyat
19. Langkah semerta yang Diambil bagi mengatasi masalah Peristiwa 13 Mei 1969 ialah
- A Membina keharmonian kaum.
 - B Pengisytiharan perintah darurat
 - C Melaksana perintah berkurung
 - D Menubuhkan Jawatankuasa Muhibah
20. Pihak yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan MAGERAN untuk menapis berita palsu dan menerangkan usaha kerajaan ialah
- A Jabatan Penerangan
 - B Jabatan Perdana Menteri
 - C Kementerian dalam Negeri
 - D Jabatan Komunikasi dan Multimedia

Bahagian B: Soalan Respon Terhadap

1. Pemisahan Singapura menjadi cabaran utama selepas pembentukan Malaysia. Masalah hubungan antara pemimpin Persekutuan dengan Singapura disebabkan faktor politik, ekonomi dan sosial.
- a. Nyatakan faktor politik yang mendorong pemisahan Singapura daripada Malaysia.
- i.
- ii.
- 2 markah
- b. Nyatakan faktor ekonomi yang membawa pemisahan Singapura daripada Malaysia.
- i.
- ii.
- 2 markah
- c. Senaraikan kronologi pemisahan Singapura daripada Malaysia
-
-
-
- 3 markah
- d. Pada pendapat anda, apakah rasional tindakan Tunku Abdul Rahman Putra mengambil langkah mengeluarkan Singapura daripada Malaysia
-
-
-
- 3 markah
2. Terdapat pelbagai isu yang perlu ditangani oleh kerajaan dalam usaha meningkatkan taraf hidup penduduk.
- a. Nyatakan usaha kerajaan bagi menyelesaikan isu terlalu bergantung pada eksport getah dan bijih timah.
- i.
- ii.
- iii.
- 3 markah

b. Bagaimanakah kerajaan menyelesaikan isu taraf hidup yang berbeza dalam kalangan rakyat?

i.

ii.

iii.

3 markah

c. Pada pandangan anda, bagaimanakah cara rakyat boleh membantu kerajaan mengatasi isu pembangunan dan ekonomi di negara kita?

.....

.....

.....

.....

4 markah

Bahagian C: Soalan Respon Terbuka

1. Kegiatan komunis menjadi ancaman kepada keselamatan negara sejak sebelum merdeka.

a. Jelaskan tentang gerakan komunis di Sarawak

6 markah

b. Bagaimanakah kerajaan bertindak bagi mengatasi ancaman komunis di Sarawak?

8 markah

c. Pada pendapat anda, apakah rasional tindakan kerajaan menangani ancaman komunis?

6 markah

BAB 7 : MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA

7.1 . Perpaduan dan Integrasi Nasional

Pembinaan negara Malaysia berasaskan perpaduan kaum dan integrasi nasional menjadi asas kekuatan negara kita yang terdiri daripada rakyat berbilang kaum. Hubungan kaum terus diperkukuh selepas negara mencapai kemerdekaan dan pembentukan Malaysia.

1. Maksud Perpaduan dan Integrasi Nasional

Perpaduan dan integrasi merupakan dua konsep yang saling berkait rapat dan berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Prinsip Rukun Negara.

a. Perpaduan Kaum

Perpaduan kaum ialah keadaan rakyat daripada pelbagai etnik, agama dan wilayah hidup dengan aman dalam masyarakat yang bersatu. Mereka memberikan komitmen yang penuh kepada identiti kebangsaan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

b. Integrasi Nasional

Integrasi nasional merupakan satu proses dinamik yang merapatkan hubungan masyarakat antara negeri dengan wilayah bagi membentuk satu bangsa. Mereka ini mempunyai identiti sendiri berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

2. Latar Belakang Hubungan Kaum

- i. Pentadbiran British menyebabkan pemisahan kaum dari segi kegiatan ekonomi dan petempatan. Keadaan ini menyukarkan setiap kaum untuk memahami adat resam budaya kaum lain.
- ii. Selepas Perang Dunia Kedua, usaha dilakukan oleh para pemimpin pelbagai kaum untuk bekerjasama bagi mewujudkan perpaduan. Beberapa faktor sejarah dikenal pasti menjadi punca kepada masalah perpaduan. Antaranya termasuklah kesan pentadbiran, kegiatan ekonomi dan petempatan, sistem pendidikan serta fahaman politik.

a. Kesan Dasar British

i. Pentadbiran

- Pentadbiran British bermula pada tahun 1874 menerusi pengenalan Sistem Residen. Dasar British yang mengutamakan sektor ekonomi menyebabkan pekerja dibawa masuk dari luar untuk bekerja dalam sektor perlombongan, perladangan dan pemiagaan.
- Kaum bumiputera pula bertumpu di kawasan luar bandar dan menjalankan kegiatan ekonomi tradisional. Keadaan ini menyebabkan mereka terpisah dan berlaku kerenggangannya hubungan

kaum. Kesannya, masalah hubungan kaum berterusan sehingga selepas kemerdekaan dan menyebabkan peristiwa 13 Mei 1969.

ii. Kegiatan Ekonomi dan Petempatan

- British memberikan tumpuan kepada perkembangan ekonomi yang berasaskan perlombongan bijih timah dan perladangan getah. Kegiatan ekonomi yang berbeza antara kaum menyebabkan pemisahan dari segi petempatan.
- Rakyat juga terpisah dengan petempatan yang wujud di kawasan perlombongan, bandar, estet dan perkampungan. Keadaan ini menyebabkan setiap kaum kurang berinteraksi antara satu sama lain dan mewujudkan jurang ekonomi yang tidak seimbang.

iii. Sistem Pendidikan

- Dasar pentadbiran British menyebabkan munculnya sistem pendidikan vernakular Melayu, Cina, India dan Inggeris di negara kita. Sekolah vernakular pula berkembang mengikut kaum masing-masing.
- Sistem pendidikan vernakular diteruskan selepas kemerdekaan pada tahun 1957. Pendidikan vernakular mewujudkan perbezaan pemikiran dalam kalangan rakyat berbilang kaum.

iv. Fahaman Politik

- Fahaman politik berasaskan kaum bermula dengan penubuhan parti politik sebelum kemerdekaan hingga kini. Polarisasi kaum disebabkan perbezaan kegiatan ekonomi dan petempatan menyebabkan parti politik ini memperjuangkan kepentingan kaum masing-masing.
- Isu yang diperjuangkan berkaitan dengan bahasa, budaya, pendidikan dan ekonomi. Keadaan ini mempengaruhi hubungan antara kaum di negara ini.

b. Memperkasakan Perpaduan dan Integrasi Nasional

Sejak mencapai kemerdekaan, usaha memperkasakan perpaduan dan integrasi nasional telah dilaksanakan secara konsisten oleh kerajaan dan berterusan sehingga hari ini. ini merangkumi bidang politik, ekonomi dan sosial.

i. Politik

- Menubuhkan Jabatan Perpaduan Negara yang terletak di bawah bidang kuasa MAGERAN. Jabatan ini berperanan mendraf satu ideologi untuk negara yang dikenali sebagai Rukun Negara. Mewartakan pembentukan Majlis Muhibah Negara pada 18 Julai 1969.

- Majlis ini bertujuan menggalakkan perkembangan perasaan muhibah antara masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Menubuhkan Majlis Perundingan Negara pada 29 Januari 1970. Majlis ini ditubuhkan untuk mengadakan garis panduan bagi kerjasama antara kaum dan integrasi nasional antara negeri dengan wilayah. Selain itu, majlis ini juga bertujuan memupuk identiti kebangsaan dalam kalangan rakyat.
- Membentuk gabungan parti politik pelbagai kaum untuk mewujudkan keharmonian dan kestabilan politik selepas peristiwa 13 Mei 1969.

ii. Ekonomi

- Meneruskan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia yang memberikan tumpuan kepada pertumbuhan ekonomi semua kaum.
- Memperkenalkan beberapa dasar pembangunan ekonomi seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) untuk kemakmuran ekonomi rakyat dan negara.
- Memberikan tumpuan kepada pembangunan masyarakat luar bandar dan wilayah. Pembangunan dilakukan melalui rancangan pembangunan tanah yang mampu menambah pendapatan rakyat dan membasmi kemiskinan.
- Memajukan bidang perindustrian dan perdagangan dengan memperkenalkan Zon Perindustrian Bebas seperti di Bayan Lepas, Pasir Gudang dan Pelabuhan Klang.
- Penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar berlaku disebabkan peluang pekerjaan yang terbuka luas kepada semua kaum. Hal ini mempercepat proses integrasi.
- Mengintegrasikan ekonomi melalui pembangunan ekonomi wilayah termasuk di Sarawak dan Sabah. Pembangunan ekonomi wilayah membuka peluang kepada semua kaum bersaing dalam ekonomi secara adil.

iii. Sosial

- Menambah baik Dasar Pendidikan Kebangsaan yang sedia ada melalui Akta Pendidikan 1996 bertujuan mengukuhkan perpaduan kaum dan integrasi nasional.
- Mengukuhkan sistem pendidikan melalui pelaksanaan dasar pendidikan seperti Laporan Rahman Talib, Laporan Jawatankuasa Kabinet dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Sistem pendidikan kebangsaan dapat melahirkan rakyat yang patriotik dan mempunyai semangat cinta akan negara.
- Memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan melalui pengenalan Akta Bahasa Kebangsaan. Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai pusat ilmu dan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bagi menyebarkan luas penggunaan bahasa kebangsaan. Langkah ini

dapat melahirkan masyarakat yang mempunyai satu identiti bahasa yang sama.

- Menggalakkan pengamalan satu kebudayaan kebangsaan yang dapat membentuk identiti bangsa Malaysia yang bersatu padu.
- Menggalakkan pelibatan dalam sukan sebagai medium untuk mewujudkan semangat kekitaan dan perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum.
- Memperkenalkan Rukun Negara sebagai tunjang kesetiaan rakyat berbilang kaum terhadap bangsa dan negara.

7.2 Dasar Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan merupakan saluran terbaik bagi merealisasikan matlamat membina perpaduan kaum dan integrasi nasional. Matlamat ini terkandung dalam Laporan Rahman Talib, Kajian Aminuddin Baki, Laporan Jawatankuasa Kabinet, Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Akta Pendidikan 1996 Latar Belakang Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Dasar Pendidikan Kebangsaan dibentuk untuk memupuk perpaduan kaum. Dasar ini dilaksanakan melalui Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 atau dikenali sebagai Penyata Razak 1956 dan dimaktubkan dalam Ordinan Pelajaran 1957. Semua dasar pendidikan yang terdapat sebelum ini disemak semula pada tahun 1960 yang menghasilkan Laporan Rahman Talib dan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979.

1. Laporan Rahman Talib

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Abdul Rahmai Talib pada tahun 1960 untuk menyemak semula dan mengukuhkan Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956. Laporan jawatankuasa ini menjadi asas penggubalar Akta Pelajaran 1961 dan penyemakan Dasar Pendidikan Kebangsaan seterusnya.

Laporan Rahman Talib masih mengekalkan teras sistem pendidikan kebangsaan untuk memupuk perpaduan dan integrasi.

- Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pada semua peringkat pendidikan. Penggunaan bahasa yang seragam dapat mewujudkan perpaduan.
- Mengadakan kurikulum yang sama dan berorientasikan negara kita bagi semua jenis sekolah. Kurikulum yang berorientasikan negara mewujudkan perasaan cinta akan negara.

Laporan Rahman Talib mencadangkan beberapa cadangan tambahan kepada Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956. Cadangan tambahan ini bertujuan memperkukuh semangat kekitaan dan kebersamaan dalam kalangan murid pelbagai kaum ke arah perpaduan.

- i. Penekanan kepada mata pelajaran Sejarah untuk menanam perasaan cinta dan kesetiaan terhadap negara.
- ii. Mewajibkan mata pelajaran Tatarakyat untuk membentuk sikap bertoleransi, bekerjasama dan persefahaman antara kaum.

2. Kajian Aminuddin Baki

Laporan Rahman Talib kemudian dibuat penambahbaikan dan dilaksanakan sepenuhnya melalui Kajian Aminuddin Baki, iaitu:

- i. Memperkenalkan sistem persekolahan aneka jurusan untuk menampung pelajar yang gagal memasuki sekolah menengah akademik.
- ii. Memperkenalkan kursus kemahiran untuk melahirkan tenaga kerja mahir yang melibatkan pelbagai kaum sertapersediaan memenuhi permintaan pasaran kerja.
- iii. Mewujudkan sekolah kebangsaan yang menggabungkan semua kaum untuk memupuk perpaduan.

3. Laporan Jawatankuasa Kabinet

- i. Jawatankuasa Kabinet ditubuhkan pada bulan September 1974. Fungsi jawatankuasa ini adalah untuk mengkaji semula pelaksanaan sistem pelajaran kebangsaan. Laporan Jawatankuasa Kabinet diumumkan oleh Menteri Pelajaran pada tahun 1979.
- ii. Antara kandungan Laporan Jawatankuasa Kabinet yang mempunyai matlamat bagi memperkukuh perpaduan termasuklah seperti yang berikut:
 - Bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan dijadikan sebagai mata pelajaran wajib dalam peperiksaan awam.
 - Penegasan kepada pendidikan kerohanian melalui mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral.
 - Penekanan terhadap aktiviti kokurikulum yang melibatkan semua kaum seperti unit berunifonn, sukan dan permainan serta persatuan.
- iii. Hasil daripada laporan jawatankuasa ini menghasilkan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang diperkenalkan pada tahun 1982. Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) dan Falsafah Pendidikan Negara pula digubal pada tahun 1988.

4. Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Falsafah Pendidikan Negara (FPN) digubal pada tahun 1988 untuk memperteguh hala tuju dan matlamat pendidikan negara ke arah perpaduan. FPN ditukar kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan pada tahun

1996. Falsafah ini menekankan pendidikan yang menyeluruh dan bersepadu bagi membentuk pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan juga intelek.

5. Akta Pendidikan 1996

Kedudukan bahasa kebangsaan diperkukuh dengan memperuntukannya sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan melalui Akta Pendidikan 1996. Kedudukan ini diperkuat lagi dengan menjadikan bahasa tersebut sebagai mata pelajaran yang wajib diajarkan di semua sekolah dan institusi pendidikan. Institusi pendidikan swasta pula dikehendaki mengadakan pengajaran bahasa kebangsaan, Pengajian Malaysia dan Pendidikan Islam atau Moral untuk memupuk semangat cinta akan negara serta nilai murni.

7.3 Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu dan Bahasa Perpaduan

Seiring dengan kemerdekaan negara, bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Beberapa langkah dilaksanakan untuk memartabatkan bahasa kebangsaan. Antaranya termasuklah pengenalan Akta Bahasa Kebangsaan, memperkasakan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan, penubuhan UKM sebagai pusat keilmuan dan peranan DBP sebagai pusat perkembangan bahasa kebangsaan.

1. Akta Bahasa Kebangsaan

- Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi yang digunakan sebagai alat untuk memupuk perpaduan kaum. Kedudukan bahasa Melayu dimartabatkan melalui penggubalan undang-undang yang dikenali sebagai Akta Bahasa Kebangsaan.
- Akta Bahasa Kebangsaan diperkenalkan pada tahun 1967. Akta ini dikenali juga sebagai Akta 32. Akta Bahasa Kebangsaan telah digubal di bawah Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Akta ini mula dikuatkuasakan pada 1 Julai 1971.

2. Bahasa Rasmi Pentadbiran

Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi menjadi antara unsur penggerak jentera pentadbiran negara. Bahasa Melayu juga merupakan alat komunikasi rasmi dalam pelbagai urusan di kementerian dan jabatan kerajaan. Bahasa Melayu digunakan sepenuhnya dalam urusan mahkamah pada tahun 1990.

3. Memperkasakan Bahasa Melayu dalam Sistem Pendidikan

- i. Pembukaan sekolah menengah kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dipergiat di seluruh negara. Antaranya

- Sekolah Alam Shah, Sekolah Seri Puteri dan Kolej Sultan Abdul Halim menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.
- ii. Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dapat memupuk semangat kekitaan dan bersatu dalam kalangan murid. Bilangan guru terlatih bahasa Melayu ditambah di sekolah menengah kebangsaan dan guru khas untuk sekolah menengah jenis kebangsaan. Langkah ini bermatlamat untuk memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa perpaduan.
- 4. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai Pusat Keilmuan Bahasa Melayu**
- i. Penubuhan UKM merupakan usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. UKM ditubuhkan pada 18 Mei 1970. UKM muncul sebagai pusat pengajian tinggi awam pertama yang berjaya memperkenalkan pengajian pelbagai jurusan dan bidang kursus dalam bahasa Melayu.
 - ii. Penubuhan Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (IBKMM) pada 1 Disember 1972 menjadikan UKM sebagai pusat penyelidikan dan rujukan dalam bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan tamadun Melayu. Institut ini kemudian bertukar nama kepada Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) pada tahun 1992. Institut ini menjadi tumpuan para penyelidik, sasterawan, karyawan dan budayawan daripada pelbagai kaum dari dalam dan luar negara. Pengiktirafan terhadap tokoh UKM seperti Muhammad Haji Salleh dan Siti Zainon Ismail sebagai Sasterawan Negara membuktikan kejayaan UKM sebagai pusat keilmuan bahasa Melayu.
- 5. Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)**
- i. Penubuhan DBP pada 22 Jun 1956 di Bukit Timbalan, Johor Bahru, Johor, hasil daripada resolusi Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga.
 - ii. Penubuhannya bertujuan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu. Nama asal DBP ialah Balai Pustaka. Pengarah pertama DBP ialah Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid (jawatan ini kini dikenali sebagai Ketua Pengarah). js Pembukaan pejabat di wilayah dan cawangan di Pulau Pinang, Johor, Kelantan, Sarawak dan Sabah bertujuan mengembangkan aktiviti bahasa dan sastera sebagai medium untuk memupuk perpaduan.
 - iii. DBP memainkan peranan penting dalam mengembangkan bahasa dan sastera Melayu melalui penerbitan buku dan majalah, risalah, menganjurkan seminar dan bengkel serta pelbagai aktiviti bersempena dengan Minggu dan Bulan Bahasa Kebangsaan.

- iv. Peranan DBP ini adalah untuk memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini. Slogan "Bahasa Jiwa Bangsa" dilancarkan pada tahun 1960, agar dapat mengukuhkan pembinaan masyarakat yang bersatu padu melalui bahasa.

7.4 Dasar Kebudayaan Kebangsaan

Dasar Kebudayaan Kebangsaan dibentuk bagi mewujudkan perpaduan negara dan integrasi nasional melalui aspek kesenian dan kebudayaan. Dasar ini menjadi garis panduan masyarakat bagi membentuk dan mengekalkan identiti sebagai warganegara Malaysia.

1. Sejarah Pembentukan

Dasar Kebudayaan Kebangsaan telah digubal dan diperakui melalui Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1971. Kongres ini boleh dianggap sebagai lanjutan daripada Kongres Rakyat 1956, iaitu Kongres Kebudayaan Melayu. Kongres ini dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia kedua, Tun Abdul Razak Hussein di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Kongres ini dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

a. Prinsip Utama

Pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan berteraskan tiga prinsip utama.

- i. Berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau Melayu sebagai tunjang Dasar Kebudayaan Kebangsaan.
- ii. Unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar diterima sebagai elemen penting.
- iii. Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

b. Matlamat Pembentukan

Pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan bertujuan mencapai tiga matlamat utama, iaitu:

- i. Mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara melalui kebudayaan.
- ii. Memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan yang terhasil daripada kebudayaan kebangsaan
- iii. Memperkaya dan mempertingkatkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian yang seimbang dengan pembangunan sosioekonomi.

c. Agensi Pelaksana

- i. Pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan melibatkan semua kementerian, agensi dan jabatan yang berkaitan dengannya. Dasar ini dilaksanakan

oleh Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan (kini dikenali sebagai Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia), Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara, Majlis Kebudayaan Negeri, Istana Budaya serta Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA).

2. Citrawarna Malaysia

- i. Dasar Kebudayaan Kebangsaan dijemakan melalui program seperti Citrawarna Malaysia yang melibatkan pelbagai kaum dan budaya. Program ini mula dianjurkan pada tahun 1999 yang merupakan promosi pelancongan.
- ii. Antara program yang dijalankan termasuklah memperagakan kebudayaan, pakaian, tarian dan nyanyian rakyat Malaysia. Program Citrawarna diadakan di Dataran Merdeka bulan Mei setiap tahun dengan melibatkan rakyat pelbagai kaum dan budaya.

3. Penggiat Budaya

- i. Dasar Kebudayaan Kebangsaan melahirkan ramai tokoh dan penggiat budaya yang tersohor. Tokoh ini memberikan sumbangan yang besar terhadap proses membudayakan masyarakat dan kebudayaan bangsa.
- ii. Sumbangan mereka juga penting dalam menggalakkan penghasilan karya seni tempatan yang bermutu tinggi dan memartabatkan khazanah asli negara.

7.5 Sukan sebagai Alat Perpaduan

Sukan merupakan satu medium untuk memupuk perpaduan kaum dan integrasi nasional di Malaysia. Sukan dapat mengeratkan hubungan muhibah dan menerapkan rasa saling hormat dalam kalangan peserta. Selain itu, sukan mampu mewujudkan masyarakat yang sanggup memberikan sumbangan demi kesejahteraan sosial dan kecemerlangan sukan negara.

1. Sukan dan Perpaduan Melalui Pendidikan

- i. Sukan merupakan aktiviti kokurikulum yang sangat digalakkan dalam kalangan murid sekolah. Dasar 1 Murid 1 Sukan dan Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) menggalakkan murid pelbagai kaum melibatkan diri dalam sukan yang digemari. Dasar ini juga memberikan peluang kepada murid pelbagai kaum untuk menceburi bidang sukan serta dapat memupuk semangat setia kawan dan berpasukan. Selain itu, dasar ini juga mampu melahirkan atlet yang berkaliber sehingga ke peringkat antarabangsa.
- ii. Kejohanan olahraga tahunan sekolah melibatkan murid yang terdiri daripada pelbagai kategori umur dan kaum. Tiada acara sukan yang dipertandingkan

mengikut kaum. Rakan-rakan penyokong serta guru penasihat rumah sukan akan bersorak memberikan sokongan kepada atlet rumah sukan masing-masing tanpa mengira kaum.

2. Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)

- i. Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) bermula pada tahun 1974. MASUM ditubuhkan bertujuan mengadakan pertandingan sukan dalam kalangan penuntut dan staf universiti tempatan bagi memupuk perpaduan dan integrasi nasional.
- ii. MASUM menjadi medan untuk atlet menunjukkan kebolehan dalam sukan. Penganjuran MASUM secara bergilir-gilir dapat menggalakkan integrasi antara negeri.

3. Sukan Malaysia (SUKMA)

- i. Sukan Malaysia (SUKMA) diadakan secara dwitahunan pada peringkat kebangsaan yang disertai oleh 13 buah negeri dan Wilayah Persekutuan.
- ii. SUKMA bertujuan mengeratkan hubungan kaum serta integrasi antara negeri. SUKMA pertama diadakan di Kuala Lumpur dari 19 April 1986 hingga 26 April 1986 yang disertai oleh 3849 atlet dari 13 buah negeri di Malaysia.

4. Penganjuran Sukan

- i. Kejayaan Malaysia menganjurkan pelbagai jenis sukan pada peringkat serantau dan antarabangsa juga membuktikan sukan dapat menyatukan masyarakat berbilang kaum di negara kita.
- ii. Komitmen pemimpin dan kesungguhan para sukarelawan pelbagai kaum memastikan penganjuran sukan yang cemerlang mendapat pengiktirafan banyak pihak. Antara sukan antarabangsa yang berjaya dianjurkan oleh Malaysia termasuklah Hoki Piala Dunia, Sukan Komanwel, Piala Thomas, South East Asia Games atau Sukan SEA, Sukan Permotoran Formula 1 dan sukan berbasikal Le Tour de Langkawi.

5. Kejayaan Malaysia Kebanggaan Bersama

- i. Kejayaan pasukan negara dalam pertandingan sukan antarabangsa seperti Sukan Olimpik, Sukan / Komanwel, Sukan Asia, Sukan SEA dan Pestabola Merdeka merupakan hasil kerjasama serta kesungguhan pelbagai pihak.
- ii. Dalam pasukan seperti bola sepak, hoki, badminton, renang, boling dan olahraga, pemain dan jurulatih bekerjasama tanpa mengira kaum.
- iii. Kejayaan pasukan negara ini merupakan harapan seluruh rakyat Malaysia. Jelaslah bahawa sukan memainkan peranan yang penting dalam membentuk sebuah pasukan yang bersatu dan saling bekerjasama untuk mencapai kejayaan.

- iv. Malaysia turut melakar kejayaan dalam sukan paralimpik seperti Kejohanan Olahraga Paralimpik Dunia. Atlet negara menunjukkan prestasi cemerlang dengan meraih kemenangan dalam pelbagai jenis sukan seperti olahraga dan memanah.

6. Laungan "Malaysia Boleh"

- i. Slogan "Malaysia Boleh" menunjukkan patriotisme rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, agama dan budaya ketika menyokong pasukan Malaysia yang bertanding dalam kejohanan peringkat serantau dan antarabangsa.
- ii. Slogan ini asalnya untuk kempen Malaysia menjadi tuan rumah kejohanan Piala Thomas dan Uber pada tahun 1992 dan penyertaan Malaysia di kejohanan Olimpik yang diadakan di Sepanyol serta kejohanan Sukan SEA di Singapura 1993. Laungan semangat "Malaysia Boleh" oleh penyokong dapat dilihat apabila Malaysia muncul sebagai juara Piala Thomas pada tahun 1992. Sokongan ini membuktikan bahawa rakyat Malaysia bersatu padu untuk kejayaan pasukan negara.

7. Peranan Organisasi dalam Perkembangan Sukan dan Memupuk Perpaduan Kaum

- i. Beberapa agensi diberi tanggungjawab untuk meningkatkan pencapaian dan kecemerlangan sukan negara pada peringkat antarabangsa. Antaranya termasuklah Kementerian Belia dan Sukan, Majlis Sukan Negara, Majlis Olimpik Malaysia serta persatuan sukan peringkat kebangsaan dan negeri.
- ii. Pegawai pengurusan, pakar perubatan sukan, pegawai teknikal dan panel kejurulatihan yang terlibat dalam organisasi ini terdiri daripada pelbagai kaum dengan kepakaran dalam bidang masing-masing.

8. Kepemimpinan Berwibawa

- i. Kejayaan sukan di negara kita merupakan hasil pengurusan sukan yang cekap dan teratur. Kecemerlangan ini juga disebabkan ketokohan pemimpin persatuan sukan, jurulatih, para atlet dan pegawai sukan.
- ii. Keunikan perkembangan sukan di negara kita memperlihatkan pelibatan kerabat diraja dan ahli politik sebagai penaung atau presiden persatuan sukan. Sementara itu, bekas atlet pula menjadi pengurus atau jurulatih pasukan. Peranan mereka penting untuk menarik minat dan sokongan rakyat terhadap perkembangan industri sukan negara.

7.6 Rukun Negara sebagai Tonggak Kesejahteraan Negara

- i. Rukun Negara ialah ideologi negara yang dibentuk sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan untuk menyatukan dan membimbing rakyat ke arah perpaduan.
- ii. Rukun Negara merupakan susunan prinsip hidup masyarakat yang mengandungi nilai kenegaraan dan norma sosial yang mencakupi seluruh aspek kehidupan bernegara seperti politik, ekonomi, agama, budaya dan perundangan. Rukun Negara juga menggariskan ikrar yang perlu dihayati oleh warganegara Malaysia dan dianggap sebagai falsafah hidup rakyat Malaysia.

1. Sejarah Pembentukan

Rukun Negara dibentuk ekoran daripada peristiwa 13 Mei 1969. Rukun Negara hasil daripada perbincangan dan pemikiran Majlis Perundangan Negara (MAPEN) yang dibentuk oleh MAGERAN pada 29 Januari 1970. Rukun Negara telah diisytiharkan secara rasmi oleh Yang di-Pertuan Agong IV pada 31 Ogos 1970 bersempena dengan ulang tahun kemerdekaan yang ke-13. Pada tahun 2020, genaplah 50 tahun Rukun Negara dicipta.

2. Matlamat ke Arah Kesejahteraan

Rukun Negara dibentuk untuk mendukung cita-cita mencapai beberapa matlamat. Setiap matlamat ini berperanan bagi melahirkan sebuah negara yang rakyatnya hidup bersatu padu, aiuan dan sejahtera.

3. Matlamat Rukun Negara

i. Masyarakat Demokratik

Kita mendukung cita-cita hendak memelihara cara hidup demokratik apabila rakyat bertindak melalui parlimen yang dilantik menerusi perlembagaan. Perlembagaan negara menjamin kebebasan hak asasi dan kebebasan kegiatan berpolitik asalkan tidak melanggar undang-undang negara. Kepentingan negara hendaklah diutamakan lebih daripada kepentingan sesuatu kaum.

ii. Negara Bersatu

Kita mendukung cita-cita untuk mencipta satu bangsa dan negara yang bersatu padu. Setiap ahli masyarakat menganggap diri mereka sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan dan kepercayaan. Mereka mempunyai kesetiaan dan cinta akan negara.

iii. Masyarakat Liberal

Kita mendukung cita-cita hendak memelihara wujudnya satu masyarakat yang liberal. Ahli masyarakat bebas mengamalkan agama, adat resam serta kebudayaan

masing-masing sesuai dengan kepentingan perpaduan negara. Ahli masyarakat bercita-cita mencipta satu masyarakat yang boleh menjadi sumber kekuatan kepada bangsa dan negara Malaysia.

iv. Masyarakat Progresif

Kita mendukung cita-cita hendak menegakkan satu masyarakat yang progresif mengikut kemajuan sains dan teknologi di samping mengamalkan nilai-nilai ketuhanan. Masyarakat progresif adalah satu masyarakat yang bergerak maju sejajar dengan perubahan dan kemajuan pada bangsa dan negara

v. Masyarakat Adil

Kita mendukung cita-cita untuk mencipta satu masyarakat yang adil apabila semua anggota masyarakat mempunyai peluang yang sama untuk menikmati kekayaan negara.

Masyarakat yang adil akan wujud apabila pihak yang lemah dan berkurangan dibantu supaya mereka mempunyai peluang yang sama untuk bersaing dan bebas daripada penindasan.

4. Prinsip Rukun Negara

Rukun Negara mempunyai lima prinsip yang perlu dihayati oleh rakyat Malaysia.

i. Kepercayaan kepada Tuhan

Prinsip ini menunjukkan bahawa agama menjadi panduan hidup untuk membentuk keperibadian yang baik dan landasan dalam membina keharmonian kaum. Perlembagaan Malaysia menetapkan bahawa Islam ialah agama rasmi Persekutuan. Agama dan kepercayaan lain boleh diamalkan dengan aman dan tenteram. Kita perlu saling memahami dan menghormati serta bertoleransi dalam aspek keagamaan.

ii. Kesetiaan kepada Raja dan Negara

Prinsip ini menjelaskan bahawa negara kita mengamalkan sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan. Raja merupakan simbol penyatuan dan perpaduan rakyat berbilang kaum. Pengamalan prinsip ini dapat melahirkan rakyat yang menghormati simbol kedaulatan negara, mematuhi undang-undang, berusaha untuk meningkatkan imej negara dan berani mempertahankan kedaulatan negara serta mempunyai ciri patriotisme yang teguh.

iii. Keluhuran Perlembagaan

Prinsip ini membawa maksud ketertinggian dan juga keagungan perlembagaan atau undang-undang. Perlembagaan berfungsi memberikan perlindungan dan hak kepada setiap anggota masyarakat dalam negara. Prinsip ini menekankan supaya rakyat dapat menerima, mematuhi dan mempertahankan kemuliaan perlembagaan.

iv. Kedaulatan Undang-undang

Prinsip ini menuntut setiap rakyat menghormati undang-undang, tidak melakukan kesalahan di sisi undang-undang dan berusaha untuk menyokong penguatkuasaannya. Rakyat perlu bertanggungjawab mempertahankan dan memelihara kedaulatan undang-undang daripada dicabaroleh mana-mana pihak demi mengekalkan kehidupan yang aman dan harmoni.

v. Kesopanan dan Kesusilaan

Prinsip ini adalah untuk memastikan bahawa setiap rakyat perlu sentiasa bersopan santun, hormat-menghormati dan berakhlak mulia. Kesopanan dan kesusilaan dapat menjamin hubungan baik sesama kaum agar terus kekal terpelihara. Prinsip ini menjadi garis panduan yang perlu dijadikan amalan dan disemai dalam diri setiap rakyat Malaysia. Penghayatan nilai murni akan melahirkan suasana yang harmoni dan saling bertolak ansur.

Bahagian A: Soalan Objektif

1. Perpaduan dan integrasi merupakan dua konsep yang saling berkait rapat melalui dua proses yang berbeza. Kedua-dua konsep ini berteraskan
- ms I. Perpaduan kaum
140 II. Prinsip Rukun Negara
III. Perlembagaan Persekutuan
IV. Penggunaan bahasa yang sama
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
2. Pentadbiran British menyebabkan berlakunya pemisahan kaum dari segi
- ms A penggunaan bahasa
141 B kegiatan ekonomi
C cara hidup
D pemikiran
3. Jabatan yang berperanan mendraf satu ideologi untuk negara yang dikenali sebagai Rukun Negara ialah
- ms A Jabatan Kehakiman
142 B Jabatan Perdana Menteri
C Jabatan Perpaduan Negara
D Jabatan Pembangunan luar bandar
4. Bagaimanakah kerajaan memberikan tumpuan kepada pembangunan masyarakat luar bandar?
- ms A Melaksanakan pembangunan ekonomi
143 B Memajukan bidang perindustrian
C Menambah pendapatan rakyat
D Rancangan pembangunan tanah
5. Kerajaan menambah baik Dasar Pendidikan Kebangsaan yang sedia ada melalui Akta Pendidikan 1996 bertujuan mengukuhkan
- ms I. perpaduan kaum
143 II. integrasi nasional
III. kesejahteraan rakyat
IV. meningkatkan ekonomi
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
6. Matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan diperkenalkan bertujuan
- ms I. Membentuk jati diri
144 II. menyatupadukan rakyat
- III. menyediakan tenaga kerja mahir
IV. Memperkukuhkan semangat kekitaan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
7. Laporan Rahman Talib 1960 masih mengekalkan teras sistem pendidikan kebangsaan. Antara berikut yang manakah syor laporan tersebut?
- A Memperkenalkan kursus kemahiran
B Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar
C Sistem persekolahan bercorak intergrasi
D Memperkenalkan sistem persekolahan aneka jurusan
8. Tokoh yang memainkan peranan menyusun Dasar Pelajaran Kebangsaan melalui Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 dan Laporan Rahman Talib pada tahun 1960 ialah
- ms A Aminuddin Baki
145 B Tun Abdul Razak
C Tun Hussien Onn
D Abdul Rahman Talib
9. Jawatankuasa Kabinet ditubuhkan pada September 1974. Apakah fungsi jawatankuasa ini?
- A Menambah sistem pelajaran kebangsaan
B Menyusun semula sistem pelajaran kebangsaan
C Mengkaji semula pelaksanaan sistem pelajaran kebangsaan
D Mencadangkan mata pelajaran baru untuk sekolah kebangsaan
10. Kedudukan bahasa kebangsaan diperkukuh dengan memperuntuk-kannya sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan melalui
- ms A Akta Pendidikan 1996
147 B Akta komunikasi dan Bahasa
C Seksyen 2 Akta Bahasa
D Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan
11. Pernyataan berikut berkaitan dengan Perkara 152 dalam Perlembagaan Malaysia.

Bahasa Melayu digunakan sebagai alat untuk memupuk perpaduan kaum

- Bagaimanakah Bahasa Melayu dapat memupuk perpaduan kaum?
- A Alat perhubungan
B Bahasa pengantar
C Bahasa ilmu
D bahasa rasmi
12. Hasil daripada resolusi Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ditubuhkan di
- A Kuala Lumpur
B Johor Bahru
C Shah Alam
D Seremban
13. Siapakah yang merasmikan Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1971?
- A Tun Abdul Razak
B Prof. Ungku Abdul Aziz
C Tunku Abdul Rahman Putra
D Dato Muhammad Haji Salleh
14. Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan matlamat utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan?
- I. Mengekalkan identiti negara
II. Memperlihatkan keperibadian kebangsaan
III. Islam menjadi unsur yang penting
IV. Berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau Melayu
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
15. Apakah manfaat utama Kejohanan olahraga tahunan yang diadakan di sekolah?
- A Memupuk perpaduan rakyat
B Menggalakkan integrasi nasional
C Memupuk semangat setia kawan
D Melahirkan pelajar berminda sihat
16. Apakah tujuan Sukan Malaysia (SUKMA) diadakan?
- A Memantapkan ekonomi negara
B Memperkukuh perpaduan rakyat
C Memajukan industri pelancongan
D Mengimbangi ekonomi antara kaum
17. Pasukan bola sepak kebangsaan berjaya melayakkan diri ke Sukan Olimpik pada tahun 1980 selepas mengalahkan Korea Selatan 2-1. Di manakah Sukan Olimpik tersebut diadakan
- A Munich
B Moscow
C Montreal
D Los Angeles
18. Slogan "Malaysia Boleh" menunjukkan patriotisme rakyat Malaysia. Ia mula digunakan dalam
- A kempen Piala Thomas dan Uber
B Sukan SEA di K.Lumpur 2001
C Sukan komanwel K.Lumpur 1998
D Sukan Olimpik Sydney 2000
19. Mengapakah Majlis Perundangan Negara mengisytiharkan Rukun Negara pada 31 Ogos 1970?
- A Menyusun semula masyarakat
B Meningkatkan kemajuan ekonomi
C Memperkukuhkan perpaduan rakyat
D Memartabatkan bahasa kebangsaan
20. Apakah matlamat Rukun Negara?
- A Menjadi sebuah negara yang maju
B Membentuk masyarakat progresif
C Memberi kebebasan mutlak
D Memupuk keharmonian

Bahagian B: Soalan Respon Terhad

1. Pembinaan negara Malaysia berasaskan perpaduan kaum dan integrasi nasional. Elemen ini menjadi asas kekuatan negara kita yang terdiri daripada rakyat berbilang kaum.

a. Jelaskan konsep

i. Perpaduan Kaum

.....

2 markah

ii. Integrasi Nasional

.....

2 markah

b. Nyatakan kesan dasar pentadbiran British terhadap masalah hubungan kaum di negara kita.

.....

.....

.....

3 markah

c. Pada pendapat anda, mengapakah semangat kerjasama dan toleransi dalam masyarakat berbilang kaum perlu dihayati dan diamalkan oleh rakyat Malaysia.

.....

.....

.....

3 markah

2. Dasar Kebudayaan Kebangsaan dibentuk bagi mewujudkan perpaduan negara dan integrasi nasional melalui aspek kesenian dan kebudayaan.

a. Senaraikan tiga prinsip utama pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan

i.

ii.

iii.

3 markah

b. Nyatakan kementerian dan agensi yang terlibat dalam melaksanakan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

i.

ii.

iii.

3 markah

c. Senaraikan tokoh penggiat budaya yang memberikan sumbangan besar terhadap proses membudayakan masyarakat dan kebudayaan bangsa

i.

ii.

2 markah

d. Pada pendapat anda, apakah iktibar yang dapat diambil daripada pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan

.....

.....

.....

3 markah

Bahagian C: Soalan Respon Terbuka

1. Penjajahan British telah meninggalkan kesan besar dalam mencorak hubungan antara kaum di negara kita sehingga kini.

a. Jelaskan kesan dasar British yang membawa kepada masalah perpaduan kaum tersebut.

6 markah

b. Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan dalam bidang sosioekonomi untuk memperkasa hubungan antara kaum

8 markah

c. Cadangkan langkah-langkah yang boleh diambil bagi memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara kita

6 markah

BAB 8: MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA

8.1 Pembentukan Dasar Ekonomi Baru (DEB)

Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan dalam tempoh 20 tahun bermula pada tahun 1970 hingga tahun 1990. DEB dilancarkan melalui Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1) yang merangkumi empat Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia. Dasar ini bertujuan memulihkan ketidakseimbangan sosioekonomi yang wujud antara kaum, antara wilayah dan antara kawasan dalam wilayah yang sama.

Latar Belakang Pembentukan

Majlis Perundingan Negara (MAPEN) ditubuhkan pada bulan Januari 1970 dianggotai oleh pelbagai lapisan masyarakat. MAPEN ditubuhkan untuk mengadakan garis panduan bagi kerjasama antara kaum dan integrasi nasional untuk memupuk identiti kebangsaan dalam kalangan rakyat. Hasilnya, terbentuk satu dasar ekonomi negara yang dikenali sebagai DEB. Beberapa pakar ekonomi diamanahkan untuk merancang dan merangka dasar berkenaan. Antara pakar yang terlibat termasuklah Dr. Rais Saniman (Malaysia), Dr. Just Faaland (Norway) dan Dr. Jack R. Parkinson (Britain).

Matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB)

Matlamat DEB adalah untuk mencapai perpaduan dan kesejahteraan kaum dengan menggunakan strategi bersifat serampang dua mata.

Strategi Dasar Ekonomi Baru (DEB)

- i. Membasmi kemiskinan dengan menambahkan pendapatan dan memperbanyak peluang pekerjaan kepada rakyat tanpa mengira kaum.
- ii. Menyusun semula masyarakat untuk mengurangkan dan menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.

Isu Sosioekonomi

- i. Jurang sosioekonomi antara bumiputera dengan bukan bumiputera.
- ii. Jurang sosioekonomi antara masyarakat desa dengan bandar.
- iii. Jurang sosioekonomi antara pantai timur dengan pantai barat.
- iv. Jurang sosioekonomi antara negeri.

8.2 Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB)

Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan dengan menggunakan beberapa pendekatan bertujuan melahirkan masyarakat yang bersatu padu melalui agihan ekonomi yang seimbang. Beberapa langkah dilaksanakan dalam usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Antaranya termasuklah meningkatkan taraf hidup rakyat, memperkenalkan

Rancangan Buku Hijau, memperkasakan peranan agensi kerajaan, pembangunan tanah oleh FELDA, pembangunan wilayah, pemilikan modal saham, pengenalan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan pendidikan untuk tenaga kerja mahir.

1. Meningkatkan Taraf Hidup Rakyat

Rancangan meningkatkan taraf hidup melibatkan penduduk di luar bandar dan di bandar.

a. Luar Bandar

Tumpuan diberikan kepada penduduk miskin yang terdiri daripada petani, pekebun getah dan kelapa, nelayan, buruh dan penduduk kampung baharu.

- i. Usaha pembangunan dilakukan menerusi kegiatan Gerakan Koperasi yang sedia ada di luar bandar.
- ii. Program yang dilaksanakan termasuklah penerokaan tanah baharu, bantuan peralatan pertanian, khidmat nasihat, subsidi benih dan baja, kemudahan kredit, pemasaran dan pusat kemajuan peladang.

b. Bandar

Penduduk di bandar pula menghadapi kemiskinan disebabkan pendapatan yang rendah dan masalah perumahan.

- i. Usaha dilakukan oleh kerajaan untuk memajukan pelbagai jenis perindustrian dan perniagaan yang membuka peluang pekerjaan lebih banyak dan meningkatkan pendapatan golongan miskin pelbagai kaum.
- ii. Golongan ini juga disediakan dengan kemudahan asas seperti pendidikan, bekalan air dan elektrik, jalan raya, bantuan biasiswa dan buku teks percuma, makanan tambahan kepada kanak-kanak dan program rumah murah.

c. Rancangan Buku Hijau

Rancangan Buku Hijau peringkat kebangsaan telah dilancarkan oleh Tun Abdul Razak Hussein pada 20 Disember 1974.

- i. Matlamat rancangan ini untuk menambahkan pendapatan rakyat dan pengeluaran bahan makanan supaya cukup untuk keperluan negara.
- ii. Rancangan ini memberikan tumpuan kepada penggunaan tanah yang sepenuhnya.
- iii. Mengusahakan tanah dengan tanaman jangka pendek, perkebunan berkelompok, penternakan, pemasaran yang baik dan projek kecil yang lain.

d. Peranan Agensi Kerajaan

Beberapa agensi kerajaan ditubuhkan untuk mempelbagaikan kegiatan ekonomi yang boleh menambahkan pendapatarr rakyat dan membuka peluang pekerjaan yang lebih banyak untuk semua kaum. Agensi ini juga memberikan bantuan dari segi peralatan, biji benih, kemudahan pinjaman dan khidmat nasihat. Antara agensi tersebut termasuklah Lembaga Beras dan Padi Negara (LPN), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Rubber Industry Smallholders Development Authority (RISDA) atau dikenali sebagai Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah.

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)

- Ditubuhkan pada tahun 1971 untuk meningkatkan taraf hidup nelayan dan memodenkan industry perikanan.

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)

- Ditubuhkan pada tahun 1973 untuk membantu pekebun kecil, petani dan peladang yang terlibat dalam kegiatan koperasi

Lembaga Beras dan Padi Negara (LPN)

- Ditubuhkan pada tahun 1971 untuk mengawal selia sector padi dan beras serta menstabilkan harga padi. Pada tahun 1994 dikenali sebagai Beras Nasional (BERNAS)

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)

- Ditubuhkan pada tahun 1973 untuk membantu dalam penyelidikan dan penanaman semula getah

e. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Pembangunan Tanah

Pembukaan tanah baharu untuk pertanian dilakukan secara teratur di bawah FELDA. Penduduk luar bandar yang miskin dipindahkan ke kawasan FELDA yang baru dibangunkan.

- Mereka diberi tanah seluas 10 ekar untuk diusahakan dengan tanaman kelapa sawit, getah dan rumah kediaman.
- Selain itu, terdapat kemudahan lain seperti klinik, sekolah, pengangkutan dan koperasi FELDA yang dapat mengubah taraf hidup mereka.
- FELDA juga menjalinkan kerjasama dengan kerajaan negeri bagi meneroka pembukaan tanah baharu untuk pertanian.
- Di Sabah, kerjasama FELDA dengan Yayasan Sabah telah membawa kepada pembukaan Felda

Wilayah Sahabat (Lahad Datu) dan Felda Umas (Tawau).

- FELDA juga mengadakan kerjasama dengan Sarawak melalui Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority (SALCRA) untuk pembukaan ladang kelapa sawit.

f. Pembangunan Wilayah

Program pembangunan wilayah dijalankan dengan pembukaan tanah untuk industri getah dan kelapa sawit.

- Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA).
- Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH).
- Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA).
- Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR).

Urban Development Authority (UDA) atau dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Bandar ditubuhkan pada tahun 1971 yang berperanan dalam sektor pembangunan industri dan pembangunan bandar baharu. Antaranya termasuklah pembukaan bandar baharu dan kawasan perindustrian di Bandar Tun Hussein Onn (Cheras) dan Bandar Baru Uda (Skudai).

g. Pemilikan Modal Saham

Kaum bumiputera ketinggalan dalam pemilikan saham syarikat perdagangan. Keadaan ini mewujudkan perbezaan dari segi taraf hidup dan jumlah pendapatan antara kaum bumiputera dengan bukan bumiputera.

- Usaha dilakukan untuk menambah pemilikan modal saham bumiputera dalam sektor korporat bagi mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) melalui penubuhan Permodalan Nasional Berhad (PNB) pada 17 Mac 1978.
- Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) dilancarkan untuk memudahkan kaum bumiputera memiliki saham dalam syarikat berhad.
- Kaum bukan bumiputera turut diberi peluang dalam pemilikan modal saham dengan pengenalan Amanah Saham Malaysia.

h. Pengenalan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)

Industri kecil dan sederhana merujuk industri pembuatan barangan menggunakan modal yang kecil dan tenaga kerja yang tidak ramai. Rakyat diberi peluang mengusahakan industri desa serta IKS. Usaha ini bagi memperbaiki taraf hidup rakyat serta menambah daya pengeluaran dan pendapatan

- Industri ini meliputi kraf tangan, makanan, pakaian dan inap desa.
- Antara IKS yang berjaya termasuklah Best Farm Co., Nurul Food Industry Enterprise, Ramly Food

Processing Sendirian Berhad dan Faiza Marketing Sendirian Berhad.

- Pinjaman, insentif dan nasihat diberikan melalui Bank Bumiputra (1965), Perbadanan Nasional Berhad (1969), Bank Pertanian Malaysia (1969) yang kini dikenali sebagai Agrobank, Skim Pinjaman Khas Pertanian (1970) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (1987).

Hasilnya, muncul ramai usahawan muda yang dapat menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara.

i. Pendidikan Tenaga Kerja Mahir

Kerajaan mengambil langkah untuk melahirkan tenaga kerja mahir yang mampu menampung keperluan dalam bidang pertanian dan perindustrian.

- Asas kepada latihan kemahiran ini diberikan sejak di bangku sekolah melalui mata pelajaran Kemahiran Hidup.
- Pendidikan menengah atas dibahagikan kepada dua jurusan, iaitu akademik dan vokasional.
- Bagi memenuhi keperluan ini, sekolah teknik dan vokasional, Maktab Perguruan Teknik, politeknik, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti (Institut) Teknologi Maraditubuhkan.
- Kursus kemahiran ditawarkan dalam pelbagai bidang untuk menampung permintaan terhadap tenaga kerja mahir.

Kesannya, pekerja mahir dapat meningkatkan taraf hidup dan pendapatan melalui kemahiran yang dimiliki.

8.3 Pembentukan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1) dan DEB berakhir pada tahun 1990. Dalam tempoh pelaksanaan DEB (1970-1990), ekonomi Malaysia berkembang dengan pesatnya. Kejayaan menyeluruh yang telah dicapai memerlukan masa yang lebih lama untuk menampakkan hasil yang berkesan. Usaha yang dilaksanakan melalui DEB diteruskan pula oleh DPN.

1. Latar Belakang Pembentukan

Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dilancarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia keempat pada 17 Jun 1991. DPN merupakan kesinambungan DEB yang dirangka untuk tempoh 10 tahun (1991-2000) melalui Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2). DPN merupakan usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju berdasarkan Wawasan 2020.

2. Matlamat Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

Matlamat DPN adalah untuk mencapai perpaduan negara melalui pengagihan kekayaan. Matlamat ini dapat dicapai melalui pembangunan seimbang antara negeri dan antara bandar dengan luar bandar melalui beberapa aspek. Matlamat DPN dilaksanakan melalui Rancangan Malaysia Keenam dan Rancangan Malaysia Ketujuh.

3. Objektif Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

Objektif DPN adalah untuk mewujudkan masyarakat yang bersatu padu dengan memperkukuh kestabilan sosial dan politik serta mengekalkan pembangunan ekonomi yang berterusan. DPN menetapkan langkah ke arah membolehkan Malaysia mencapai taraf negara yang maju dalam semua aspek seperti keadilan sosial, nilai, etika dan moral, kestabilan politik, kualiti hidup, kecekapan pentadbiran kerajaan serta kecemerlangan ekonomi.

4. Strategi Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

Dasar Pembangunan Nasional (DPN) menggunakan beberapa strategi yang merangkumi bidang ekonomi, sosial serta pembangunan kemudahan fizikal untuk meneruskan usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Ekonomi

- Pelibatan aktif pihak swasta dalam pembangunan ekonomi negara.
- Melaksanakan program penanaman semula.
- Penggunaan sains dan teknologi.
- Meningkatkan pemilikan saham bumiputera.

Sosial

- Memberikan insentif serta kemudahan pendidikan untuk kemajuan masyarakat miskin tanpa mengira kaum.
- Mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera.
- Membentuk masyarakat yang berdisiplin dan progresif.

Kemudahan Fizikal dan Alam Sekitar

- Menyediakan dan menambah baik kemudahan asas.
- Pembangunan mapan tanpa mengabaikan alam sekitar.

8.4 Pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

Strategi asas DEB diteruskan dalam pelaksanaan DPN, iaitu membasmi kemiskinan serta menyusun semula masyarakat untuk memperbaiki ketidakseimbangan sosial dan ekonomi antara kaum. Pelaksanaan DPN

juga dilakukan melalui pemilikan modal saham dan pembangunan wilayah.

1. Pembasmian Kemiskinan

Kerajaan meneruskan usaha untuk menghapuskan kemiskinan tegar dalam kalangan pelbagai kaum khususnya golongan bumiputera.

- i. Pemberian subsidi dan sokongan diteruskan kepada golongan penanam padi dan nelayan. Tumpuan diberikan kearah mempertingkatkan produktiviti pengeluaran mereka.
- ii. Golongan belia pula diberi latihan di agensi kerajaan seperti Pusat Latihan Kemahiran Giatmara dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) bagi membolehkan mereka mendapatkan kerja yang berkaitan dengan kemahiran dan berpendapatan tinggi.

2. Penyusunan Semula Masyarakat

Langkah menyusun semula masyarakat dilakukan dengan pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Hal ini bertepatan dengan Perlembagaan Persekutuan (Perkara 153).

- i. Meningkatkan tenaga kerja dan penyertaan bumiputera dalam pengurusan sektor moden seperti pembuatan dan perkhidmatan.
- ii. Latihan dalam bidang pengurusan harta dan etika perniagaan diberikan oleh agensi kerajaan.
- iii. Pemberian kontrak, kuota dan lesen kepada perniagaan milik bumiputera dan syarikat usaha sama dengan bukan bumiputera turut dilaksanakan.
- iv. Perhatian khusus diberikan kepada penyertaan bumiputera dalam IKS.
- v. Usaha sama secara aktif antara bumiputera dengan bukan bumiputera digalakkan untuk membolehkan syarikat bumiputera meningkatkan prospek perniagaan.
- vi. Bagi membolehkan bumiputera bersaing dalam perniagaan moden, mereka akan didedahkan dengan teknologi terbaru, di samping kemudahan modal, maklumat pasaran dan hubungan perniagaan dalam pasaran antarabangsa.

3. Penyusunan Semula Modal Saham

Penyusunan semula modal saham dalam sektor korporat terus dilaksanakan di bawah DPN. Langkah ini dibuat supaya bahagian saham kaum bumiputera dapat dipertingkatkan selaras dengan matlamat asal DEB bagi mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus dalam pemilikan, penguasaan dan pengurusan sektor moden. Tindakan akan diambil melalui program penswastaan bagi memperuntukkan sejumlah saham untuk projek yang diswastakan kepada bumiputera. Penswastaan syarikat perniagaan milik agensi amanah yang dikhaskan untuk bumiputera seperti yang berikut:

- i. Majlis Amanah Rakyat (MARA).
- ii. Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS).
- iii. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN).

Pada masa yang sama, kaum bukan bumiputera diberi peluang untuk menyertai projek penswastaan.

4. Pembangunan Wilayah

Kerajaan meneruskan rancangan pembangunan wilayah untuk meningkatkan integrasi ekonomi yang saling melengkapi antara negeri. Usaha memperbaiki ketidakseimbangan pembangunan wilayah memudahkan pencapaian kesamarataan pendapatan antara kaum di negara ini.

- i. Malaysian Agricultural Research and Development Institute - MARDI (Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia) ditingkatkan.
- ii. Konsep pertanian pintar digunakan untuk meningkatkan hasil pertanian.
- iii. Penyebaran industri terpilih digalakkan dengan mendorong sektor swasta menempatkan semula kilang tambahan di negeri yang kurang maju dengan kemudahan fizikal, pendidikan, kesihatan dan perumahan. Kawasan-kawasan ini akan menjadi pusat pertumbuhan baharu ekonomi yang dapat menyumbang kepada pembangunan wilayah.

8.5 Pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

Pelaksanaan DEB dan DPN membawa perubahan kepada kemajuan ekonomi serta taraf hidup penduduk. Pencapaian kedua-dua dasar ini dapat dilihat dari aspek sosial dan ekonomi.

Aspek Sosial

Pencapaian dari aspek sosial dapat dilihat dari segi penurunan kadar kemiskinan, peningkatan kualiti hidup, kemunculan golongan pertengahan, masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera. Selain itu, pencapaiannya juga meliputi pembangunan pendidikan, perkembangan sistem pengangkutan dan perhubungan serta perkembangan bandar baharu.

1. Penurunan Kadar Kemiskinan

Kadar kemiskinan di Malaysia berjaya dikurangkan. Usaha kerajaan mempelbagaikan kegiatan ekonomi membuka peluang pekerjaan dan menambah pendapatan isi rumah yang melibatkan semua kaum. Kerajaan juga menambah baik peluang untuk rakyat mendapatkan kemudahan awam yang dapat meningkatkan taraf dan kualiti hidup. Keperluan tenaga kerja dalam bidang pertanian dan perindustrian dapat

mengurangkan masalah pengangguran dan kadar kemiskinan rakyat.

- i. Pelaksanaan DEB menyebabkan kadar kemiskinan penduduk dapat dikurangkan daripada 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada 17.1 peratus pada tahun 1990.
- ii. Pelaksanaan DPN pula mengurangkan kadar kemiskinan kepada 7.2 peratus pada tahun 2000.

2. Peningkatan Kualiti Hidup

Pertumbuhan ekonomi dan peningkatan pendapatan menyebabkan kualiti hidup rakyat meningkat. Hal ini dapat dilihat dari aspek peningkatan tahap kesihatan rakyat yang semakin baik. Begitu juga dari aspek pendidikan, pemilikan barang keperluan asas dan penyediaan infrastruktur seperti hospital dan klinik untuk keperluan rakyat. Kualiti hidup menunjukkan kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara semakin baik selepas tahun 1990.

3. Kemunculan Golongan Pertengahan

Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan DPN berjaya meningkatkan penyertaan bumiputera dan bukan bumiputera dalam pekerjaan di bandar dengan kewujudan masyarakat baharu yang terdiri daripada golongan profesional, pemodal, teknikal, pentadbiran dan pengurusan.

- i. Perkembangan ekonomi menyebabkan keperluan terhadap bidang kerja ini semakin meningkat.
- ii. Mereka dianggap sebagai golongan pertengahan dalam masyarakat.
- iii. Kemunculan golongan ini menunjukkan dasar ekonomi yang dilaksanakan oleh kerajaan dan pihak swasta memberikan kesan terhadap peningkatan taraf hidup rakyat.
- iv. Masyarakat baharu ini juga memberikan sumbangan yang besar kepada pendapatan dan kemakmuran negara.

4. Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera

Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera diwujudkan melalui DEB dan DPN yang bergiat dalam pelbagai bidang ekonomi.

- i. Golongan ini membentuk kelas bumiputera komersial yang melibatkan diri dalam sektor korporat.
- ii. Muncul tokoh bumiputera dalam bidang perbankan, pemodal saham, pemilik syarikat, pemilik pelabuhan dan usahawan muda.
- iii. Kemunculan golongan ini turut memberikan faedah kepada peningkatan taraf hidup golongan miskin

dengan tawaran pekerjaan dalam syarikat dan industri yang dimiliki oleh golongan ini.

5. Pembangunan pendidikan

Pembangunan pendidikan berlaku seiring dengan pembangunan ekonomi. Pembangunan ekonomi memerlukan tenaga kerja mahir yang berpendidikan.

- i. Selepas tahun 1990, berlaku pertumbuhan institusi pendidikan di bawah kelolaan pihak kerajaan dan swasta.
- ii. Pada masa yang sama, muncul graduan dalam bidang sains, teknologi dan teknikal.
- iii. Kebolehan dalam bidang ini amat diperlukan kerana permintaan yang tinggi dalam bidang perindustrian dan k-ekonomi.
- iv. Pendidikan tinggi juga memperbaiki taraf hidup rakyat Malaysia.

6. Pengangkutan dan Perhubungan

Pembangunan ekonomi memberikan kesan terhadap pemodenan pengangkutan awam. Pelaburan dibuat oleh pihak kerajaan dan swasta dalam bidang pengangkutan untuk memenuhi keperluan perindustrian serta perdagangan.

Jaringan sistem jalan raya, pengangkutan udara, kereta api dan pelabuhan yang moden merancakkan aktiviti ekonomi negara termasuklah ke kawasan pedalaman. Sistem pengangkutan juga memudahkan proses integrasi antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah.

7. Perkembangan Wilayah

Perkembangan ekonomi melalui DEB dan DPN menyebabkan kemunculan beberapa bandar baharu. Antaranya termasuklah Felda Segitiga Jengka yang berkembang daripada sebuah tanah rancangan FELDA menjadi sebuah bandar. Bandar ini kemudiannya dikenali sebagai Bandar Tun Abdul Razak pada 7 Julai 2011.

- i. Jengka ditubuhkan melalui projek Segitiga Jengka oleh FELDA. Nama Segitiga Jengka digunakan dengan mengambil kira lokasi Jengka yang terletak di antara tiga daerah, iaitu Temerloh, Maran dan Jerantut.
- ii. Pelbagai kemudahan perkhidmatan disediakan seperti pejabat pos, hospital, bank, institusi pendidikan, stadium mini, pusat perniagaan dan pejabat pentadbiran kerajaan.
- iii. Terdapat kilang yang beroperasi di kawasan perindustrian di bandar ini seperti Kilang Alps, Kilang Bimbingan Bank Pembangunan serta bengkel kereta dan motor.

8. Aspek Ekonomi

Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan DPN juga membawa perubahan dari aspek ekonomi. Kedua-dua dasar ini menyebabkan berlaku perkembangan dalam perindustrian dan perdagangan yang meningkatkan kestabilan ekonomi negara. Perkembangan ini berasaskan perindustrian berteknologi tinggi, perkembangan kawasan perindustrian baharu dan industri kereta nasional.

9. Perindustrian Berteknologi Tinggi

Mulai tahun 1980-an, program perindustrian negara mengalami satu lagi perkembangan, iaitu industri berat yang bertujuan memperkukuh asas perindustrian negara dan menambahkan kemahiran rakyat dalam bidang teknologi yang lebih tinggi.

- i. Perindustrian ini melibatkan penggunaan moden yang memerlukan kemahiran tinggi dan modal yang besar.
- ii. Industri teknologi tinggi dikendalikan oleh The Heavy Industries Corporation of Malaysia Berhad (HICOM) yang ditubuhkan pada tahun 1980.
- iii. Antara projek yang dilaksanakan termasuklah membaiki kapal (Limbungan Pasir Gudang, Johor), besi dan keluli (Perai, Pulau Pinang dan Teluk Kalung, Terengganu), loji gas cecair (Bintulu, Sarawak), stesen janakuasa (Raub, Pahang), kilang penapis petroleum (Kerteh; Lutong dan Port Dickson) dan satelit komunikasi.

10. Kawasan Perindustrian Baharu

Pelaksanaan DEB dan DPN mewujudkan pelbagai bentuk kawasan perindustrian. Antaranya termasuklah estet perindustrian, zon perindustrian bebas dan taman teknologi industri. Rasional pembentukan kawasan perindustrian ialah berdekatan dengan sumber bahan mentah, infrastruktur dan bekalan buruh yang mencukupi. Di samping itu, kawasan ini membantu pembangunan ekonomi di kawasan sekitarnya yang kurang maju serta menambah pelaburan modal dari dalam dan luar negara.

11. Estet Perindustrian

- i. Estet perindustrian-dibangunkan oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN), Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah dan pihak swasta.
- ii. Kawasan ini dibangunkan sebagai bandar terancang yang mengandungi kawasan perumahan, pusat perniagaan dan perindustrian serta pusat rekreasi.

12. Taman Teknologi Perindustrian

- i. Taman teknologi perindustrian merupakan pusat penyelidikan dan pembangunai industri Pusat ini di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia.
- ii. Kementerian ini dipertanggungjawabkan untuk menjalankan penyelidikan dan inovasi bagi membangunkan teknologi perindustrian.

13. Zon Perindustrian Bebas

- i. Zon Perindustrian Bebas merupakan kawasan perdagangan yang diberi pelepasan cukai atau tarif sebagai insentif.
- ii. Tujuannya menarik pengusaha melabur dan merangsang ekonomi kawasan sekitarnya.
- iii. Kawasan ini sering digunakan oleh syarikat multinasional seperti Sime Darby Berhad, Axiata Group Berhad dan Proton Holdings Berhad untuk menjalankan aktiviti perniagaan dan perdagangan.

14. Kenderaan Buatan Malaysia

Penubuhan HICOM dan Kajian Dasar Perindustrian Malaysia pada tahun 1983 telah menggalakkan pertumbuhan industri kereta dan motosikal buatan Malaysia.

- i. Industri kereta tempatan dipelopori oleh Perusahaan Otomobil Nasional (PROTON) dan Perusahaan Otomobil Kedua (PERODUA). PROTON ditubuhkan pada 7 Mei 1983 manakala PERODUA pula ditubuhkan pada tahun 1993.
- ii. Motosikal dan Enjin Nasional Sdn. Bhd. (MODENAS) merupakan syarikat pengeluar motosikal nasional yang menghasilkan pelbagai model motosikal kecil 200 cc untuk pasaran tempatan dan antarabangsa.
- iii. Perusahaan kereta dan motosikal nasional membuka peluang pekerjaan untuk tenaga kerja yang terdiri daripada rakyat berbilang kaum di negara ini. Langkah ini dapat meningkatkan pendapatan rakyat dan taraf hidup masyarakat.

Bahagian A: Soalan Objektif

1. Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan dalam tempoh 20 tahun bermula pada tahun 1970 hingga tahun 1990 bertujuan
- ms 166 A memupuk identiti kebangsaan dalam kalangan rakyat
B memulihkan ketidakseimbangan sosioekonomi
C menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.
D mencapai perpaduan dan kesejahteraan kaum
2. Apakah tujuan Majlis Perundingan Negara (MAPEN) ditubuhkan pada bulan Januari 1970?
- ms 166 A Memupuk identiti kebangsaan dalam kalangan rakyat
B Memperbanyak peluang pekerjaan kepada rakyat
C Membasmi kemiskinan dengan menambahkan pendapatan
D Memperkasakan peranan agensi kerajaan
3. Matlamat DEB adalah untuk mencapai perpaduan dan kesejahteraan kaum dengan menggunakan strategi bersifat serampang dua mata.
Antara strategi tersebut ialah
- ms 167 I. Membasmi kemiskinan
II. Menyusun semula masyarakat
III. Mewujudkan perpaduan rakyat
IV. Membangunkan kawasan luar bandar
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
4. Apakah program yang dilaksanakan untuk meningkatkan taraf hidup penduduk di luar bandar?
- ms 168 A program rumah murah
B bekalan air dan elektrik
C penerokaan tanah baharu
D Rancangan Buku Hijau
5. Apakah tumpuan yang diberikan dalam Rancangan Buku Hijau?
- ms 169 A mempelbagaikan jenis tanaman
B mengusahakan tanaman jangka pendek
C penggunaan tanah yang sepenuhnya
D menambah pendapatan masyarakat luar bandar

6. FELDA mengadakan kerjasama dengan Sarawak melalui Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority (SALCRA) untuk pembukaan ladang
- ms 170 A sagu
B getah
C lada hitam
D kelapa sawit
7. FELDA tidak hanya dikhaskan untuk membantu bumiputera. FELDA juga memberi peluang Kaum Cina dan India menjadi peneroka. Antara FELDA yang menerima peneroka pelbagai kaum seperti
- ms 171 A Felda Umas di Tawau
B Felda Lurah Bilut, Pahang
C Felda Sahabat di Sandakan
D Felda Tiga segi Jengka, Pahang
8. Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) ditubuhkan pada tahun 1971 berperanan dalam sektor
- ms 171 A pembangunan insan
B pemilikan modal saham
C perindustrian kraf tangan
D pembangunan bandar baharu
9. Gambar berikut adalah logo Amanah Saham Nasional dan Amanah Saham Bumiputera.



- Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) dilancarkan untuk memudahkan kaum bumiputera memiliki saham dalam.
- ms 172 A Syarikat Trading
B Syarikat Berhad
C Pasaran Saham
D Syarikat Enterprise
10. Industri kecil dan sederhana (IKS) merujuk kepada industri pembuatan barangan menggunakan
- ms 172 A modal yang kecil
B bantuan modal kerajaan
C bahan mentah tempatan
D tenaga buruh separa mahir

11. Apakah langkah diambil oleh kerajaan untuk melahirkan tenaga kerja mahir yang mampu menampung keperluan dalam bidang pertanian dan perindustrian?
ms 173
A Menubuhkan kementerian pembangunan negara
B Menubuhkan institut latihan dan kemahiran
C Menubuhkan sekolah teknik dan vokasional
D Menubuhkan Bank Pembangunan dan Industri
12. Matlamat Dasar Pembangunan Nasional (DPN) adalah untuk mencapai perpaduan negara melalui
ms 174
A kerjasama antara kaum
B pengagihan kekayaan
C semangat toleransi
D wawasan 2020
13. Apakah objektif Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dilaksanakan?
ms 175
A mewujudkan masyarakat yang berdaya saing
B mewujudkan masyarakat penyayang
C mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian
D Mewujudkan masyarakat yang bersatu padu
14. Bagaimanakah kerajaan berusaha untuk menghapuskan kemiskinan tegar dalam kalangan masyarakat?
ms 176
A Pemberian subsidi kepada penanam padi dan nelayan
B Bantuan sara hidup kepada yang berkecukupan
C Menyediakan pinjaman modal untuk berniaga
D Memberikan khidmat nasihat kepada petani miskin
15. Peniaga bumiputera didedahkan dengan teknologi terbaharu, kemudahan modal, maklumat pasaran dan hubungan perniagaan dalam pasaran antarabangsa bagi membolehkan mereka
ms 177
A Bersaing di peringkat global
B bersaing dalam perniagaan moden
C Menghasilkan produk yang berkualiti
D Meluaskan pasaran di peringkat antarabangsa
16. Dasar Penswastaan dilancarkan oleh Tun Dr Mahathir bertujuan
ms 178
A Mengimbangi pemilikan harta antara kaum
B Memperhebatkan pembukaan tanah
C Mengurangkan tanggungjawab kerajaan
D Mempercepatkan pembangunan ekonomi
17. Apakah tujuan kerajaan meneruskan rancangan pembangunan wilayah yang saling melengkapi antara negeri?
ms 179
A Memupuk perpaduan nasional
B Meningkatkan integrasi ekonomi
C Melahirkan masyarakat yang bertoleransi
D Mewujudkan masyarakat yang bersatu padu
18. Apakah bukti yang menunjukkan dasar ekonomi yang dilaksanakan oleh kerajaan dan pihak swasta memberikan kesan terhadap peningkatan taraf hidup rakyat?
ms 181
A Lahir golongan pertengahan
B Peluang pekerjaan meningkat
C Kekayaan negara dinikmati bersama
D Saham bumiputera mencapai tiga puluh peratus
19. Pembangunan pendidikan berlaku seiring dengan pembangunan ekonomi. Mengapakah pendidikan tinggi penting kepada rakyat Malaysia?
ms 182
A Dapat memperbaiki taraf hidup rakyat.
B Melahirkan insan yang terbuka minda
C Meningkatkan pendapatan rakyat
D Mengimbangi pemilikan harta antara kaum
20. Pelaksanaan DEB dan DPN bertujuan membantu rakyat menikmati kehidupan yang lebih baik. Sebagai rakyat. Apakah nilai yang perlu kita ambil hasil kemakmuran yang dikecapi pada hari ini?
ms 187
A Yakin diri
B Bersyukur
C Berbangga
D Rajin berusaha

Bahagian B: Soalan Struktur

1. Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1) dan DEB berakhir pada tahun 1990. Usaha yang dilaksanakan melalui DEB diteruskan pula oleh Dasar Pembangunan Nasional (DPN).

a. Apakah objektif Dasar Pembangunan Nasional (DPN)?

.....
.....

2 markah

b. Nyatakan strategi yang digunakan dalam bidang ekonomi Dasar Pembangunan Nasional (DPN) untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

- i.
- ii.
- iii.

3 markah

c. Senaraikan strategi dalam bidang sosial DPN untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat

- i.
- ii.

2 markah

d. Sebagai warganegara Malaysia yang patriotik, apakah tindakan yang boleh anda lakukan untuk menyumbang dalam pembangunan ekonomi negara kita?

.....
.....
.....
.....

4 markah

2. Strategi asas DEB diteruskan dalam pelaksanaan DPN, iaitu membasmi kemiskinan serta menyusun semula masyarakat.

a. Jelaskan usaha kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan tegar dalam kalangan pelbagai kaum khususnya golongan bumiputera

.....
.....
.....
.....

4 markah

b. Senarai syarikat perniagaan milik agensi amanah yang dikhaskan untuk bumiputera yang telah diswastakan.

i.

ii.

2 markah

c. Pada pendapat anda, bagaimanakah masalah kemiskinan dalam kalangan masyarakat luar bandar boleh diatasi?

.....
.....
.....
.....

4 markah

Bahagian C: Soalan Esei

1. Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan dengan menggunakan beberapa pendekatan bertujuan melahirkan masyarakat yang bersatu padu melalui agihan ekonomi yang seimbang.

a. Huraikan langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam usaha meningkatkan taraf hidup rakyat. 8 markah

b. Jelaskan tentang Rancangan Buku Hijau yang telah dilancarkan oleh Tun Abdul Razak Hussein pada 20 Disember 1974. 4 markah

c. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) telah ditubuhkan pada 1 Julai 1956 di bawah Ordinan Kemajuan Tanah 1956. Berdasarkan pengetahuan sejarah dan pengetahuan am, terangkan usaha FELDA untuk meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar. 8 markah

8 markah

BAB 9 : DASAR LUAR MALAYSIA**9.1 Latar Belakang Dasar Luar**

1. Sejarah hubungan luar di negara bermula sejak zaman kerajaan-kerajaan Melayu dan Kesultanan Melayu Melaka dengan kerajaan sama ada di Alam Melayu atau di luar Alam Melayu.
2. Keadaan ini berterusan sehingga negara mencapai kemerdekaan apabila dasar luar yang dirancang dan dilaksanakan untuk memenuhi keperluan dan kepentingan negara.

Hubungan Luar Sebelum Melaka

1. Sebelum Kesultanan Melayu Melaka, kerajaan-kerajaan awal seperti P'an-p'an, Langkasuka dan Chih-t'u telah mengadakan hubungan dengan China.
2. Pada tahun 424 Masihi, kerajaan P'an-p'an menghantar utusan ke China manakala Kerajaan Langkasuka menghantar utusan ke China pada 523 Masihi dan Chih-t'u pada tahun 608 Masihi.
3. Penghantaran utusan menjadi bukti jelas wujudnya hubungan antara kerajaan-kerajaan tersebut dengan negara China.

Hubungan Luar Kesultanan Melayu Melaka

1. Kesultanan Melayu Melaka mempunyai hubungan yang erat dengan pelbagai kerajaan di rantau atau di luar Alam Melayu pada abad ke-15 dan ke-16.
2. Hubungan ini terjalin dalam hubungan diplomatik dan hubungan perdagangan.
3. Hubungan diplomatik dilaksanakan melalui penghantaran utusan manakala hubungan perdagangan dijalankan dengan beberapa buah kerajaan dan wilayah yang mendatangkan keuntungan kepada Melaka.

Kepentingan Hubungan Luar Kesultanan Melayu Melaka Abad ke-15

1. Menjamin kestabilan dan keselamatan kerajaan
2. Menjamin kemakmuran Melaka melalui hubungan perdagangan dengan negara lain
3. Mengekalkan penguasaan terhadap aktiviti perdagangan di Selat Melaka.
4. Memperoleh perakuan tentang kedaulatan Melaka.
5. Membantu Melaka muncul sebagai pusat penyebaran Islam.

Zaman British

Pada zaman British, hal ehwal luar negeri Melayu, Negeri-Negeri Selat (NNS), Sarawak dan Sabah dikawal oleh Pejabat Tanah Jajahan di London.

Selepas Kemerdekaan

1. Dasar luar negara memasuki era baharu setelah negara mencapai kemerdekaan.
2. Kemerdekaan membolehkan kita menggubal sendiri dasar luar untuk kepentingan negara.

3. Terdapat dua, perkembangan penting dalam dasar luar.
 - i. Pertama, semasa tempoh pentadbiran Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, dasar luar berbentuk probarat dan antikomunis.
 - ii. Perkembangan kedua bermula ketika pentadbiran Tun Abdul Razak Hussein apabila Malaysia lebih bersikap tidak memihak dan menjalinkan hubungan dengan negara lain tanpa mengira ideologi.
4. Dasar luar negara pada zaman kerajaan-kerajaan Melayu disesuaikan dengan keperluan dan perubahan pada masa itu.
5. Semasa British menguasai negara kita, dasar luar negara dikuasai oleh pihak British.
6. Setelah mencapai kemerdekaan membolehkan kita menggubal dasar luar negara kita sendiri.

9.2 Asas Penggubalan Dasar Luar

1. Penggubalan dasar luar Malaysia dilaksanakan berpandukan perkembangan ekonomi, sosial dan politik pada peringkat domestik dan antarabangsa.

Matlamat Penggubalan Dasar Luar

1. Dasar luar amat penting kerana dasar ini mempengaruhi tindakan negara dalam menghadapi suasana perkembangan politik wilayah, serantau dan antarabangsa.
2. Kejayaan dasar luar Malaysia dapat diukur dengan wujudnya hubungan baik-baik serta kerjasama yang erat dalam bidang ekonomi, politik, pertahanan serta kebudayaan pada peringkat antarabangsa
3. Sejak tahun 1956, persediaan asas untuk menubuhkan Kementerian Luar Negeri telah bermula dan dikenali sebagai Kementerian Hal Ehwal Luar.
4. Pada tahun 1966, nama kementerian ini diubah menjadi Kementerian Luar Negeri.
5. Wisma Putra berperanan menggubal dasar luar serta menjaga kepentingan nasional Malaysia pada peringkat antarabangsa.

Rumusan Matlamat Penggubalan Dasar Luar

- i. Mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara
- ii. Melindungi kepentingan nasional
- iii. Mempertahankan dan memajukan kepentingan Malaysia
- iv. Memupuk hubungan baik dengan negara luar.
- v. Menghadapi perkembangan cabaran politik ekonomi sosial.

Faktor Penggubalan Dasar Luar

Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi penggubalan dasar luar Malaysia, iaitu ikatan sejarah, keperluan nasional, kepimpinan dan persekitaran luar.

Ikatan Sejarah

1. Dasar luar digubal berdasarkan adanya ikatan sejarah antara negara ini dengan negara lain.
2. Ikatan sejarah dan budaya dengan negara serantau dan antarabangsa seperti Singapura, Indonesia, Brunei, Filipina, Thailand, Burma (Myanmar), China dan India menyebabkan Malaysia menjalinkan hubungan rapat dengan negara-negara ini.
3. Hubungan Malaysia dengan Arab Saudi, Mesir, Yaman dan Turki pula dipengaruhi oleh ikatan keagamaan yang terjalin sejak sekian lama.
4. Selepas mencapai kemerdekaan, negara kita telah menyertai pertubuhan Komanwel.

Keperluan Nasional

1. Keperluan nasional bermaksud memberikan keutamaan kepada kepentingan negara.
2. Dalam Menggubal dasar luar, kepentingan negara diberi perhatian utama untuk menjaga kedaulatan mahupun dasar yang menguntungkan negara.
3. Kedudukan yang strategik menjadi perkiraan utama dalam membentuk dasar luar dengan negara serantau.
4. Hubungan baik dengan negara luar membolehkan Malaysia menjaga kebajikan rakyat Malaysia yang berada di luar negara sekiranya diperlukan.
5. Kepentingan ekonomi dan keamanan menyebabkan Malaysia mengamalkan dasar luar yang bebas dan berkecuali serta menjalinkan hubungan dengan semua negara tanpa mengira ideologi.

Kepimpinan

1. Kebijaksanaan dan kebolehan seseorang pemimpin negara turut menjadi asas penting dalam penggubalan dasar luar Malaysia.
2. Pemimpin perlu peka akan perkembangan pada peringkat antarabangsa serta perubahan yang berlaku bagi menentukan hala tuju dasar luar negara.
3. Dasar menjalinkan hubungan dengan negara sedang membangun pada tahun 1990-an merupakan satu perubahan sikap pemimpin yang sebelum ini lebih cenderung kepada negara maju.
4. Malaysia telah menjalinkan hubungan dengan negara sedang membangun di Afrika dan negara kepulauan di Pasifik Selatan.

Persekitaran Luar

1. Perkembangan politik, ekonomi dan sosial antarabangsa yang sentiasa berubah menyebabkan penggubalan dasar luar Malaysia disesuaikan dengan perubahan yang berlaku.
2. Penggubalan dasar luar negara ditentukan oleh perkembangan yang berlaku pada peringkat antarabangsa seperti ketika era Perang Dingin. Pada masa itu, dasar luar negara dilihat lebih probarat.

3. Malaysia mengubah dasar daripada probarat kepada tidak berpihak berdasarkan perkembangan yang berlaku pada tahun 1970-an.

9.3 Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

1. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ditubuhkan pada tahun 1945 dengan matlamat mengekalkan keamanan dan kestabilan dunia. Malaysia menjadi anggota PBB sejak negara mencapai kemerdekaan. Dr. Ismail Abdul Rahman dilantik sebagai wakil tetap ke PBB yang pertama.
2. Malaysia mendukung Piagam PBB serta menyertai agensi PBB. Penglibatan Malaysia dalam PBB menjadi bukti jelas komitmen Malaysia untuk bekerjasama dan mewujudkan keamanan pada peringkat dunia.

Pelibatan Malaysia

1. Malaysia memberikan komitmen dan kerjasama yang penuh kepada PBB sejajar dengan pendirian Malaysia dalam soal antarabangsa, iaitu "hidup bersama secara aman".
2. Komitmen dan kerjasama ini dapat dilihat melalui empat perkara, iaitu mendukung Piagam PBB, terlibat dengan agensi di bawah PBB, memberikan sumbangan untuk misi pengaman dan membenarkan rakyat Malaysia terlibat dalam agensi PBB.

Mendukung Piagam PBB

1. Mendukung penuh Piagam PBB yang selaras dengan pendirian negara kita, iaitu menegakkan hak asasi manusia dan menggariskan prinsip yang berkaitan dengan pencapaian taraf hidup dan hak asasi manusia untuk semua tanpa membezakan kaum, jantina, bahasa atau agama.
2. Konsep hormat-menghormati kedaulatan wilayah negara lain.
3. Tidak campur tangan dalam urusan hal ehwal negara lain.

Terlibat dalam Agensi PBB

1. Terlibat dengan United Nations of Educational, Scientific and Cultural Organization - UNESCO (Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan) PBB. Pelibatan aktif Malaysia membolehkan beberapa tapak di Malaysia, iaitu Gunung Mulu dan Taman Kinabalu (2000), Bandar Melaka dan Georgetown (2008) serta Lembah Lenggong (2012) diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia.
2. Bekerjasama dengan Food and Agriculture Organization FAO (Pertubuhan Makanan Sedunia) dalam bidang pengeluaran makanan.
3. Terlibat dengan World Health Organization WHO (Pertubuhan Kesihatan Sedunia) dalam bidang kesihatan dan perubatan.
4. Memberikan kebenaran kepada PBB untuk membuka pejabat United Nations High Commissioner for Refugees UNHCR

(PesuruhjayaTinggi Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Pelarian) di Kuala Lumpur. UNHCR ialah badan yang bertanggungjawab menjaga dan melindungi golongan pelarian serta golongan yang tidak bernegara.

- Menyertai Majlis Keselamatan, badan penting di PBB. Majlis ini bertanggungjawab mengekalkan keamanan dan keselamatan antarabangsa. Malaysia dipilih sebanyak empat kali sebagai anggota tetap Kerusi Majlis Keselamatan PBB, iaitu pada tahun 1965, 1989-1990, 1999-2000 dan 2015-2016.

Sumbangan dalam Misi Pengaman

- Malaysia memberikan sumbangan besar dalam menjayakan misi pengaman anjuran PBB di negara yang berkonflik.
- Disiplin dan kemampuan pasukan tentera Malaysia dalam menggalas tugas misi pengaman ini sememangnya diakui oleh PBB.
- Antara misi pengaman yang disertai oleh Malaysia termasuklah di Congo, Namibia, Somalia, Bosnia dan Herzegovina, Kemboja (Cambodia), Timor Leste, Ethiopia dan Lubnan.
- Tugas pasukan pengaman ini antaranya termasuklah memastikan keselamatan penduduk, mengawasi gencatan senjata dalam perang saudara dan mendaulatkan

Misi Pengaman yang disertai oleh Malaysia

- Congo United Nations Operation in the Congo (UNOC) dari tahun 1960 hingga tahun 1964.
- Namibia, United Nations Transition Assistance Group (UNTAG) dari tahun 1989 hingga tahun 1990.
- Kemboja, United Nations Transitional Authority in Cambodia (UNTAC) dari tahun 1992 hingga tahun 1993.
- Bosnia dan Herzegovina, United Nations Protection Force (UNPROFOR) dari tahun 1992 hingga tahun 1995.
- Somalia, United Nations Operation in Somalia II (UNOSOM II) dari tahun 1992 hingga tahun 1995.
- Timor Leste, International Force in East Timor (INTERFET) dari tahun 1999 hingga tahun 2002.
- Lubnan, United Nations In Force in Lebanon (UNIFIL) dari tahun 2007 hingga kini
- Ethiopia, United Nations Mission in Ethiopia and Eritrea (UNMEE) dari tahun 2000 hingga tahun 2008.

Misi Pegawai Pemerhati yang disertai oleh Malaysia

- Malaysia turut terlibat dalam misi pegawai pemerhati di bawah PBB di negara yang menghadapi konflik seperti di Sierra Leone, Chad-Libya, Bosnia dan Herzegovina, Iraq, Kemboja, Liberia, Congo, Namibia, Angola, Mozambique, Ethiopia dan Timor Leste.
- Tugas Pegawai Pemerhati antaranya termasuklah membantu pentadbiran dan pengurusan,

memberikan latihan teknikal dan menjadi jurubahasa.

- Antara misi Pegawai pemerhati yang disertai oleh Malaysia ialah:
 - Namibia**, United Nations Transition Assistance Group (UNTAG) dari bulan Februari 1989 hingga bulan April 1990
 - Sahara Barat**, United Nations Mission for the Referendum in Western Sahara (MINURSO) dari bulan Julai 1991 hingga kini
 - Kemboja**, United Nations Advance Mission, in Cambodia (UNAMIC) dari tahun 1991 hingga tahun 1992.
 - Iraq**, United Nations Iraq-Kuwait Observation Mission (UNIKOM) dari tahun 1991 hingga tahun 2003.
 - Chad-Libya**, United Nations Aouzou Strip Observer Group (UNASOG) pada tahun 1994.
 - Angola**, United Nations Angola Verification Mission (UNAVEM II) dari tahun 1991 hingga tahun 1995
 - Bosnia dan Herzegovina**, United Nations Mission in Bosnia and Herzegovina (UNMIBH) dari tahun 1995 hingga tahun 1996.
 - Timor Leste**, United Nations Transitional Administration in East Timor (UNTAET) dari tahun 1999 hingga tahun 2002.
 - Sierra Leone**, United Nations Mission in Sierra Leone (UNAMSIL) dari tahun 1999 hingga tahun 2005.
 - Liberia**, United Nations Observer Mission in Liberia (UNOMIL) dari bulan Ogos 1993 hingga 1997.
 - Congo**, United Nations Organization Stabilization Mission in the DR Congo (MONUSCO) dari tahun 1999 hingga kini.
 - Ethiopia**, United Nations Mission in Ethiopia and Eritrea (UNMEE) dari tahun 2000 hingga tahun 2008.
 - Mozambique**, United Nations Operation in Mozambique (ONUMOZ) dari tahun 1992 hingga tahun 1994

Tokoh Malaysia dalam Agensi PBB

- Selaku anggota PBB yang prihatin, pelibatan Malaysia bukan sekadar menyuarakan pandangan dalam forum dan persidangan PBB atau terlibat dengan misi pengaman, malah negara turut berbangga dengan kejayaan yang dibawa oleh anak Malaysia dalam badan dunia tersebut.

Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood

- Doktor perubatan dan aktivis kemanusiaan.
- 2008 - merupakan seorang daripada 16 orang ahli yang dilantik oleh Setiausaha Agung PBB sebagai Penasihat Kumpulan Tabung Tindakan Kecemasan Pusat.
- 2009 hingga 2011 -terlibat dengan United Nations Population Fund (UNFPA), sebuah agensi PBB di New York.

- 2014-menjawat jawatan Ketua Sekretariat Sidang Kemuncak Kemanusiaan Dunia di PBB yang menyelaraskan aktiviti kemanusiaan di seluruh dunia.

Datuk Maimunah Mohd Sharif

- Penjawat awam.
- 2017 hingga 2020 - mengetuai UN-Habitat dan merupakan wanita pertama di Asia yang menjawat jawatan tersebut.
- UN - Habitat dianggap sebagai agensi paling aktif di dunia yang memberikan tumpuan kepada kehidupan bandar yang mapan ketika populasi dunia berkembang dengan pesat.

Tan Sri Razali Ismail

- Tokoh diplomat.
- 1990 hingga 1992 - mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat United Nations Development Programme (UNDP).
- 1991 - dilantik sebagai Naib Presiden Majlis Ekonomi dan Sosial PBB (Economic and Social Council - ECOSOC) dan bertanggungjawab terhadap usaha pembangunan di negara anggota PBB.
- 2000 hingga 2005 - wakil khas Setiausaha Agung PBB ke Myanmar.

Dr. Jomo Kwame Sundaram

- Ahli akademik.
- Disember 2004 - dilantik sebagai Penyelaras Penyelidikan (Kehormat) Kumpulan Antara Kerajaan G24 bagi Hal Ehwal Kewangan dan Pembangunan Antarabangsa.
- 2005 - dilantik sebagai Penolong Setiausaha Agung bagi Pembangunan Ekonomi di Jabatan PBB Hal Ehwal Ekonomi dan Sosial.
- 2012 hingga 2015 - dilantik sebagai Penolong Ketua Pengarah dan Penyelaras Pembangunan Ekonomi dan Sosial di Pertubuhan Makanan dan Pertanian PBB.

Tan Sri Aboo Samah Aboo Bakar

- Dilantik sebagai Pemerintah Tertinggi UNOSOM II di Somalia.
- Warga Malaysia pertama yang diberi kepercayaan untuk menjadi Pemerintah Tertinggi Tentera PBB.
- Pelantikan ini menandakan pengiktirafan PBB dan masyarakat antarabangsa terhadap komitmen Malaysia dalam usaha mengembalikan keamanan sejagat serta keprihatinan dalam soal kemanusiaan.

9.4 Malaysia dalam Komanwel

- Komanwel merupakan badan yang dianggotai oleh negara bekas tanah jajahan dan naungan British yang telah merdeka.

- Badan ini ditubuhkan untuk membina semangat setia kawan negara anggota serta mewujudkan kerjasama dalam pelbagai bidang.
- Penyertaan dalam Komanwel memberikan manfaat besar kepada negara.
- Malaysia memperjuangkan hak asasi manusia, kerjasama ekonomi, pembangunan bidang sosial serta terlibat dalam pengurusan isu antarabangsa melalui Komanwel.

Penyertaan dan Sumbangan

- Malaysia sentiasa memberikan komitmen penuh untuk menjayakan segala rancangan yang diatur dan dilaksanakan oleh Komanwel.
- Komitmen ini dapat dilihat melalui kerjasama ekonomi dan pembangunan antara negara Komanwel, penyertaan dalam Sukan Komanwel dan membangkitkan pelbagai isu seperti dasar Aparteid dalam Commonwealth Heads of Government Meeting - CHOGM (Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel).
- Malaysia juga bersetuju menjadi tuan rumah CHOGM pada tahun 1989.

Rancangan Colombo

Malaysia turut menyertai Rancangan Colombo, iaitu rancangan pembangunan ekonomi dan sosial di bawah Komanwel yang dilaksanakan sejak tahun 1951.

- Rancangan Colombo bertujuan menangani masalah kemiskinan dalam kalangan anggota Komanwel.
- Mendapat khidmat nasihat berkaitan dengan pendidikan, pertanian, teknikal dan kesihatan.
- Terlibat dalam program latihan untuk kakitangan awam dan pembangunan sektor swasta sejak tahun 1995.
- Memberikan bantuan dalam pelbagai bidang kepada negara anggota yang belum membangun melalui Rancangan Colombo ini.

Kerjasama Pertahanan

Malaysia turut terlibat dalam kerjasama pertahanan, iaitu melalui perjanjian yang ditandatangani pada 12 Oktober 1957 antara Britain dengan Tanah Melayu. Perjanjian ini memperkukuh pertahanan dan keselamatan negara.

- Perjanjian ini membolehkan Britain serta negara Komanwel memberikan komitmen terhadap pertahanan negara.
- Kerajaan menyediakan kemudahan kepada tentera Britain dan pasukan Simpanan Strategik Komanwel sama ada untuk obligasi Komanwel mahupun keperluan antarabangsa.

Kerjasama Ekonomi

Negara Komanwel merupakan antara rakan dagang Malaysia yang utama.

- i. Komoditi utama negara dieksport ke negara anggota Komanwel dengan lebih mudah.
- ii. Kadar cukai yang dikenakan lebih rendah. Contohnya, cukai eksport barangan siap dan cukai produk digital.
- iii. Pelbagai kemudahan turut disediakan seperti kemudahan kredit dan bantuan dana Komanwel.
- iv. Pelaburan daripada negara Komanwel juga penting kepada pembangunan ekonomi negara.

Penentangan Dasar Aparteid

1. Dasar Aparteid menjadi isu penting yang menarik perhatian Komanwel.
2. Malaysia turut lantang menentang dasar ini kerana dasar ini menyalahgunakan hak asasi manusia dengan membezakan hak seseorang berdasarkan warna kulit.
3. Ketegasan Malaysia bersama-sama negara lain menyuarakan isu ini dalam Komanwel menyebabkan Afrika Selatan menarik diri daripada Komanwel.

Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM)

1. Malaysia turut terlibat dalam Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM) yang diadakan dua tahun sekali.
2. Persidangan ini membincangkan isu semasa antarabangsa yang berkaitan dengan negara anggota.
3. Pada tahun 1989, Malaysia dipilih menjadi tuan rumah persidangan (CHOGM).

Sukan Komanwel

1. Sukan Komanwel merupakan sukan yang kedua terbesar di dunia selepas Sukan Olimpik.
2. Sukan ini diadakan setiap empat tahun sekali.
3. Penyertaan Malaysia dalam sukan ini mampu mengeratkan hubungan antara negara anggota.
4. Pencapaian atlet kita dalam sukan ini telah mengharumkan nama negara.
5. Malaysia pernah menjadi tuan rumah sukan Komanwel pada tahun 1998.

9.5 Cabaran Mengukuhkan Dasar Luar

1. Dasar luar Malaysia memasuki fasa baharu sejak tahun 1970-an. Perubahan yang berlaku dalam ekonomi, sosial dan politik pada peringkat antarabangsa turut memberikan kesan kepada negara kita.
2. Tempoh masa ini menjadi penting dalam sejarah dasar luar Malaysia kerana merupakan tempoh pengukuhan serta menguji kemampuan Malaysia menghadapi cabaran baharu.

3. Cabaran ini meliputi aspek politik, pertahanan dan ekonomi.

Cabaran Politik Antarabangsa

Cabaran politik antarabangsa sememangnya sangat mempengaruhi dasar luar Malaysia.

1. Malaysia mengamalkan dasar berkecuali apabila menjalinkan hubungan dengan negara luar tanpa mengira ideologi.
2. Keadaan ini membolehkan Malaysia menjalinkan hubungan dengan negara China melalui lawatan oleh Tun Abdul Razak Hussein ke negara tersebut pada tahun 1974.

Cabaran Politik Serantau

Peluasan pengaruh komunis di Indochina menyebabkan ketidakstabilan kepada rantau Asia Tenggara.

- i. Berlakunya kebanjiran pendatang asing Vietnam di Asia Tenggara. Malaysia turut terkesan dengan perkembangan tersebut.
- ii. Pada tahun 1976, Malaysia menggerakkan usaha menyokong Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara ASEAN di Bali, Indonesia, bagi membincangkan pergolakan di Indochina serta masa hadapan rantau Asia Tenggara.

Cabaran Keselamatan dan Pertahanan

1. Anglo-Malaysian Defence Agreement (AMDA), iaitu perjanjian antara Malaysia dengan Britain ditamatkan pada tahun 1971.
2. Berikutan itu, Malaysia menandatangani perjanjian pertahanan baharu, iaitu Five Power Defence Arrangements-FPDA atau Perjanjian Pertahanan Lima Negara pada 15 April hingga 16 April 1971 yang melibatkan Malaysia, Singapura, Britain, New Zealand dan Australia.
3. Malaysia akan memperoleh bantuan teknikal dan latihan bersama bagi memperkukuh pertahanan dan keselamatan negara melalui FPDA.
4. Malaysia turut bekerjasama dengan negara ASEAN dalam memperkuatkan pertahanan dan keselamatan rantau Asia Tenggara.
5. Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN diadakan bagi membincangkan kerjasama ini.
6. Malaysia juga menandatangani perjanjian sempadan dengan Thailand pada tahun 1965 untuk menangani isu keselamatan.

Cabaran Pembangunan Ekonomi

1. Cabaran utama yang dihadapi oleh Malaysia dalam ekonomi ialah wujudnya dominasi negara maju bagi menentukan harga komoditi bijih timah, getah, hasil minyak dan gas negara.
 - i. Anggota pertubuhan antarabangsa seperti International Tin Council (ITC) atau Majlis Timah Antarabangsa dan General Agreement on Tariffs

- and Trade (GATT) atau Perjanjian Umum Tarif dan Perdagangan.
- ii. Desakan Malaysia agar harga barangan dapat dikawal disuarakan melalui organisasi ini bagi membolehkan Malaysia memperoleh hasil daripada minyak dan gas.
 - iii. Selain itu, Malaysia menubuhkan PETRONAS pada tahun 1974 untuk membangunkan sektor minyak dan gas negara.

9.6 Malaysia dalam Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)

1. Malaysia memberikan perhatian serius dalam hubungannya dengan negara serantau kerana Malaysia berpandangan keselamatan dan keutuhan masa hadapan negara berkait rapat dengan kemantapan dan keamanan kawasan Asia Tenggara.
2. Keselamatan Malaysia tidak akan terjamin selagi jirannya hidup berpecah belah. Pelibatan Malaysia dalam negara serantau membolehkan negara kita menjadi anggota ASEAN yang memberikan manfaat dalam ekonomi, sosial dan politik.

Pelibatan Malaysia

1. Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASA) ditubuhkan pada tahun 1961 merupakan gabungan pertama yang melibatkan tiga negara di Asia Tenggara, iaitu Malaysia, Filipina dan Thailand.
2. Pada tahun 1963, persefahaman yang membabitkan antara Malaysia, Filipina dan Indonesia (MAPHILINDO) diwujudkan bagi menyelesaikan isu pembentukan Malaysia.
3. Namun begitu, MAPHILINDO gagal mencapai matlamatnya.
4. Dalam usaha untuk meningkatkan semangat setia kawan dan keserantauan, maka diwujudkan ASEAN pada 8 Ogos 1967.
5. Pada peringkat awal, ASEAN hanya dianggotai oleh lima negara, iaitu Malaysia, Indonesia, Singapura, Filipina dan Thailand.
6. ASEAN kemudiannya menerima lima anggota baharu, iaitu Brunei, Myanmar, Laos, Kemboja dan Vietnam.
7. Penubuhan ASEAN dianggap sebagai kejayaan cemerlang terhadap dasar luar Malaysia.

Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN)

1. Deklarasi Zone of Peace Freedom and Neutrality - ZOPFAN (Zon Aman,-Bebas dan Berkecuali) diumumkan pada tahun 1971 di Kuala Lumpur. Deklarasi ini menjadi subjek penting yang dikemukakan oleh Malaysia dalam ASEAN.
2. Langkah Malaysia menjalinkan hubungan dengan China merupakan sebahagian daripada pengisian konsep ZOPFAN tersebut.
3. Malaysia menjadikan ASEAN sebagai platform terpenting untuk mengisytiharkan perubahan

dasar luar negara pada peringkat serantau dan global.

4. Langkah ini termasuklah mendapatkan pengiktirafan daripada kuasa besar seperti Amerika Syarikat, Rusia dan China.

Penyelesaian Konflik Serantau

1. Malaysia terlibat secara aktif mencari penyelesaian dalam konflik politik yang berlaku di Indochina, terutamanya di Vietnam dan Kemboja kerana dibimbangi akan menjejaskan kestabilan rantau Asia Tenggara.
2. Konflik di Vietnam dan Kemboja berkaitan dengan ancaman komunis dan pelarian.
3. Malaysia menyeru agar kuasa besar tidak campur tangan dalam isu di Vietnam.
4. Isu di Kemboja pula berjaya diselesaikan melalui pilihan raya pada tahun 1993.
5. Malaysia turut menghantar pasukan pengaman di bawah PBB (Misi UNTAC).

Kerjasama Ekonomi

1. Negara anggota ASEAN merupakan rakan dagang Malaysia yang penting. Kerjasama ekonomi ASEAN bermula sejak tahun 1970-an. Antara kerjasama ekonomi ASEAN:-
 - i. Pada tahun 1978, Projek Industri ASEAN (AIP) dimulakan. Antara projek yang berjaya termasuklah pengeluaran baja urea di Indonesia (1984) dan Malaysia (1986).
 - ii. Pengeluaran baja fosfat dan kuprum di Filipina serta penghasilan serbuk soda di Thailand juga berjaya dilaksanakan.
 - iii. Potensi perdagangan antara negara ASEAN yang besar menyebabkan Malaysia mempromosikan dan menyokong konsep integrasi ekonomi ASEAN. Sokongan ini diharap mewujudkan satu pasaran tunggal ASEAN yang bebas seperti penggunaan mata wang ASEAN.
 - iv. Beberapa insentif dilaksanakan termasuklah melalui Skim Keutamaan Perdagangan (SKP) yang dicadangkan pada tahun 1976 dan dilaksanakan pada tahun 1978 bagi meningkatkan perdagangan antara negara ASEAN.
 - v. Pemotongan cukai barangan dilakukan melalui skim ini. Malaysia menawarkan pemotongan cukai ke atas pelbagai jenis produk keluaran negara anggota ASEAN.

Kerjasama Sosial

1. Malaysia menjalinkan kerjasama sosial melalui penubuhan Southeast Asian Ministers of Education Organization -SEAMEO (Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara). Antara kerjasama tersebut ialah:-
 - i. Kerjasama dalam semua bidang yang berkaitan dengan pendidikan, pertukaran pelajar dan

penubuhan pusat serantau pendidikan seperti pembinaan The Regional Centre for Education in Science and Mathematics - RECSAM (Pusat Serantau Pendidikan untuk Sains dan Matematik) di Pulau Pinang.

- ii. Kerjasama dalam bidang kebudayaan dilaksanakan seperti mengadakan festival kebudayaan dan kesenian melalui penubuhan Tabung Kebudayaan ASEAN.
- iii. Sukan SEA dilaksanakan untuk menjalinkan kerjasama dalam sukan.

9.7 Malaysia dalam Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM)

1. Selepas mencapai kemerdekaan, Malaysia mengamalkan dasar probarat. Ketika itu, Malaysia menolak untuk bersikap neutral dan menyertai sebarang pakatan negara tanpa pihak kerana akan menyebabkan negara terjerumus dalam konflik antarabangsa.
2. Dasar probarat ditamatkan dan Malaysia mengubah dasarnya dengan mengamalkan dasar berkecuali dan terlibat secara aktif dalam NAM. Pelibatan Malaysia dalam NAM membolehkan Malaysia menjalinkan hubungan yang lebih terbuka dengan pelbagai pihak tanpa sebarang sekatan.

Peranan Malaysia

1. Penyertaan Malaysia dalam NAM bermula dengan kehadiran Muhammad Ghazali Shafie, iaitu Setiausaha Tetap Kementerian Luar Negeri dalam mesyuarat penyediaan bagi Sidang Kemuncak di Dar es Salam, Tanzania pada bulan April 1970.
2. Penyertaan dalam NAM merupakan bukti bahawa Malaysia mengubah dasar luarnya daripada probarat kepada dasar yang lebih terbuka berasaskan prinsip neutral, aman bebas dan berkecuali.
3. Sejak menyertai NAM, Malaysia memainkan peranan penting dalam pelbagai bidang. Kelantangan Malaysia menyuarakan pandangan tentang pelbagai isu yang melibatkan negara anggota NAM telah menaikkan nama Malaysia.
4. Peranan Malaysia dapat dilihat melalui kesediaannya menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak NAM pada tahun 2003, menjadi Pengerusi NAM, memperjuangkan pelbagai isu seperti dasar Aparteid, isu Palestin dan Bosnia dan Herzegovina serta melaksanakan dasar aman dan berkecuali.

Tuan Rumah Sidang Kemuncak dan Pengerusi

1. Malaysia menjadi tuan rumah kepada Sidang Kemuncak NAM kali ke-13 pada tahun 2003.
2. Dalam sidang ini, deklarasi Kuala Lumpur menyatakan sikap NAM terhadap isu Palestin serta serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq yang dianggap sebagai satu pencerobohan kuasa besar terhadap negara kecil.

3. Menjadi tuan rumah bagi Sidang Kemuncak NAM membuktikan kemampuan Malaysia dalam mengendalikan persidangan bertaraf dunia.
4. Negara kita menjadi Pengerusi NAM dari tahun 2003 hingga tahun 2006. Tugas ini dilaksanakan dengan jayanya oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi Perdana Menteri Malaysia ketika itu.
5. Perkembangan ini menjulang nama Malaysia dalam kalangan negara anggota.
6. Bagi menggalas tanggungjawab sebagai Pengerusi, Malaysia berusaha untuk meningkatkan tahap kemajuan dan pembangunan anggota NAM serta bekerjasama agar menjadi organisasi yang dihormati.

Peranan dalam Politik

1. Malaysia lantang menyuarakan isu pencerobohan terhadap hak asasi manusia dan negara lain seperti isu Aparteid serta Bosnia dan Herzegovina.
2. Malaysia menjadikan NAM sebagai platform menyuarakan sikap Malaysia terhadap isu Aparteid. Malaysia bersetuju agar tekanan politik dan ekonomi dikenakan kepada Afrika Selatan bagi menangani isu ini.
3. Malaysia membangkitkan isu berkaitan dengan Bosnia dan Herzegovina yang sedang ditekan oleh Serbia pada Sidang Kemuncak NAM di Jakarta, Indonesia (1992). Kedudukan Yugoslavia, salah sebuah negara pengasas NAM digantung daripada pertubuhan ini.
4. Tindakan menggantung keahlian Yugoslavia merupakan hasil kejayaan bersama Malaysia dan negara anggota yang lain. Malaysia turut menerima sejumlah pelarian Bosnia dan Herzegovina.

Dasar Keamanan dan Berkecuali

1. Sejak pelibatan Malaysia dalam NAM, suara serta pandangan Malaysia yang meminta agar rantau Asia Tenggara diterima sebagai sebuah kawasan berkecuali sering diutarakan.
2. Malaysia berpandangan bahawa negara kuasa besar seperti China, Rusia dan Amerika Syarikat perlu mengakuinya serta tidak campur tangan atau memberikan tekanan kepada negara di rantau tersebut.
3. Dalam isu kawalan senjata nuklear, Malaysia menandatangani Perisytiharan Lusaka pada tahun 1970 sebagai iltizam NAM mendesak pengharaman senjata tersebut.

9.8 Malaysia dalam Pertubuhan Kerjasama Islam [OIC]

1. Malaysia menyertai OIC yang dianggotai oleh 57 buah negara. Pertubuhan ini ditubuhkan pada 25 September 1969 bersempena dengan Persidangan Dunia Islam pertama di Rabat, Maghribi, ketika memuncaknya serangan ganas terhadap Masjid al-Aqsa oleh puak Zionis.

2. Tindakan puak Zionis mendorong para pemimpin Islam menubuhkan sebuah pertubuhan antarabangsa untuk memperjuangkan kepentingan umat Islam dalam segenap bidang di seluruh dunia.

Pelibatan Malaysia

1. Pelibatan awal Malaysia dalam isu masyarakat Islam antarabangsa telah bermula sejak era Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj.
2. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj menyuarakan agar diwujudkan sebuah pertubuhan Islam untuk menjaga kepentingan masyarakat Islam di seluruh dunia.
3. Hasrat ini semakin kuat selepas berlangsungnya Persidangan Pertama Kongres Islam Sedunia Rantau Asia Tenggara pada tahun 1964 di Kuala Lumpur.
4. Pada bulan April 1969, Kuala Lumpur menjadi tuan rumah kepada Persidangan Islam Antarabangsa.
5. Agenda yang diputuskan di Kuala Lumpur ini dibawa ke Rabat, Maghribi, sehingga tertubuhnya OIC.
6. Perbincangan tentang pelibatan Malaysia dalam OIC dapat dilihat melalui pelantikan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj sebagai Setiausaha Agung Pertama.
7. Malaysia pernah menjadi Pengerusi OIC dan membangkitkan pelbagai isu berkaitan dengan masyarakat Islam.

Setiausaha Agung Pertama

1. Pelibatan Malaysia dalam OIC dapat dilihat melalui pelantikan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj sebagai Setiausaha Agung yang pertama dan memegang jawatan tersebut antara tahun 1970 hingga tahun 1974.
2. Tugas utama Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj ini adalah untuk mengukuhkan OIC dan memastikan masyarakat Islam di seluruh dunia mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Pengerusi OIC

1. Malaysia turut memainkan peranan penting dalam OIC apabila Tun Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia kelima dilantik sebagai pengerusi OIC pada tahun 2003.
2. Sebagai pengerusi, Malaysia berhadapan dengan tohmahan yang sedang melanda masyarakat Islam kerana sering dikaitkan dengan 3K, iaitu keganasan, kemiskinan dan kemunduran.
3. Malaysia mengetengahkan nilai kesederhanaan dan menolak keganasan.

Pembangunan Pendidikan

1. Malaysia bersama-sama OIC memberikan penekanan kepada pembangunan sosial terutamanya dalam bidang pendidikan melalui pembiayaan pelajaran dan kebajikan.
2. Usaha ini ditunjukkan melalui pembinaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) serta memberikan biasiswa kepada pelajar dari negara OIC untuk belajar di universiti ini.

Menangani Isu Politik Negara Islam

1. Pelibatan Malaysia dalam OIC jelas kelihatan sewaktu menyuarakan pandangan tentang isu politik yang melanda negara Islam seperti Palestin, Afghanistan dan perang Iran-Iraq.
 - i. Malaysia menjadi perantara bagi menyelesaikan konflik Iran-Iraq melalui OIC. Berikutan pengumuman gencatan senjata antara Iran-Iraq pada bulan Ogos 1988, sepasukan 15 orang pegawai tentera Malaysia menyertai pasukan tentera pemerhati PBB.
 - ii. Malaysia memberikan sokongan kuat kepada perjuangan rakyat Palestin dan Palestine Liberation Organization - PLO (Pertubuhan Pembebasan Palestin). Malaysia menjadi tuan rumah bagi Persidangan Keserantau Asia berkaitan dengan Palestin di Kuala Lumpur pada bulan Mei 1983. Malaysia menyokong hak rakyat Palestin bagi menentukan nasib sendiri termasuk hak mereka untuk mempunyai sebuah negara yang merdeka.
 - iii. Malaysia juga menyokong perjuangan Mujahidin Afghanistan terhadap Rejim Kabul. Rejim Kabul ini dibantu oleh Kesatuan Rusia sejak tahun 1979. Malaysia membenarkan Mujahidin Afghanistan membuka pejabat perwakilan di Kuala Lumpur pada tahun 1984.

Pembangunan Ekonomi

1. Malaysia turut aktif membangunkan ekonomi negara anggota OIC. Negara kita menyokong aktiviti Islamic Development Bank - ISDB (Bank Pembangunan Islam) yang ditubuhkan pada tahun 1973.
2. Malaysia menyertai ISDB pada tahun 1974 dan memperoleh faedah berupa pinjaman daripada bank ini untuk membiayai projek pembangunan negara.
3. Penubuhan ISDB turut membawa perkembangan penting dalam sistem perbankan Islam melalui penubuhan bank Islam di serata dunia seperti Dubai Islamic Bank pada tahun 1975, Islamic Bank of Bahrain pada tahun 1979 dan Bank Islam Malaysia Berhad pada tahun 1983.

BAHAGIAN A : SOALAN OBJEKTIF

1. Apakah bukti jelas yang menunjukkan wujudnya hubungan antara kerajaan-kerajaan awal seperti p'an-p'an, Langkasuka dan Chih-t'u dengan negara China?
 - A Menghantar utusan
 - B Membayar ufti bunga emas
 - C Membeli barangan mewah
 - D Kehadiran laksmana dari China
2. Apakah kepentingan hubungan luar Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15?
 - I. Terselamat daripada ancaman musuh
 - II. Mendapat perlindungan kerajaan China
 - III. Menjamin kestabilan dan kemakmuran
 - IV. Membantu Melaka muncul sebagai pusat perdagangan
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
3. Antara matlamat penggubalan dasar luar Malaysia ialah
 - A Memelihara keamanan dunia
 - B melindungi kepentingan nasional
 - C Mendapatkan perlindungan politik
 - D Mendapatkan bantuan ekonomi negara luar
4. Mengapakah Malaysia menjalinkan hubungan baik dengan negara Arab Saudi, Mesir, Yaman dan Turki?
 - A Ikatan keagamaan
 - B Mendapat bantuan kewangan
 - C Sejarah penyebaran Islam ke Tanah Melayu
 - D Telah wujud zaman Kesultanan Melayu Melaka
5. Apakah faktor Malaysia menjalinkan hubungan rapat dengan Britain selepas mencapai kemerdekaan?
 - A Ikatan sejarah
 - B Keperluan nasional
 - C Meningkatkan teknologi pertanian
 - D Mendapatkan bantuan ketenteraan
6. Sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia telah memberi dukungan penuh piagam PBB iaitu
 - I. Menegakkan hak asasi manusia
 - II. Tidak campur tangan urusan hal ehwal negara lain
 - III. Menandatangani Konvensyen Status Pelarian 1951
 - IV. Membenarkan pelarian tinggal sementara di Malaysia
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
7. Sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia telah memberi sumbangan ke atas memelihara keamanan dunia. Apakah sumbangan tersebut?
 - A Tidak terlibat dalam persengketaan dunia
 - B Menghantar pasukan pengaman di Palestin
 - C Terlibat dalam menamatkan persengketaan di Bosnia
 - D Membenarkan rakyat Malaysia terlibat dalam agensi PBB
8. Antara sumbangan Malaysia dalam dalam misi pengaman PBB ialah
 - A membebaskan negara yang dijajah
 - B mengawasi gencatan senjata perang saudara
 - C menyarankan pembentukan tentera pelbagai negara
 - D menyarankan penggunaan dinar emas
9. Malaysia turut terlibat dalam misi pegawai pemerhati di bawah PBB di negara yang menghadapi konflik. Apakah tugas pegawai pemerhati?
 - A Menjadi urubahasa
 - B Menjadi penunjuk arah
 - C mengawasi gencatan senjata
 - D Memastikan keselamatan orang awam
10. Apakah tujuan Tanah Melayu menandatangani perjanjian pertahanan dengan Britain pada 12 Oktober 1957?
 - A Membeli peralatan perang
 - B Memperkukuhkan pertahanan negara
 - C Memperkasakan hubungan diplomatik
 - D Meningkatkan kemasukan pelabur asing
11. Apakah tujuan Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM) yang diadakan dua tahun sekali?
 - A Memupuk keamanan dunia
 - B Mengeratkan hubungan perdagangan
 - C Meningkatkan kerjasama pendidikan
 - D Membincangkan isu berkaitan negara anggota

12. Jadual berikut menunjukkan perubahan dasar luar Malaysia.

Dasar Luar Malaysia	
Sebelum 1971	Pro-Barat
Selepas 1971	Berkecuali

Mengapakah berlaku perubahan dasar tersebut?

- A Suasana yang aman di Vietnam
 B Bantuan pertahanan dari Komanwel
 C Perjanjian Inggeris-Tanah Melayu ditandatangani
 D Perubahan dalam socio-ekonomi dan politik dunia
13. Cabaran utama yang dihadapi oleh Malaysia dalam ekonomi ialah wujudnya dominasi negara maju bagi menentukan
- A harga komoditi
 B pasaran saham
 C kemasukan pelabur
 D pinjaman bank Dunia
14. Apakah tujuan ASEAN ditubuhkan pada 8 Ogos 1967
- A Meningkatkan semangat setia kawan
 B Mewujudkan kerjasama bidang ekonomi
 C Menjadi Asia Tenggara bebas senjata nuklear
 D Mewujudkan kerjasama pertahanan
15. Kerjasama ASEAN dalam bidang pendidikan membawa kepada terbentuknya Pusat Serantau Pendidikan untuk Sains dan Matematik (RECSAM) yang terletak di
- A Kuala Lumpur
 B Pulau Pinang
 C Shah Alam
 D Melaka
16. Dalam sidang kemuncak NAM kali ke-13 pada tahun 2003, deklarasi Kuala Lumpur menyatakan sikap NAM terhadap
- I. Isu Palestin
 II. Isu Afghanistan
 III. Pencerobohan Israel di Palestin
 IV. Serangan Amerika ke atas Iraq
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
17. Tun Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia telah dilantik sebagai pengerusi OIC pada tahun 2003. Apakah isu yang diketengahkan oleh Malaysia sebagai pengerusi OIC?
- A Mewujudkan kerjasama ketenteraan
 B Memerangi penyalahgunaan dadah
 C Memulihara alam sekitar
 D Menolak keganasan
18. Apakah bukti Malaysia memberikan sokongan kuat kepada perjuangan rakyat Palestin?
- A Menghantar bantuan ketenteraan
 B Menambah pelaburan pelbagai sektor
 C Meningkatkan kerjasama kebudayaan
 D Mejadi tuan rumah persidangan Keserantau Asia
19. Tunku Abdul Rahman telah mencetuskan idea penubuhan OIC pada tahun 1971. Antara manfaat penubuhan OIC yang nikmati oleh Malaysia ialah
- A Meningkatkan taraf hidup rakyat
 B Meningkatkan perhubungan sosio budaya
 C Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa
 D Mengekalkan hubungan baik dengan negara Islam
20. Malaysia menyokong perjuangan Mujahidin Afghanistan terhadap Rejim Kabul. Malaysia membenarkan Mujahidin Afghanistan membuka pejabat perwakilan di
- A Putrajaya
 B Shah Alam
 C Kuala Lumpur
 D Pulau Pinang

Bahagian B: Soalan Struktur

1. Kesultanan Melayu Melaka mempunyai hubungan yang erat dengan pelbagai kerajaan di rantau atau di luar Alam Melayu pada abad ke-15 dan ke-16.

a. Senaraikan hubungan diplomatik kerajaan Kesultanan Melayu Melaka dengan kerajaan luar

i.

ii.

iii.

3 markah

b. Nyatakan kepentingan hubungan luar Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15

.....

.....

.....

3 markah

c. Pada pandangan anda, mengapakah hubungan baik dengan negara luar perlu diperkukuh?

.....

.....

.....

.....

4 markah

2. Malaysia menyertai Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) sejak bermulanya pertubuhan ini

a. Apakah yang anda faham tentang pertubuhan OIC?

.....

.....

2 markah

b. Nyatakan faedah ekonomi dan pendidikan yang diperolehi Malaysia dengan menyertai Pertubuhan Persidangan Islam OIC.

.....

.....

2 markah

- c. Jelaskan pelibatan Malaysia dalam menyuarakan pandangan tentang isu politik yang melanda negara Islam.

.....
.....
.....

3 markah

- d. Pada pendapat anda, apakah peranan yang dimainkan oleh negara-negara Islam bagi menolak tomahan yang mengaitkan Islam dengan keganasan?

.....
.....
.....

3 markah

Bahagian C: Soalan Esei

- 1. Malaysia menjadi anggota PBB sejak negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.
 - a. Nyatakan pelibatan Malaysia dalam Agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) 8 markah
 - b. Senaraikan sumbangan Malaysia dalam Misi Pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) 6 markah
 - c. Pada pandangan anda, adakah PBB mampu berperanan menjamin keamanan dunia? 6 markah

10. KECEMERLANGAN MALAYSIA DI PERSADA DUNIA

10.1 Malaysia dalam Isu Global Kontemporari

Sebagai negara yang mengamalkan sikap terbuka, isu pada peringkat global sama ada isu ekonomi, sosial mahupun politik turut mempengaruhi perkembangan negara kita. Sikap dan pandangan Malaysia tentang isu tersebut turut disuarakan dalam pelbagai pertubuhan antarabangsa.

Kemampuan Malaysia menangani isu global membolehkan kedudukan Malaysia dihormati oleh negara lain. Antara isu global yang dihadapi oleh Malaysia termasuklah penyalahgunaan dadah, pertindihan sempadan, kempen antiminyak sawit, pemerdagangan orang dan penyakit berjangkit.

1. Penyalahgunaan Dadah

Penyalahgunaan dadah merupakan isu global yang dihadapi oleh Malaysia. Malaysia antara negara yang mengisytiharkan perang terhadap penyalahgunaan dadah dan menjatuhkan hukuman berat kepada pesalah dadah.

- i. Kesungguhan Malaysia memerangi bahaya penyalahgunaan dadah disuarakan dalam forum antarabangsa seperti International Drug Enforcement Conference-IDEAC (Persidangan Penguatkuasaan Dadah Antarabangsa) yang ditubuhkan pada tahun 1983 oleh Amerika Syarikat.
- ii. Malaysia turut mendapatkan kerjasama daripada International Criminal Police Organization - INTERPOL (Polis Antarabangsa) dalam usaha memerangi dadah serta bekerjasama dengan negara lain bagi menggubal strategi operasi menangani masalah dadah.
- iii. Kelantangan Malaysia memerangi dadah disuarakan dalam forum PBB apabila Tun Dr. Mahathir Mohamad, terpilih sebagai Ketua Jawatankuasa Antidadah Antarabangsa pada tahun 1988.

2. Pertindihan Sempadan

Malaysia turut terlibat dalam isu tuntutan sempadan dan hak milik bertindih dengan negara lain.

- i. Tuntutan terhadap Pulau Batu Putih melibatkan Malaysia dengan Singapura manakala Pulau Sipadan dan Ligitan antara Malaysia dengan Indonesia.
- ii. Kedua-dua tuntutan ini diselesaikan melalui keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Antarabangsa. Pada tahun 2002, Mahkamah Antarabangsa memutuskan Pulau Sipadan dan Ligitan menjadi hak milik Malaysia.

- iii. Pada tahun 2008, Mahkamah Antarabangsa memutuskan hak milik Pulau Batu Putih kepada Singapura.
- iv. Isu tuntutan Kepulauan Spratly melibatkan China, Vietnam, Brunei dan Filipina. Isu ini masih belum selesai sehingga hari ini.
- v. Kedudukan Kepulauan Spratly yang terletak di tengah-tengah rantau Asia Tenggara bukan sahaja penting dari sudut geostrategik tetapi juga dari aspek perdagangan sehingga menjadi asas perebutan banyak negara.
- vi. Bagi Malaysia, tuntutan terhadap Kepulauan Spratly bermula pada tahun 1979 apabila memasukkan sebahagian daripada Kepulauan Spratly ke dalam wilayah Malaysia. Kepulauan ini merangkumi Pulau. Kecil Amboyna, Terumbu Ubi, Terumbu Semarang Barat dan Layang-Layang seperti yang termaktub dalam Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984.
- vii. Antara usaha yang dilakukan bagi menyelesaikan isu ini termasuklah membangkitkan isu Spratly dalam Forum ASEAN-China pada tahun 1995.

3. Kempen Anti minyak Sawit

Gerakan antiminyak kelapa sawit yang dilancarkan oleh negara maju menggugat ekonomi negara sedang membangun. Isu ini terpaksa dihadapi oleh negara pengeluar minyak sawit termasuk Malaysia dan Indonesia.

- i. Minyak sawit menjadi pesaing utama kepada minyak kacang soya hingga menyebabkan kempen antiminyak sawit dijalankan oleh American Soybean Association (ASA) iaitu pengeluar minyak kacang soya.
- ii. Gerakan antiminyak sawit dilaksanakan oleh ASA dan pihak NGO Pencinta Alam di Eropah. Bagi ASA, minyak sawit menjejaskan penjualan minyak kacang soya manakala bagi NGO Pencinta Alam pula, penanaman kelapa sawit dikatakan menjadi punca pencemaran alam sekitar, kemusnahan hutan dan habitat haiwan liar.
- iii. Malaysia menangani isu ini melalui pertubuhan Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO), kempen secara berterusan serta mendapatkan skim pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) sejak tahun 2019. Langkah ini bertujuan menghasilkan pengeluaran minyak sawit secara mampan dan pelaksanaan amalan baik seperti Good Agricultural Practices-GAP (Amalan Pertanian Baik).
- iv. Tindakan Malaysia secara berhemah dapat mengelakkan sebarang konflik dengan negara lain.

4. Pemerdagangan Orang

Pemerdagangan orang merupakan jenayah terancang. Aktiviti ini dijalankan tanpa mengenal bangsa, agama, keturunan dan warna kulit. Pemerdagangan orang

merupakan ancaman terhadap hak asasi manusia dan keselamatan negara.

- i. Perkembangan ekonomi dan kemakmuran Malaysia menarik kehadiran warga asing. Terdapat warga asing yang masuk ke Malaysia melalui sindiket pemerdagangan orang.
- ii. Kedudukan Malaysia yang strategik di Asia Tenggara turut menjadikannya sebagai lokasi transit bagi pemerdagangan orang ke negara lain.
- iii. Malaysia menguatkuasakan undang-undang dan memberikan bantuan kepada mangsa pemerdagangan orang. Undang-undang dikuatkuasakan menerusi Konvensyen PBB mengenai Hak Kanak-Kanak 1989 dan Protokol PBB untuk mencegah, menyekat serta menghukum pesalah pemerdagangan orang.
- iv. Malaysia menubuhkan Council For Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrants- MAPO (Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran) pada tahun 2008 dan menguatkuasakan Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrants Act 2007- ATIPSOM 2007 (Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran, 2007). Malaysia juga mewujudkan Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2010-2015), menjalankan rundingan dengan negara luar, penguatkuasaan, pendakwaan dan perlindungan.

5. Penyakit Berjangkit

Penyakit berjangkit merupakan fenomena yang wujud dalam masyarakat di seluruh dunia seperti Acquired Immune Deficiency Syndrome-AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit).

- i. Penyakit ini dikesan di Malaysia pada tahun 1986. Sehingga tahun 2014, sejumlah lebih 100 000 kes dilaporkan dengan lebih 16 000 kematian. Penyakit ini merebak disebabkan gaya hidup yang tidak sihat serta penyalahgunaan dadah.
- ii. Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kesihatan bertindak proaktif memastikan penyakit ini tidak merebak melalui pemeriksaan kesihatan secara berterusan dan memberikan rawatan kepada mangsa. Tindakan ini menyebabkan Malaysia berjaya mengawal penularan wabak tersebut.
- iii. WHO memperakukan pencapaian Malaysia sebagai antara negara di Asia yang berjaya mengurangkan masalah penularan wabak daripada ibu kepada anak pada tahun 2018.
- iv. Sejak tahun 2011, Malaysia mendukung hasrat PBB untuk menjadikan dunia bebas AIDS pada tahun 2030 melalui pelaksanaan National Strategic Plan for Ending AIDS-NSPEA (Pelan Strategik Kebangsaan Mengakhiri AIDS).
- v. Malaysia turut menyambut Hari AIDS Sedunia yang diadakan pada 1 Disember setiap tahun.

10.2 Peranan Malaysia dalam Hubungan Ekonomi Antarabangsa

Malaysia mengamalkan ekonomi pasaran bebas selari dengan perkembangan yang berlaku dalam ekonomi antarabangsa dan memainkan peranan besar dalam hubungan ekonomi antarabangsa. Peranan ini dapat dilihat melalui pelibatan dalam pelbagai perjanjian termasuklah ASEAN Free Trade Area - AFTA (Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN). Malaysia juga lantang menyuarakan ketidakadilan dalam ekonomi dan bertindak tegas bagi memastikan kedudukan ekonomi negara tidak terjejas.

1. Meluaskan Pasaran Ekonomi

Pertumbuhan ekonomi sesebuah negara sangat bergantung pada keupayaan negara tersebut menjual barangannya ke pasaran antarabangsa.

- i. Malaysia bersetuju untuk mempermudah dan meningkatkan perdagangan sesama anggota ASEAN. Hal ini membawa kelahiran AFTA pada tahun 1992.
- ii. Perjanjian AFTA bertujuan menjadikan kawasan ASEAN sebagai tempat produksi yang kompetitif bagi hasil keluaran negara ASEAN. Satu bentuk kerjasama ekonomi dalam kalangan negara ASEAN dapat dilaksanakan melalui AFTA terutama untuk mengurangkan tarif dan cukai barangan.
- iii. Malaysia terlibat sepenuhnya dalam AFTA. Pelibatan ini membawa kebaikan kepada perkembangan ekonomi negara.

2. Dominasi Ekonomi Negara Maju

Perkembangan ekonomi Malaysia bukan sahaja bergantung pada pasaran domestik tetapi juga pasaran antarabangsa.

- i. Malaysia sering berhadapan dengan sikap negara maju yang mengenakan pelbagai sekatan dan halangan perdagangan dalam bentuk tarif dan cukai. Keadaan ini menjejaskan perdagangan negara.
- ii. Malaysia bersuara agar diberikan layanan yang saksam kepada semua negara. Pandangan ini dibangkitkan oleh Malaysia dalam pelbagai forum antarabangsa termasuklah di PBB dan Asia-Pacific Economic Cooperaton - APEC (Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik).

3. Kerjasama Pembangunan Ekonomi Segi Tiga

- i. Malaysia memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi yang melibatkan kerjasama pembangunan segi tiga, iaitu pembangunan wilayah baharu yang dimajukan bersama-sama negara anggota ASEAN. Kerjasama ini bertujuan

mendapatkan keuntungan bersama apabila negara jiran saling membantu bagi memajukan kawasan yang terlibat.

- ii. Malaysia memperoleh manfaat yang besar melalui kerjasama ini kerana dapat mengurangkan monopoli pasaran barangan dalam **ASEAN** daripada negara maju. Selain itu, negara kita juga dapat mengurangkan kebergantungan pada pasaran kewangan antarabangsa dengan mewujudkan pelbagai badan yang berkaitan seperti koperasi **ASEAN**, bank **ASEAN** serta cadangan untuk menggunakan wang **ASEAN** dan membendung campur tangan ekonomi negara maju.

4. Menangani Kemelesetan Ekonomi

Pada tahun 1997-1998, kebanyakan negara Asia termasuk Malaysia menghadapi kemelesetan ekonomi yang bermula dengan kejatuhan nilai ringgit, antara lain disebabkan oleh spekulasi mata wang.

- i. Menurut Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam buku *The Malaysian Currency Crisis: How and Why It Happened*, perkembangan ini menyebabkan pelabur luar menarik pelaburan mereka di Malaysia sehingga menjejaskan ekonomi Malaysia.
- ii. Malaysia didesak untuk mencontohi langkah yang diambil oleh negara lain, iaitu menggunakan pelan perancangan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), namun negara kita enggan menerimanya.
- iii. Malaysia menggunakan pendekatan sendiri dalam usaha memulihkan keadaan termasuklah menambat kadar pertukaran ringgit (RM) kepada dolar (USD) dengan kadar RM3.80 bagi USD1.
- iv. Langkah ini berjaya memulihkan ekonomi negara.

5. Mengantarabangsakan Sistem Kewangan Islam

Sistem kewangan Islam berlandaskan syarak dan menjadi alternatif kepada sistem kewangan konvensional.

- i. Malaysia terlibat dalam usaha membangunkan sistem kewangan ini sejak tahun 2001.
- ii. Malaysia membangunkan sistem kewangan Islam yang progresif dan komprehensif sehingga menyumbang kepada keberkesanan sektor kewangan negara.
- iii. Malaysia juga menduduki kedudukan utama dalam menduduki indeks global berkaitan dengan kewangan Islam termasuk menjadi pasaran sukuk terbesar di dunia.
- iv. Negara kita menjadi negara utama pelaburan dana Islam.
- v. Malaysia menubuhkan International centre for Education in Islamic Finance - INCIF (Pusat Antarabangsa pendidikan Kewangan Islam) untuk menyokong perkembangan kewangan Islam

10.3 Penglibatan Rakyat dalam Isu Kemanusiaan dan Keamanan

Malaysia berada di barisan hadapan dalam membangkitkan isu kemanusiaan dan keamanan. Malaysia sering menyuarakan pandangan dalam pertubuhan antarabangsa dan serantau seperti PBB, Komanwel, OIC dan ASEAN. Pandangan yang disuarakan ini berkaitan dengan aspek kemanusiaan dan keamanan terutama dalam kalangan masyarakat yang tertindas. Selain itu, rakyat Malaysia turut aktif terlibat dalam pelbagai aktiviti kesukarelawanan bagi membantu golongan yang tidak bernasib baik sama ada disebabkan bencana alam mahupun peperangan. Tindakan ini secara langsung menaikkan nama Malaysia di mata dunia. Isu Palestin dan Syria merupakan antara isu yang menonjolkan pelibatan rakyat Malaysia dalam pertubuhan antiarabangsa. Selain itu, rakyat Malaysia juga terlibat dalam misi kemanusiaan di Aceh dan Sri Lanka.

1. Isu Palestin

Perjuangan menegakkan isu Palestin disuarakan oleh semua Perdana Menteri Malaysia, sejak zaman Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj. Sejak tahun 1948, rejim Zionis Israel melakukan kekejaman, pengusiran dan pembunuhan terhadap penduduk Palestin. Tindakan ini menjadi asas perjuangan Malaysia bagi memastikan hak dan keadilan rakyat Palestin mendapat pembelaan.

Penglibatan rakyat dalam menangani isu kemanusiaan di Palestin dapat dilihat secara jelas melalui Non-Governmental Organization –NGO (Pertubuhan Bukan Kerajaan). Kewujudan NGO ini membolehkan satu bentuk koordinasi membantu warga Palestin dapat dilaksanakan. Antara NGO yang aktif dalam bidang sukarelawan ini termasuklah Aman Palestin dan Cinta Gaza Malaysia (CGM)

NGO yang membantu Palestin:

a. Aman Palestin

- i. Didaftarkan secara rasmi pada tahun 2006 dan menjadi organisasi yang giat membantu rakyat Palestin secara kolektif, sistematik, berterusan dan berkesan,
- ii. Menyalurkan bantuan kebajikan dan sumbarigan orang ramai kepada rakyat Palestin.

b. Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM)

- i. Gabungan beberapa buah NGO dan turut menjalankan kerja-kerja kesukarelawanan dalam usaha membantu rakyat Palestin yang tertindas.
- ii. Antara aktiviti yang termasuklah mengadakan Hari Solidariti Rakyat Palestin

c. Cinta Gaza Malaysia (CGM)

- i. Diasaskan oleh Muhammad Nadir Al-Nuri Kamarulzaman dan menjalankan operasi sejak tahun 2013.
- ii. Menjalankan aktiviti kutipan dan sumbangan kepada penduduk Gaza terutama kanak-kanak, ibu tunggal dan warga emas.
- iii. Melancarkan Projek Ramadan 2020 dengan tema "Ramadan Bulan Berkongsi Kebahagiaan" merangkumi bantuan perubatan, kebajikan belia, teknologi hijau, infrastruktur, pendidikan, pengajian al-Quran serta seni dan budaya

4. Muslim Care Malaysia

- i. Ditubuhkan pada tahun 2006 dan secara aktif menjalankan misi kemanusiaan termasuk di Palestin.

Rakyat Malaysia turut menyatakan sokongan padu kepada rakyat Palestin. Mereka melakukan demonstrasi sebagai tanda sokongan kepada Palestin dan menubuhkan Tabung Palestin untuk mengutip sumbangan kewangan kepada mangsa Zionis di Palestin.

Selain itu, rakyat Malaysia turut terlibat menghantar bantuan makanan dan perubatan ke Palestin menerusi program Freedom Flotilla, iaitu program kemanusiaan yang digerakkan oleh Free Gaza Movement yang ahlinya datang dari seluruh dunia. Rakyat Malaysia yang menyertai misi kemanusiaan turut menghadapi cabaran seperti ditawan dan dipenjarakan.

- i. Sebanyak 12 orang sukarelawan Malaysia yang berada di dalam kapal *Mavi' Marmara* ditawan oleh pihak Israel pada bulan Mei 2010.
- ii. Dr. Fauziah Mohd Hasan turut serta dalam misi kemanusiaan ke Palestin dalam program "Women's Boat to Gaza" pada bulan Ogos 2016. Kapal *Zaytouna-Oliva* yang dinaiki beliau ditawan oleh pihak Israel.
- iii. Dr. Mohd Afandi Salleh pula terlibat dalam misi kemanusiaan ke Palestin menaiki kapal *Al-Awda* pada tahun 2018. Kapal tersebut ditawan oleh Israel dan beliau ditahan di dalam penjara di Israel sebelum dibebaskan kemudiannya.

2. Isu Syria

Krisis politik di Syria bermula pada tahun 2011 menyebabkan rakyat Syria mengalami kesengsaraan terutamanya masalah kekurangan makanan dan kemudahan perubatan. Malaysia tampil memberikan bantuan dan sokongan kepada rakyat Syria. Pada 1 Oktober 2015, kerajaan mengumumkan kesediaan untuk menerima 3000 orang pelarian warganegara Syria dalam tempoh tiga tahun secara sukarela atas dasar kemanusiaan. Pelibatan rakyat Malaysia

membantu rakyat Syria pula dapat dilihat melalui peranan NGO.

NGO yang terlibat membantu Syria:

1. Organisasi Humanitarian Care Malaysia (MyCare)

- i. Gabungan enam buah NGO kemanusiaan.
- ii. Melancarkan kempen i4Syria pada tahun 2011 bagi menyalurkan pelbagai bantuan kepada pelarian Syria.
- iii. Mengendalikan aspek pendidikan, kesihatan dan kebajikan pelarian Syria berada di Malaysia

2. Cinta Syria Malaysia (CSM)

- i. Ditubuhkan pada tahun 2014.
- ii. Memberikan bantuan kemanusiaan kepada pelarian Syria yang berada di Turki, Lubnan dan Malaysia.
- iii. Menubuhkan "Sekolah KITA", iaitu program pendidikan percuma untuk anak-anak pelarian Syria.

3. Global Peace Mission (GPM)

- i. Ditubuhkan pada **tahun 2001**.
- ii. Aktif menjalankan pelbagai aktiviti kesukarelawanan dan kemanusiaan di 30 buah negara.
- iii. Turut aktif memberikan bantuan kemanusiaan kepada pelarian Syria berupa makanan, ubatan dan peralatan.

Tsunami di Aceh dan Sri Lanka

Bencana alam seperti tsunami yang memusnahkan Aceh dan Sri Lanka pada tahun 2004 menarik perhatian Malaysia. Penduduk Aceh dan Sri Lanka kehilangan segalanya dalam sekelip mata. Keadaan ini menyebabkan Malaysia melancarkan bantuan segera termasuklah bantuan perubatan, makanan dan keperluan harian. Rakyat Malaysia yang prihatin turut memberikan bantuan melalui badan seperti MERCY Malaysia.

NGO yang terlibat dalam misi kemanusiaan di Aceh dan Sri Lanka:

1. Malaysian Medical Relief Society (MERCY Malaysia)

- i. Ditubuhkan pada tahun 1999 oleh Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood.
- ii. Aktif dalam bidang kesukarelawanan dan kemanusiaan membabitkan negara yang berkonflik dan ditimpa bencana
- iii. Bertindak memberikan bantuan perubatan serta membina semula pusat kesihatan komuniti di Aceh.
- iv. Membangunkan infrastruktur di Sri Lanka termasuk sekolah dan jambatan bagi kemudahan penduduk.

2. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)

- i. Ditubuhkan pada tahun 1971.
- ii. Memberikan bantuan kemanusiaan kepada pihak yang memerlukan termasuklah mangsa bencana tsunami Aceh
- iii. Mendirikan sekolah dan rumah perlindungan kepada lebih kurang 120 orang anak yatim yang menjadi mangsa tsunami di Banda Aceh.

3. Yayasan Restu

- i. Ditubuhkan pada tahun 1998.
- ii. Memberikan bantuan pendidikan percuma kepada warga Aceh.
- iii. Membangunkan rumah anak yatim Babun Najah di Ulee Kareung, Aceh.

10. 4 Usaha Mengekalkan Kelestarian Global

Mengekalkan kelestarian global bermaksud usaha untuk mengekalkan serta memelihara keaslian alam sekitar bagi membolehkannya diwarisi oleh generasi akan datang. Malaysia memberikan komitmen yang tinggi dalam pemeliharaan alam sekitar. Negara kita juga melibatkan diri dalam pelbagai program bersama-sama pertubuhan antarabangsa.

1. Mengisytiharkan Deklarasi Langkawi

Bukti komitmen Malaysia dan negara Komanwel untuk memelihara alam sekitar ialah dengan Pengisytiharan Deklarasi Langkawi. Deklarasi Langkawi diadakan pada bulan Oktober 1989 bersempena Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel. Deklarasi Langkawi dilaksanakan sebagai usaha menangani isu alam sekitar terutama kesan rumah hijau, kerosakan dan penipisan ozon serta pencemaran yang disebabkan aktiviti manusia yang tidak terkawal.

- i. Anugerah Langkawi diberikan kepada warganegara Malaysia yang menunjukkan komitmen dan sumbangan besar dalam bidang alam sekitar. Anugerah ini dimulakan pada tahun 1991.
- ii. Malaysia turut melaksanakan Dasar Alam Sekitar Negara 2002 yang menjadi asas dalam pembangunan negara.
- iii. Pada tahun 2006, kerajaan negeri Kedah mengisytiharkan Langkawi sebagai *geopark* bagi memastikan kelestariannya terjamin.
- iv. Malaysia telah melancarkan Dasar Teknologi Hijau Negara pada tahun 2009 untuk menggalakkan penggunaan produk teknologi hijau bagi mengawal perubahan iklim.

2. Menyertai Sidang Kemuncak Bumi

Isu pencemaran alam sekitar merupakan salah satu isu yang mencetuskan Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1992. Malaysia menunjukkan

kesungguhan dalam memulihara alam sekitar dengan menyertai sidang Bumi di Rio de Janeiro, Brazil yang dianjurkan oleh PBB.

- i. Komitmen Malaysia terpapar melalui pelibatan negara dalam Sidang Kemuncak Bumi ini yang mengeluarkan deklarasi Agenda 21.
- ii. Agenda 21 ini merupakan satu dokumen umum yang penting bagi pengurusan aktiviti manusia dalam sesebuah negara. Agenda ini menyentuh tindakan pembangunan abad ke-21 bagi mengatasi masalah kemiskinan, kebuluran dan kemerosotan ekosistem.
- iii. Selain itu, Malaysia turut terlibat dalam Protokol Kyoto 1997 dan persidangan alam sekitar di Bali pada tahun 2007. Persidangan-persidangan ini merupakan satu persetujuan sah dan persefahaman negara maju bahawa negara yang terlibat ini akan mengurangkan pembebasan gas rumah hijau secara kolektif dan menggalakkan penggunaan tenaga baharu seperti tenaga solar.
- iv. Hasrat Malaysia adalah untuk menerapkan dan mengguna pakai segala saranan agenda tersebut dalam program pembangunan bagi memastikan alam sekitar negara tidak terjejas dan dapat diwariskan kepada generasi akan datang.

3. Antartika sebagai Warisan Sejagat

Malaysia merupakan antara negara yang membangkitkan isu Antartika menganggap bahawa penerokaan terhadap benua ais tersebut dilakukan secara tidak adil.

- i. Penerokaan terhadap Antartika didominasi oleh hanya sebahagian kecil negara.
- ii. Pandangan Malaysia ini diutarakan sejak tahun 1983 melalui NAM. Dalam Sidang Kemuncak NAM ketujuh di New Delhi, India, Malaysia mendesak PBB mengambil langkah pertama menjadikan Antartika sebagai warisan manusia sejagat.
- iii. Malaysia mencadangkan PBB mentadbir Antartika agar segala bentuk hasil yang terdapat di benua tersebut dapat dikongsi bersama-sama oleh semua negara. Pandangan ini mendapat sokongan daripada negara lain.
- iv. Malaysia mengambil inisiatif membentuk pasukan penyelidik dalam pelbagai bidang ke Antartika. Antara anak tempatan yang mencatatkan sejarah terlibat dalam penyelidikan ini termasuklah Dr. Haji Omar Abdul Rahman yang melawat Antartika pada tahun 1985.
- v. Malaysia secara giat melakukan penyelidikan di Antartika sejak tahun 1999 terutama dalam bidang perubahan iklim dan kajian gas rumah hijau.
- vi. Malaysia juga mewujudkan Pusat Penyelidikan Antartika Kebangsaan yang ditempatkan di Universiti Malaya dan diterajui oleh Dr. Azizan Abu Samah.

- vii. Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) di Kuala Lumpur turut terlibat melakukan penyelidikan saintifik di Antartika.
- viii. Komitmen Malaysia dalam penyelidikan Antartika membuktikan bahawa negara kecil juga mampu mencapai kejayaan jika diberi peluang dalam penyelidikan di Antartika.

10.5 Wawasan Malaysia Menuju Masa Hadapan

Wawasan masa hadapan bermaksud strategi jangka panjang dalam pelbagai aspek berkaitan dengan pembangunan negara. Dalam melihat kepada perkembangan sejarah serantau dan antarabangsa, Malaysia lebih yakin untuk menuju masa hadapan yang cemerlang dalam pelbagai bidang. Malaysia merangka pelbagai usaha bagi memastikan generasi akan datang turut menikmati kehidupan yang lebih baik.

1. Komuniti ASEAN

Komuniti ASEAN ditubuhkan pada tahun 2015 melalui Deklarasi Kuala Lumpur sewaktu Sidang Kemuncak ASEAN ke-27.

- i. Komuniti ASEAN merupakan satu langkah menyeluruh, strategik dan bersifat memandang ke hadapan serta mencerminkan aspirasi ASEAN.
- ii. Wawasan ASEAN memberikan fokus pada ekonomi, sosiobudaya dan keselamatan. Pertumbuhan ekonomi ASEAN diharapkan dapat dipertingkatkan ke tahap yang lebih tinggi.
- iii. Melalui komuniti keamanan pula, menjadi harapan agar keselamatan rantau ASEAN kekal terjamin dan segala konflik dapat diselesaikan secara damai.
- iv. Hasrat komuniti sosiobudaya pula agar integrasi antara negara anggota ASEAN dapat dipertingkatkan ke tahap yang lebih baik.

2. Keselamatan Makanan

Malaysia serta negara di rantau Asia Tenggara menyedari bahawa satu isu penting yang perlu dihadapi pada masa hadapan ialah isu keselamatan makanan.

- i. United Nations' Committee (UNC) pada tahun 1996 menyebut bahawa keselamatan makanan merujuk setiap orang pada setiap masa mempunyai akses kepada sumber makanan yang mencukupi, selamat dan berkhasiat yang memenuhi keperluan makanan mereka.
- ii. Antara isu tentang keselamatan makanan termasuklah berlaku kenaikan harga barangan yang keterlaluan, bekalan barangan terhad kerana masalah pengeluaran, bencana alam atau pencemaran makanan.
- iii. Malaysia bekerjasama dengan negara anggota ASEAN untuk menubuhkan Rizab Sekuriti Makanan ASEAN. Usaha ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat tentang dasar sekuriti makanan bagi

negara anggota ASEAN dan membentuk Simpanan Beras Kecemasan ASEAN. Rizab ini boleh digunakan sewaktu kecemasan dan kadar yang ditetapkan sebanyak 50 000 tan yang disimpan sebagai stok

3. Alam Sekitar

Isu alam sekitar seperti Jerebu merupakan fenomena atau pencemaran udara yang menjejaskan jarak penglihatan dan kesihatan. Hal ini disebabkan pembakaran terbuka yang tidak terkawal terutamanya pembakaran hutan. Malaysia bersama-sama negara ASEAN mengambil langkah aktif bagi memastikan isu ini dapat diatasi pada masa hadapan.

- i. Langkah ini dilaksanakan melalui Perjanjian ASEAN berkaitan dengan Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan.
- ii. Perjanjian ini merupakan sebuah perjanjian serantau pertama di dunia. Menerusi perjanjian ini, negara anggota yang terlibat disarankan untuk mengambil langkah dari aspek undang-undang dan pentadbiran serta tindakan lain yang sewajarnya. Pelaksanaan tersebut amat penting bagi memastikan krisis jerebu tidak akan berlaku lagi di rantau Asia Tenggara dengan menekankan prinsip, "ASEAN Tanpa Jerebu 2020".
- iii. Malaysia dan Singapura juga bersetuju bekerjasama untuk melaksanakan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pencegahan kebakaran di tanah gambut bagi mencari penyelesaian menangani isu jerebu di rantau ini.

4. Zon Bebas Nuklear

Isu pertahanan dan keselamatan merupakan isu penting bagi memastikan rantau Asia Tenggara berada dalam keadaan aman dan selamat terutamanya daripada persaingan senjata nuklear.

- i. Malaysia menandatangani Southeast Asian Nuclear-Weapon-Free-Zon (SEANWFZ) atau dikenali sebagai Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara pada tahun 1995. Perjanjian ini menekankan agar negara yang terlibat tidak mengembangkan, mengeluarkan, memperoleh, memiliki atau mengawal senjata nuklear.
- ii. Kedudukan Asia Tenggara yang strategik turut menjadikannya terlibat secara langsung dalam kancang persaingan membabitkan kuasa besar seperti China dan Amerika Syarikat yang turut memiliki senjata nuklear.
- iii. Dalam keadaan ini, Malaysia tidak boleh berdiam diri dan membiarkan perairan Selat Melaka dan Laut China Selatan digunakan oleh kapal perang asing yang membawa senjata nuklear. Malaysia berasakan bahawa kedua-dua laluan tersebut perlu bebas daripada senjata nuklear.

- iv. Malaysia bertindak untuk tidak membenarkan kapal yang membawa senjata nuklear berlabuh atau mengadakan latihan di perairan negara ini kerana boleh membawa konflik yang buruk kepada rantau Asia Tenggara.

5. Kerelevanan Organisasi Antarabangsa

Malaysia memandang serius terhadap pertubuhan dunia seperti PBB dan OIC yang tidak mampu bertungsi dengan baik dalam menjayakan matlamatnya terutama bagi melindungi hak dan kedudukan negara kecil yang sedang membangun.

- i. Malaysia berpandangan bahawa penggunaan kuasa veto oleh kuasa besar hanya sah jika dua buah negara yang mempunyai kuasa itu bersama-sama tiga anggota yang tidak memiliki kuasa veto bersetuju untuk menggunakannya demi memastikan penyalahgunaan kuasa veto dikurangkan. Negara yang memiliki kuasa veto tidak sepatutnya meletakkan diri mereka terkecuali daripada undang-undang antarabangsa.
- ii. Malaysia menganjurkan Sidang Kemuncak Kuala Lumpur 2019 yang melibatkan kira-kira 56 buah negara Islam dengan 450 perwakilan. Matlamat sidang ini adalah untuk merapatkan jurang dan kedudukan masyarakat Islam bagi menangani pelbagai isu.

6. Hak Asasi Manusia, Pelarian dan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI)

Malaysia menyedari bahawa isu hak asasi manusia, pelarian dan pendatang asing tanpa izin (PATI) merupakan isu yang saling berkait dan penting pada masa hadapan. Keamanan, kemakmuran dan pertumbuhan ekonomi yang pesat menjadi faktor penarik kepada kemasukan PATI dan pelarian.

- i. Kehadiran PATI dan pelarian ini mampu membawa implikasi terhadap sosial, ekonomi, jenayah, politik dan hubungan diptomatik Serta berupaya untuk mengancam ketenteraman dan keselamatan negara. Malaysia turut membendung kemasukan PATI melalui pengukuhan mekanisme pengurusan warga asing.
- ii. Malaysia terlibat dalam pelbagai program di bawah PBB terutama United Nations High Commissioner for Refugees - UNHCR (Suruhanjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Pelarian). Malaysia turut dilantik sebagai ahli suruhanjaya ini pada tahun 1993 hingga tahun 1995.
- iii. Sebagai langkah proaktif juga sebuah badan berkaitan dengan hak asasi manusia, iaitu Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) ditubuhkan pada tahun 1999.

Bahagian A: Soalan Objektif

1. Antara berikut yang manakah berkaitan dengan isu global kontemporari yang dihadapi oleh Malaysia?

ms I. Penyakit berjangkit
226 II. Pertindihan sempadan
III. Kemelesetan ekonomi
IV. Kedatangan buruh asing
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

2. Mengapakah NGO Pencinta Alam di Eropah melakukan kempen anti minyak sawit?

ms I. Menggunakan buruh paksa
228 II. punca pencemaran alam sekitar
III. kemusnahan habitat haiwan liar
IV. menjejaskan penjualan minyak kacang soya
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

3. Mengapakah Malaysia menjadi lokasi transit bagi pemerdagangan orang ke negara lain?

ms A Kedudukan strategik
229 B Kemasukan ramai pelancong
C Kelonggaran syarat imigresen
D Ketiadaan undang-undang jenayah

4. Perjanjian AFTA membentuk kerjasama ekonomi dalam kalangan negara ASEAN terutama untuk

ms A Mengenakan cukai import
230 B Meningkatkan hasil pendapatan
C Menyekat kemasukan dagangan asing
D Mengurangkan tariff dan cukai barangan

5. Apakah yang dibangkitkan oleh Malaysia dalam pelbagai forum antarabangsa terhadap sikap negara maju yang mengenakan pelbagai sekatan dan halangan perdagangan

ms A Layanan yang saksama
230 B Tolak ansur perdagangan
C Mengurangkan duti import
D Mengurangkan cukai barangan

6. Apakah manfaat yang peroleh oleh Malaysia melalui Kerjasama Pembangunan Ekonomi Segi Tiga ASEAN?

ms A Meningkatkan hasil cukai melalui duti
231 import
B Mengurangkan import barangan makanan dari luar
C Meningkatkan hasil eksport negara ke negara ASEAN
D Mengurangkan monopoli pasaran barangan dalam ASEAN daripada negara maju

7. Cadangan yang dikemukakan oleh Malaysia dalam bagi mengurangkan kebergantungan pada pasaran kewangan antarabangsa ialah

ms A Mewujudkan kerjasama ekonomi
231 B Menggunakan mata wang ASEAN
C Mewujudkan pasaran kewangan negara anggota
D Mengurang duti import dalam kalangan negara ASEAN

8. Antara faktor kemelesetan ekonomi dikebanyakan negara Asia pada tahun 1997-1998 ialah

ms A Spekulasi mata wang
232 B Kenaikan harga minyak
C Kejatuhan dolar Amerika
D Kejatuhan harga komoditi

9. Malaysia menubuhkan International centre for Education in Islamic Finance - INCIF (Pusat Antarabangsa pendidikan Kewangan Islam) untuk

ms A penubuhan bank Islam
232 B mengukuhkan ekonomi Malaysia
C mendapatkan bantuan pinjaman kewangan
D menyokong perkembangan kewangan Islam

10. Pernyataan berikut adalah berkaitan NGO Malaysia yang menyokong perjuangan rakyat Palestin

- Didaftarkan secara rasmi pada tahun 2006
- Menjadi organisasi yang giat membantu rakyat Palestin secara kolektif, sistematik, berterusan dan berkesan.

NGO tersebut ialah

ms A Cinta Gaza Malaysia (CGM)
234 B Global Peace Mission (GPM)
C Muslim Care Malaysia
D Aman Palestin

11. NGO Malaysia yang melancarkan kempen i4Syria pada tahun 2011 menyalurkan bantuan kepada pelarian Syria ialah
ms 236
- A Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM)
 - B Humanitarian Care Malaysia (MyCare)
 - C Global Peace Mission (GPM)
 - D Cinta Syria Malaysia (CSM)
12. Malaysian Medical Relief Society (MERCY Malaysia) terlibat dalam misi Tsunami Aceh dengan membina
- A pusat kesihatan
 - B rumah anak yatim
 - C rumah perlindungan
 - D sekolah dan jambatan
13. Deklarasi Langkawi dihasilkan dalam Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Kuala Lumpur pada tahun 1989. Apakah persetujuan yang dicapai dalam deklarasi tersebut?
- A Menangani isu alam sekitar
 - B Penyelarasan bantuan teknikal
 - C Menyediakan dana pendidikan
 - D Membanteras penyalahgunaan dadah
14. Malaysia telah melancarkan Dasar Teknologi Hijau Negara pada tahun 2009 untuk menggalakkan penggunaan produk teknologi Hijau. Apakah tujuan teknologi ini digalakkan?
- A Mengawal perubahan iklim
 - B Menambah pendapatan petani
 - C Mengatasi kawasan tanah terbiar
 - D Meningkatkan hasil pertanian negara
15. Dalam Persidangan alam sekitar di Bali 2007, persetujuan dicapai untuk mengurangkan pembebasan gas rumah hijau secara kolektif dan menggalakkan penggunaan tenaga baharu seperti
- A gas asli
 - B tenaga solar
 - C tenaga elektrik
 - D tenaga haidraulik
